

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 8

Khamis

13 Mei 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL:

- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh
- *Y.A.B Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad*

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Dato' Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Khamis, 13 Mei 1999
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan diambil terhadap penglibatan pihak pensyarah, guru dan pelajar di beberapa IPTA dalam gerakan reformasi dan NGO menganjurkan perhimpunan haram serta menyebarkan fitnah, kecaman dan provokasi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak menafikan terdapat pelajar dan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berbau politik. Namun demikian, bilangannya adalah kecil. Mereka yang didapati terlibat akan diambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, Perlembagaan Universiti serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

Bagi pelajar, tindakan yang boleh diambil ialah amaran sehingga kepada penggantungan daripada pengajian atau pempuangan daripada institusi pengajian tinggi. Bagi kakitangan dan guru pula, mereka boleh dikenakan tindakan dari amaran sehingga kepada dibuang kerja.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah yang menjadi pemangkin yang menjadikan penuntut-penuntut ini berbuat demikian. Maknanya, gerakan demonstrasi, membakar harta-harta kerajaan di

Kuala Lumpur dan adakah perkara ini tertumpu di Kuala Lumpur sahaja dan tidak di negeri-negeri lain dan mengapa orang muda sahaja yang terlibat, yang tua saya tidak nampak langsung dalam gambar di TV.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang Kementerian Pendidikan dapat kebanyakan pelajar yang terdapat dalam kegiatan-kegiatan ini mereka adalah amat muda sekali, ada di antara mereka dari Tingkatan II, III atau IV. Mengikut laporan, mereka dipengaruhi oleh orang-orang lain yang beri mereka sedikit ganjaran dan sebagainya. Mengikut laporan, pelajar-pelajar itu selalunya ponteng dari sekolah, pada ketika itu mereka berada di luar dari sekolah dan dengan itu dipengaruhi oleh orang-orang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan asal ini adalah soalan saya, saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Kita tidak perlu menafikan lagi penglibatan guru, pensyarah dan pelajar bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah di kebanyakan negeri di seluruh negara ini. Ini satu perkara yang tidak boleh dinafikan lagi. Saya rasa Kementerian Pendidikan banyak kali menjawab tindakan akan diambil berdasarkan undang-undang Akta Universiti, Perintah Am dan sebagainya. Setakat ini kementerian hanya mendapat feedback ataupun laporan daripada pihak polis melalui gambar dan sebagainya, tetapi kementerian sendiri sama ada mempunyai satu mekanisme menubuhkan jawatankuasa untuk mengenal pasti, saya yakin kalau di peringkat universiti awam ataupun swasta mempunyai suatu komiti mengenal pasti pelajar-pelajar dan guru-guru ini. Saya percaya ini boleh dibuat, kita menghormati pendirian masing-masing. Tetapi dalam keadaan begini, keadaan yang menimbulkan rusuhan, keadaan yang seolah-olah negara kita ini tidak dikawal lagi adalah tidak baik, lebih-lebih lagi pelajar yang melibatkan perbelanjaan yang begitu banyak. Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan perlu membuat pendekatan yang komprehensif, misalannya mengadakan perjumpaan secara kumpulan yang kecil di antara guru pensyarah dengan pelajar itu sendiri, bukan hanya menjawab kita akan mengambil tindakan mengikut itu, itu, itu – itu senang, saya pun boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Marah benar nampaknya hari ini. [*Ketawa*]

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah mengambil tindakan dan sudah lancarkan program-program tertentu untuk menentukan bahawa perkara seperti itu tidak akan timbul lagi. Kementerian Pendidikan sudah jumpa dengan semua pengetua, guru-guru terangkan dengan lebih jelas keadaan sebenarnya dan Kementerian Pendidikan sudah bincang dengan pihak-pihak universiti bahawa kita haruslah mempertingkatkan tahap kawalan kita mengikut peraturan yang sudah ditetapkan. Sebagai satu contoh, Kementerian Pendidikan mulai tahun ini akan mengadakan ceramah-ceramah tertentu untuk mahasiswa-mahasiswi baru, sebelum mereka memasuki universiti tempatan kita akan kumpulkan mereka mengikut negeri supaya mereka dapat satu penjelasan, satu taklimat lebih jelas tentang apa yang kerajaan sudah buat untuk membolehkan mereka masuk ke universiti dan sebagainya. Saya rasa dengan adanya penerangan seperti itulah kita boleh tentukan bahawa apa yang sudah terjadi tidak akan diulangi, dan memang Kementerian Pendidikan akan terus mengambil tindakan sewajarnya sebagai hukuman kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Tetapi harus dijelaskan di sini kita harus tentukan bahawa, dengan izin, tube process adalah diikuti supaya pelajar-pelajar itu apabila mereka dapat hukuman mereka rasa bahawa Kementerian Pendidikan sudah beri mereka satu chance untuk terangkan dengan izin, from your point of view.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat bahawa penglibatan pelajar-pelajar daripada universiti dan pensyarah memang tidak dapat dinafikan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengikut kajian kementerian, universiti manakah mengikut rankingnya ramai mereka yang terlibat dalam gerakan-gerakan, perhimpunan-perhimpunan reformasi, provokasi dan sebagainya. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, *Harakah* adalah merupakan satu media cetak khas untuk ahli-ahli, tetapi bagaimana *Harakah* ini ada di universiti-universiti. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan terlibat dengan parti politik. Adakah pihak kementerian memantau keadaan ini dan adakah benar Universiti Islam telah merupakan universiti yang paling ramai sekali pelajar terlibat?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelajar-pelajar yang dikenal pasti terlibat dalam demonstrasi dan sebagainya adalah bilangan yang kecil. Saya rasa tidak payahlah kita ada satu ranking kerana ini tidak merupakan dengan izin, view point of vast majority. Jadi, tidak payahlah kita memperbesarkan sehingga ada satu ranking untuk universiti-universiti tempatan.

Dari segi *Harakah*, ini memang Kementerian Pendidikan tidak izin terbitkan yang bukan merupakan surat khabar diedarkan di universiti. Kementerian Pendidikan akan tentukan bahawa pihak universiti boleh memperkuatkan kawalan supaya edaran *Harakah* dan majalah-majalah yang tidak diizinkan itu tidak dapat diedarkan dalam kampus universiti.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak mengambil kira dan menghormati cita rasa anak-anak muda yang suka berhimpun secara aman.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tujuan mahasiswa-mahasiswi ialah pengajian. Kerajaan sudah beri mereka banyak bantuan seperti yuran yang rendah, biasiswa dan sebagainya. Memang kita ada peraturan untuk menentukan bahawa mahasiswa-mahasiswi itu boleh diberi peluang dan boleh menikmati satu keadaan di universiti yang dengan sepenuhnya membolehkan mereka mempertingkatkan taraf kekuasaan ilmu dan sebagainya. Jadi, sekiranya mahasiswa-mahasiswi mahu ada apa-apa perhimpunan mereka boleh buat permohonan universiti dan mengikut peraturan-peraturan mereka boleh diizinkan. Sebelum ini ada banyak ceramah, ada banyak kegiatan mahasiswa-mahasiswi universiti. Jadi, semuanya boleh buat tetapi mestilah peraturan yang kita tentukan supaya apabila mereka adakan aktiviti ini, pelajar-pelajar yang lain itu tidak dikacau dan pelajar-pelajar yang lain itu boleh terus ikuti pengajian mereka.

2. **Tuan Lim Eng Kok [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan pembinaan taska seperti mana yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) diwujudkan di premis-premis tempat kerja termasuk pejabat-pejabat, syarikat-

syarikat dan kilang-kilang bagi menolong pekerja wanita terhadap penjagaan anak-anak mereka dengan ini dapat mempertingkatkan lagi mutu produktiviti kerja mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan Jawatankuasa Penggalakan Pusat Asuhan Kanak-kanak di sektor swasta pada tahun 1992 yang dianggotai oleh 16 buah agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Sejak tahun 1992 hingga tahun 1998 sebanyak 29 buah syarikat telah menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di premis syarikat mereka. Perkembangan dan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak telah menjadi agak perlahan akhir-akhir ini akibat dari kegawatan ekonomi. Namun begitu, banyak juga syarikat bercadang untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak tahun ini. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh akan terus memantau perkembangan program ini bagi memastikan ianya diteruskan oleh pihak majikan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menyuarakan Dewan yang mulia ini, rasa tidak puas hati wanita yang bekerja – tentang pembinaan taska di premis-premis tempat kerja, bukan hanya di premis-premis di tempat pejabat kerajaan, tetapi juga syarikat-syarikat dan kilang-kilang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan telah diwujudkan jawatankuasa menggalakkan. Perkataan itu sendiri tidak memberikan satu makna yang dapat sebenarnya merupakan komitmen daripada pihak kerajaan untuk memberikan kemudahan asas kepada wanita bekerja. Pada saya, apakah sebenarnya dasar kementerian tentang pewujudan taska ini dan adakah kerajaan mempunyai komitmen yang serius kerana ini adalah satu keperluan asas terutamanya kepada saya, daripada pihak kementerian perlu memastikan, jika tidak dibuatkan mandatori di premis-premis tempat kerja, keadaan wujudnya taska-taska ini. Saya rasa tidak puas hati dengan 29 syarikat sahaja walaupun ekonomi merosot. Jadi, saya hendakkan daripada pihak Timbalan Menteri hari ini dapat memberikan penjelasan mengenai dasar daripada pihak kerajaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamalia kerana memberi peluang untuk saya memberi penjelasan dan klarifikasi kepada Dewan yang mulia ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, penggunaan perkataan 'menggalakkan' di dalam jawapan saya tadi adalah ialah sesuai kerana tidak ada dalam peruntukan mana-mana jabatan-jabatan baik dalam pihak swasta mahupun pihak awam untuk menubuhkan taska yang ada dalam undang-undang yang mana dimandatorikan mana-mana majikan menubuhkan taska ialah di dalam sektor perladangan yang mana di bawah undang-undang yang dipanggil Undang-undang Akta Standard Perumahan dan Kemudahan Pekerja Ladang Tahun 1990. Untuk kilang-kilang swasta, jabatan-jabatan tidak ada lagi undang-undang sebegitu.

Jadi, di sini perkara yang kedua ingin saya klarifikasikan ialah tujuan yang diadakan taska di jabatan-jabatan kerajaan dan di kilang-kilang swasta yang bermula pada tahun 1990 itu adalah berasaskan kepada tujuan kerajaan untuk memaksimumkan penggunaan tenaga buruh iaitu menggalakkan wanita bekerja. Jadi, apabila wanita bekerja ianya mesti dilepaskan daripada bebanan memelihara anak di rumah. Jadi, jikalau dia datang bekerja anaknya dapat diasuh di taska yang disediakan ini. Jadi, pada peringkat ini kerajaan hanya menggalakkan. Sebab itu perkataan 'menggalakkan penubuhan' dan Jabatan Buruh membuat promosi untuk menggalakkan ini. Mungkin satu hari apabila masalah tenaga buruh wanita menjadi kritikal di dalam perkembangan ekonomi kita masanya akan tiba untuk diadakan pewujudan secara mandatori di semua persekitaran pekerjaan selain daripada industri ladang.

Yang kedua mengenai masalah-masalah yang dihadapi banyak majikan industri, pihak swasta perlu mengikut beberapa peraturan dan undang-undang yang bukan di bawah Kementerian Sumber Manusia, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti undang-undang bomba mesti dipatuhi misalnya satu taska anak-anak yang diadakan di tingkat 80 tidak boleh diadakan, bomba tak bagi dan juga alam sekitar taska kanak-kanak yang mana kilang-kilangnya mengeluarkan bahan-bahan kimia yang toksik itu tidak dibenarkan oleh kementerian dan lain-lain

kementerian ini seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dia mahu satu ruang yang cukup. Tandas yang cukup pada nisbah satu pada 10 kanak-kanak. Jadi semua ini merupakan dengan izin, impediment kepada penubuhan satu taska di tempat-tempat bekerja. Kemungkinan di suatu hari nanti di mana tenaga pekerja wanita menjadi kritikal di dalam pembangunan ekonomi kita akan wujudkan satu undang-undang.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengenakan salah satu daripada syarat untuk membina taska ini, petugas-petugas pada taska-taska yang diadakan ini ada kursus khas atau syllabus khas kepada mereka untuk membolehkan supaya taska ini dikendalikan dengan satu syarat yang mana akhirnya menguntungkan kepada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang ada syarat-syarat itu di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga satu lagi di bawah Kementerian Pendidikan. Segala syarat itu diadakan untuk tenaga pengajar, untuk kehendak-kehendak yang memastikan keselesaan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun ke bawah dan 4 tahun hingga 5 tahun semuanya telahpun Yang Berhormat. Saya hendak baca satu persatu panjang sangat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana semalam sudi memberi ceramah kepada rombongan daripada Perlis dan kalau boleh dia hendak bagi jamuan pula kalau ada rombongan yang akan datang. Soalan tambahan saya daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita nampak seolah-olah terlalu banyak halangan untuk membolehkan diadakan suatu kegiatan aktiviti yang secara langsung dan tidak langsung boleh membantu menggerakkan, memulihkan ekonomi negara bagi memenuhi kehendak masyarakat penyayang, bagi meningkatkan ekonomi keluarga itu sendiri. Tetapi bila kita kemukakan terlalu banyak halangan yang berkait dengan syarikat, berkait dengan pihak

majikan dan sebagainya. Saya nampak seolah-olah kita cuba mengelakkan daripada mengadakan sesuatu yang bermanfaat, berfaedah kepada orang. Dalam masa yang sama kerajaan menggalakkan isteri-isteri bekerja....

Tuan Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat, ini berkenaan dengan taska..

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [*Ketawa*].. soalnya Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mana kita tahu mereka ini sudah ada taska dan tadika ini dan begitu juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk mewujudkan, di mana majikan tidak perlu mengeluarkan kos berlebihan, dia serap di sini dan buat di situ. Daripada buat tempat 4 atau 5 orang sahaja lebih baik buat tempat tahu ada kanak-kanak. Cuma supply guru dan duit itu lebih praktikal daripada merancang sesuatu yang melibatkan undang-undang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kepada sahabat saya dari Perlis Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah memberi peluang untuk saya berbahas – saya bukan hendak berbahas, saya hendak menjawab, semenjak saya jadi Timblan Menteri tidak ada peluang untuk berbahas langsung. Ini ada peluang saya hendak menangkis dakwaan beliau tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah luar bandar dan perladangan tidak berbangkit kerana soal sekitar yang mana diperuntukkan di bawah akta yang saya sebut tadi dua akta iaitu akta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, tidak ada sebab ia tiada masalah. Tetapi masalah-masalah dalam sektor-sektor swasta dan awam di bandar ini. Masalah-masalah itu telah wujud bukan kita wujudkan, ia telah wujud katakan satu kementerian A ia duduk di tingkat 39 Bangunan Dato'Onn jadi hendak wujudkan satu taska di situ mesti mengambil kira keselamatan kanak-kanak ini. Kalau berlaku kebakaran, gerak gempar, soalan keselamatan kanak-kanak itu mesti diadakan. Lagi satu di kawasan yang tidak tinggi iaitu di kawasan industri di mana pengeluaran gas-gas toksik seperti hidrogen sulfid, sulfur dioksida dan karbon monoksida. Walaupun kita di peringkat umur Senator Abu Bakar dengan saya tidak ada masalah tetapi kanak-kanak ini terlalu

vulnerable pada toksik-toksik gas yang saya sebut tadi. Jadi ianya memudaratkan kanak-kanak, jadi halangan itu bukan diadakan oleh kerajaan tetapi halangan itu wujud di tempat kerja. Persoalan di sini kita sedang memantau dan melihat apakah jikalau kehendak ataupun demand permintaan kepada tenaga wanita dalam pembangunan industri kita menjadi kritikal maka perlu kita cari satu penyelesaian yang mana kita menggunakan sepenuh tenaga wanita kita yang mesti dibebaskan bebanan membela anak di rumah. Jadi perkara ini sedang dimantaukan tetapi peringkat kritikal itu belum sampai lagi Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Ismail. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

3. **Tuan Janggu Anak Banyang [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan banyak telefon awam di seluruh negara telah rosak dan lama tidak berfungsi. Adakah benar bahawa kerja pemulihan telah diberi kepada kontraktor swasta. Kalau telefon yang rosak ini tidak dapat dibaikpulih, kenapa ia tidak dibuka dan disimpan demi menjaga imej negara kita, khususnya di kalangan pelancong asing.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Mac tahun ini sejumlah 9658 unit telefon awam telah mengalami kerosakan. Kerosakan ini pula bolehlah dibahagikan kepada dua kategori kerosakan, iaitu kerosakan kecil sebanyak 98% yang melibatkan kos pembaikan rendah dan kerosakan besar sebanyak 2% sahaja yang melibatkan kos pembaikan yang terlalu tinggi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat memang benar kerja-kerja memperbaiki kerosakan seperti di atas diberikan kepada kontraktor swasta yang diletakkan di bawah penyeliaan pihak Telekom Malaysia Berhad. Kerja-kerja pembaikan bagi kerosakan kecil ini telah dijalankan mulai bulan ini 1998 dengan purata 95% kerosakan berjaya dibaik pulihkan dalam tempoh 24 jam.

Pihak Telekom Malaysia Berhad akan sentiasa mengendalikan latihan dari masa ke semasa bagi memastikan kontraktor-kontraktor berkenaan mencapai tahap prestasi yang tinggi. Sementara itu bagi kerosakan besar pula set-set yang rosak akan digantikan segera dengan set yang baru. Walau bagaimanapun jika set gantian tidak

diperolehi. Tempahan set-set baru terpaksa dibuat dan ini selalunya akan mengambil masa lebih lama. Dalam pada itu kementerian saya meminta pengendali-pengendali telefon awam supaya membuka atau menyimpan telefon yang telah mengalami kerosakan yang besar dengan kadar yang segera.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang telah kita dengar tadi bahawa 98% kerosakan merupakan kerosakan-kerosakan kecil cuma saya ingin tahu dari segi telefon awam. Sering berlaku vandalism atau perbuatan nakal anak-anak. Boleh tak dijelaskan kepada kita bagaimana kadar vandalism sekarang ini? Adakah ia meningkat ataupun semakin berkurang?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setelah beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak pengendali-pengendali telefon awam, kadar vandalism ini telah berkurangan. Langkah-langkah tersebut termasuk:-

- (i) lebih banyak pondok telefon awam dipilih untuk didirikan di tempat yang mudah dikawal misalnya berhampiran kedai;
- (ii) lebih banyak pondok telefon yang menggunakan kad dan bukannya dengan syiling didirikan;
- (iii) rondaan yang dilakukan oleh pihak pengendali telefon awam telah pun dipertingkatkan;
- (iv) berbagai-bagai kursus mengenai meningkatkan kesedaran sivik di kalangan rakyat telah pun diadakan, dikendalikan oleh pihak JKKK dan sebagainya.

Setelah semua langkah ini diambil kadar vandalism ini telah dikurangkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Adakah munasabah atau dengan izin, praktikal untuk mengatasi vandalism, dengan mengadakan kamera yang tersorok di tempat-tempat yang terpencil supaya kita dapat tangkap orang-orang yang menjahanamkan telefon, bukannya di bandar-bandar sangat, di tempat-tempat yang terpencil, bukan semua, saya tahu dia akan mengambil kos yang begitu tinggi. Adakah munasabah Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa mendirikan sistem kamera ini lebih mahal kalau dibandingkan untuk mendirikan pondok-pondok telefon. Walau bagaimanapun kita akan memberikan consideration kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

4. **Tuan N. Marimuthu [Di bawah S.0 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tahap pencapaian Kuala Lumpur International Airport sebagai "Regional Hub", masalah dan langkah-langkah mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi keputusan dan hasrat kerajaan semasa membina KLIA bagi menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk menjadikan KLIA sebagai suatu 'Regional Hub', walaupun tahap ini masih belum dicapai usaha-usaha giat dijalankan oleh semua pihak yang terlibat untuk menggalakkan penumpang-penumpang serta penerbangan-penerbangan antarabangsa memilih Kuala Lumpur sebagai pusat operasi penerbangan serantau. Antara masalah yang perlu di atasi adalah berkaitan dengan faktor-faktor utama untuk menjayakan KLIA sebagai 'Regional Hub' dan faktor-faktor ini di antara lain termasuk yang pertama, dengan izin, the attainment of operational excellent, tahap operasi dan penyelenggaraan sistem-sistem di KLIA perlu mencapai tahap perkhidmatan yang setanding dengan lapangan terbang hub antara bangsa yang lain.

Yang kedua, dengan izin, an aggressive and cohesive promotion of the airport, pihak-pihak yang bertanggungjawab terutama MAS juga MAB perlu menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang agak agresif bagi menjadikan KLIA sebagai daya tarikan kepada syarikat-syarikat penerbangan udara asing, para pelancong dan lain-lain pengusaha dalam industri pengangkutan udara.

Yang ketiga, dengan izin, the attainment of high frequency level and connectivity at KLIA, walaupun negara kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan bersama dengan MAS perlu lebih proaktif dalam rundingan-

rundingan udara dua hala untuk mendapatkan hak-hak mendarat yang strategik bagi syarikat penerbangan negara.

Selain daripada itu MAS juga perlu meningkatkan lagi usaha sama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk meningkatkan lagi accessibility, dengan izin, MAS ke destinasi-destinasi antarabangsa dan di samping itu menarik syarikat-syarikat penerbangan asing untuk beroperasi ke KLIA.

Ini perlu untuk meningkatkan lagi kekerapan dan connectivity, dengan izin, di KLIA yang menjadi faktor penting ke arah menjadi sebuah 'hub'.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pertama untuk menjayakan KLIA sebagai regional hub, kerajaan telah pun memutuskan supaya charge, charge eronotik seperti charge pendaratan, charge pemakiran pesawat, charge perkhidmatan penumpang dikekalkan ke atas paras yang sedia ada. Keputusan ini dibuat oleh kerajaan untuk menentukan KLIA terus merupakan lapangan terbang yang termurah dari segi kos operasi kepada syarikat-syarikat penerbangan.

Selain daripada itu MAS dan MAB telah dan akan terus dengan usaha-usaha untuk membuat promosi dan aktiviti pemasaran bagi menggalakkan lagi syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta penumpang-penumpang supaya memilih KLIA sebagai destinasi pilihan mereka. Untuk memastikan bahawa pihak-pihak yang terlibat mencapai operational excellent di KLIA dan pemasaran yang bersepadu, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan 'KLIA Hubbing Development Committee' di bawah Kementerian Pengangkutan yang bertujuan untuk menyelaraskan dan memantau usaha-usaha ke arah merealisasikan KLIA sebagai regional hub. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Oleh kerana Kuala International Airport (KLIA) ini merupakan satu daripada kebanggaan negara dan bangsa kita dan ke arah kita mengangkat martabat konsep 'regional hub' ini. Setakat manakah pencapaian kita setakat ini ataupun dengan izin, the greatest achievement kita supaya ledakan usaha-usaha ini akan terus menjadi lebih

cemerlang dan bagaimanakah kedudukan sepanjang katakan tahun 1998 dari segi kedudukan pelanggan sama ada di peringkat domestik ataupun antarabangsa? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, Tuan Rosli. Untuk menjawab soalan yang kedua dahulu, jika bukan oleh kerana kegawatan ekonomi yang melanda serantau ini, saya percaya akan lebih ramai penumpang ataupun pelanggan-pelanggan menggunakan KLIA tetapi sejak mula operasinya KLIA khususnya pada tahun 1998 terdapat hampir 15 juta penumpang ataupun pelanggan, sama ada domestik ataupun rakyat asing menggunakan KLIA sebagai lapangan terbang untuk kemudahan mengambil flight-flight ke destinasi-destinasi mereka.

Jawapan kepada soalan yang kedua ialah, di antara pencapaian-pencapaian utama yang boleh menggalakkan kita lagi di antaranya ialah pembinaan KLIA iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dengan sebab kecanggihan dan juga saiznya maka ini adalah di antara salah satu pencapaian yang begitu besar bagi negara kita.

Pencapaian yang kedua, jika saya boleh mengatakan ialah sejak mula beroperasi KLIA hingga sekarang terdapat 37 syarikat penerbangan asing yang telah pun mempunyai pejabat di KLIA dan maksudnya penerbangan-penerbangan dan pesawat-pesawat ini akan menggunakan KLIA sebagai satu destinasi utama di rantau ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, yang terbaru ialah North-West Airline iaitu sebuah syarikat penerbangan utama Amerika yang ketiga terbesar di dunia ini telah pun memilih KLIA sebagai lapangan terbang utama di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini ialah tambahan jumlah penerbangan antarabangsa MAS. Buat masa ini MAS mempunyai hak daratan ke 77 destinasi di seluruh dunia yang terbaru ialah Manchester dan Seattle, Honolulu dan Detroit, di United State. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, KLIA di bawah pengendalian Malaysia Airport Berhad telah pun

menuju ke arah mendapatkan pengiktirafan ISO 9002 bagi perkhidmatan keselamatan dan juga kebombaam. Kerajaan mempunyai keyakinan iaitu pada tahun ini juga semua pengiktirafan yang akan diberikan kepada KLIA akan dicapai pada tahun ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Puas Mastika.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta maaf Dato' Zuki, soalan tambahan. Kita memang mengakui bahawa KLIA adalah merupakan satu airport yang begitu canggih dan membanggakan bagi kita rakyat Malaysia. Ia juga merupakan pintu masuk bagi pelancong-pelancong luar selain daripada lapangan terbang di Pulau Pinang dan di Pulau Langkawi tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai tambang limosin daripada KLIA ke Kuala Lumpur. Tambangnya agak mahal. Tidakkah ini menjadi satu gambaran pada pihak pelancong apabila mendapat ke Malaysia, tiba-tiba naik limosin yang begitu mahal bayarannya dan adakah pihak kementerian dapat mengkaji ataupun dapat memikirkan bagaimana caranya supaya bayaran-bayaran yang dikenakan kepada pengguna-pengguna daripada airport bukan sahaja KLIA, mana-mana airport pun, mahal berbanding dengan bayaran teksi biasa. Misalnya daripada Alor Star ke Kangar, biasa RM5 tetapi kalau turun daripada airport hendak balik ke Kangar kena bayar RM15 ke RM20. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, sebenarnya masalah ini adalah di bawah kementerian lain iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan. Tetapi walau bagaimanapun, ingin saya beritahulah selepas kita membuat perbandingan di antara kadar tambang teksi dan lain-lain kemudahan pengangkutan di antara negara-negara di rantau ini, saya masih percaya kadar tambang teksi walaupun dalam Malaysia kita anggap mahallah tetapi kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, kita masih termurah. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan sentiasa mengadakan perbincangan dari segi pemantauan sama ada ianya dapat

diturunkan lagi atau dikekalkan ataupun dipertingkatkan lagi. Ini memang diadakan sentiasa dan kita akan monitor dari masa ke semasa. Sekian.

5. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sumbangan dan peranan negara-negara membangun Islam D8 dalam usaha memulih dan memantapkan sistem ekonomi Islam.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin di Dewan yang mulia ini untuk menjawab bersama soalan Yang Berhormat Puan Kamalia bin Ibrahim pada 20 Mei 1999 kerana soalan tersebut berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini secara komprehensif tentang keputusan dan pencapaian persidangan D8 di Dhaka, Bangladesh pada 8 April 1999. Saya telah memberi secara terperinci tentang pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan oleh Sidang Kemuncak D8 di Dhaka. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerjasama kewangan, perbankan dan penswastan adalah satu sektor bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh Sidang Kemuncak D8 pada Jun 1997 di Istanbul dan Malaysia adalah sebagai negara koordinator di dalam bidang ini.

Bagi projek ini Malaysia telah mengadakan satu seminar mengenai takaful pada bulan April 1998. Seminar ini bukan sahaja dihadiri oleh ahli D8 tetapi juga dari beberapa negara OIC yang lain. Seminar di Kuala Lumpur ini telah dapat merangsangkan minat yang mendalam di kalangan negara D8 tentang faedah yang boleh diperolehi dari penubuhan syarikat takaful dan perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari ini dan minat yang ditunjukkan oleh negara D8, Sidang Kemuncak di Dhaka telah meminta Malaysia mengadakan bengkel retakaful dari 31 Mei hingga 1 Jun pada tahun ini untuk mencari modus operandi untuk menubuhkan syarikat retakaful di kalangan negara D8. Bengkel ini akan diikuti oleh seminar antarabangsa mengenai perbankan Islam dan kewangan untuk ahli-ahli D8 dan negara-negara OIC yang lain dari 2 hingga 4 Jun tahun ini juga.

Peranan Malaysia di dalam bidang kewangan dan perbankan telah mendapat pengiktirafan dari negara-negara Islam di mana Malaysia telah berjaya melaksanakan perbankan dan insurans Islam pada satu taraf yang sangat tinggi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Abu Bakar kerana dapat soalan dua pada pagi ini, dimasukkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sungguhpun kita sudah ke belakang sedikit dari segi pelaburan D8 – negara-negara Islam yang dinyatakan tadi, saya hendak tahu berapa banyakkah syarikat Malaysia yang melabur dalam negara-negara Islam D8 tadi dan berapa banyakkah jumlahnya duit kita dilaburkan di negara-negara Islam termasuk di Iran. Sebab semalam, saya tahu seorang kawan saya ada melabur dan membuka syarikat di Iran. Jadi saya hendak tahu jumlahnya?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu begitu spesifik dari segi maklumatnya, minta izin kalau saya boleh menjawab secara bertulis tetapi secara umumnya, projek-projek D8 ini secara umumnya adalah di antara kerajaan-kerajaan negara yang terbabit iaitu Turki, Iran, Pakistan, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Nigeria dan negara kita. Dan ini adalah projek kerjasama dan melibatkan juga pihak-pihak syarikat swasta. Negara-negara ahli itu pun juga diberikan bidang-bidang industri yang tertentu untuk ditumpukan dalam pembangunan supaya ia dapat bekerjasama antara ahli-ahli dalam D8 ini dan juga memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada ahli-ahli D8 ini juga dan maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat tadi saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. soalan tambahan saya, saya minta maaf kepada Yang Berhormat kerana jawapan yang diberi tadi lebih merupakan laporan, apa perkembangan di peringkat D8. Saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan dengan apa perancangan aktiviti yang dibuat oleh D8 ini ke arah hendak membantu memulihkan ekonomi negara Islam. Misalannya, macam kita ada APEC, kita ada G15 kerana IMF, tabung kewangannya itu

disumbangkan oleh Euro dan sebagainya. Jadi, kita tahu sumber kewangan negara Islam ini OIC cukup banyak tetapi kita tidak ada satu mekanisme untuk hendak menggerakkan supaya boleh membantu negara-negara Islam. Ini yang penting. Kalau hendak buat seminar, perjumpaan lepas itu lapor, saya ingat itu tidak berkesan. Bukan zaman sekarang lagi.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak perlu mohon maaf kerana saya pun tidak silap dengan jawapan saya. Bahawa soalan Yang Berhormat ialah peranan negara-negara membangun D8 dalam usaha memulih dan memantapkan sistem ekonomi Islam. Tujuan asalnya mengadakan D8 ini adalah bertujuan untuk menggembelngkan tenaga negara-negara Islam dan mengambil daya usaha dari negara-negara D8 ini untuk menumpukan program-program pembangunan yang tepat dengan strategi-strategi yang teratur dan inilah forumnya D8 dan inilah jawapannya cara kira, secara keseluruhannya untuk membangunkan sistem ekonomi Islam dan memantapkan dengan perkataan Ahli Yang Berhormat Tuan Abu Bakar.

Secara detail, saya boleh jelaskan tetapi banyak projek yang kita telah jalankan dan juga dicadangkan dalam program-program D8 ini. Misalnya, Turki ditumpukan untuk pembangunan industri pertanian dan industri mekanisme pertanian. Iran pula telah diberi bidang teknologi dan Malaysia ditumpukan untuk memberikan teknologi dari segi kewangan, perbankan dan penswastaan. Indonesia untuk pembangunan sumber manusia. Bangladesh untuk pembangunan luar bandar. Mesir, perdagangan iaitu trading, ia terlibat seperti ia mengadakan program seperti trade fair dan sebagainya, eksposisi untuk negara D8 dan untuk ekonomi Islam. Nigeria untuk membangunkan dari segi menumpukan dalam bidang tenaga dan inilah secara ringkasnya langkah-langkah yang telah diambil dan saya menjawab secara sekali gus tadi apa yang telah Malaysia buat.

Mungkin Yang Berhormat ingin tahu dan bukan semata-mata memberi laporan sahaja kerana Malaysia terlibat dalam bidang kewangan, perbankan dan penswastaan. Dari segi semua negara Islam dalam D8 ini Malaysia boleh dikatakan yang paling maju dalam bidang ini.

6. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Breath Analyser digunakan kepada pemandu-pemandu tanpa "Sterilization", adakah kementerian menggunakan "Disposable Breath Analyser" untuk mengelakkan jangkitan penyakit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menguji tahap pengaruh alkohol ke atas seseorang pemandu, Polis Diraja Malaysia menggunakan alat ujian pernafasan ataupun Evidential Breath Analyser, dengan izin. Alat ujian pernafasan ini digunakan bersama aksesoriya iaitu 'Mouthpiece', dengan izin, dan 'Mouthpiece' ini akan dipasang ke alat ujian pernafasan dan pemandu yang akan menjalani ujian dikehendaki membuat hembusan melalui 'Mouthpiece'. 'Mouthpiece' tersebut yang telah digunakan akan dibuang dan diganti dengan yang baru. Oleh yang demikian, masalah jangkitan kuman tidak timbul sama sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kebanyakannya penggunaan 'Mouthpiece' ini ataupun Breath Analyser, dengan izin, banyak di waktu tengah malam diuji oleh pegawai-pegawai kementerian ataupun polis. Apakah melalui ujian ini kita menguji selain daripada minuman keras, perkara-perkara lain seperti drug dan sebagainya dapat dibuat detection, dengan izin? Maknanya, selain daripada biasanya dia uji arak (alcohol) tetapi adakah perkara-perkara lain yang haram dari segi undang-undang seperti drug dan sebagainya itu dapat dikumpul sama.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli, saya ingin memberitahu iaitu alat ujian pernafasan ini hanya digunakan untuk men'detect', dengan izin, mengesan tahap alkohol dalam tubuh badan seseorang dan untuk perkara-perkara lain yang haram, seperti dadah (drug), maka tidak boleh menggunakan Breath Analyser ini. Sekian.

7. **Tuan Marimuthu** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah dan galakan yang diberi kepada industri filem tempatan, memandangkan pusat-pusat

video harus mempamerkan 10% filem tempatan. Nyatakan juga sama ada pengusaha pusat video didapati melanggar syarat ini dan apakah tindakan terhadap mereka.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan galakan berikut untuk industri filem tempatan iaitu:

- (i) bantuan modal di bawah Skim Kemudahan Produksi bagi penerbitan filem dan juga program televisyen;
- (ii) Skim Duti Hiburan apabila filem mereka ditayangkan diberi sebagai galakan kewangan supaya mereka boleh terus mengeluarkan filem-filem; dan
- (iii) Program latihan dan bantuan intensif untuk meningkatkan kemahiran teknikal ataupun keupayaan kreatif mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan pelaksanaan syarat mempamerkan 10% filem tempatan yang berkuat kuasa mulai 1 April 1999, FINAS telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Perunding yang dianggotai oleh wakil-wakil dari industri perfileman. Jawatankuasa ini antara lainnya membincangkan isu-isu pelaksanaan berhubung dasar ini dan kerjasama meningkatkan pengeluaran filem-filem tempatan, perjanjian bekalan, promosi filem tempatan, mutu filem dan galakan.

Dari 1 hingga 30 April 1999, FINAS telah memeriksa dan memberi amaran kepada 114 pengusaha premis perniagaan yang gagal mematuhi syarat memperagakan 10% filem tempatan. Sehingga kini pengusaha telah diberi amaran sahaja tetapi tindakan mahkamah akan diambil pada masa akan datang jika pengusaha gagal mematuhi syarat ini.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, adakah peragaan 10% untuk filem tempatan yang patut ada di kedai-kedai video cukup atau tidak? Nyatakan juga bilangan pita yang patut ada mengikut bahasa tempatan. Sekian, terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 10% itu tidaklah mencukupi tetapi oleh kerana kita baru sahaja hendak melaksanakan dasar

peragaan video tempatan ini, maka kita rasa memadai 10% dan ini tidak tertakluk kepada bahasa yang digunakan sahaja. Tetapi unsur tempatan termasuk lokasi, pemprosesan dan karyawan utama filem termasuk mempunyai sijil perakuan penggambaran serta mempunyai sijil penapisan filem merupakan elemen yang disyaratkan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pembangunan filem di negara kita saya tidak tahu perkembangannya tetapi melihat kepada kenyataan-kenyataan di dalam akhbar, industri filem ini agak merosot kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, umpamanya. Apatah lagi dengan filem-filem Hindi dalam bentuk yang lebih moden dan lebih sesuai dengan tatapan masyarakat kini. Jadi apakah sebenarnya langkah-langkah pragmatik untuk memacukan industri filem ini sekurang-kurangnya ia boleh dipasarkan di peringkat ASEAN? Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kelesuan ekonomi bukan hanya industri perfileman di Malaysia agak terganggu tetapi seluruh Asia Tenggara mengalami nasib yang sama. Namun demikian, ada kecenderungan Malaysia akan menjadi pusat industri perfileman antarabangsa dengan banyaknya minat daripada studio-studio Amerika, Australia yang melihat Malaysia sebagai tempat yang cukup baik setelah dua filem dibuat di sini. Barangkali oleh kerana kosnya agak rendah, satu hari kelak Malaysia akan menjadi pusat perfileman antarabangsa yang mengambil industri atau pengusaha-pengusaha filem lain datang ke Malaysia ini.

7. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan prestasi aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh pihak Muzium Negara memandangkan bahawa bilangan buku, jurnal muzium, laporan ekspedisi dihasilkan hanya 20 di sepanjang tahun 1998 dan bilangan penyelidikan sejarah dan kebudayaan hanya 30 di tahun yang sama, walaupun peruntukan mengurus untuk tujuan penyelidikan bagi tahun tersebut adalah RM563,000.00.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengurus sebenar untuk tujuan penyelidikan bagi tahun 1998 ialah sebanyak RM503,400 iaitu setelah ditolak keluaran sekatan sebanyak RM59,600 pada 14 Mac tahun lalu. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti strategi dan pendekatan-pendekatan tertentu akan digunakan. Antaranya ialah:

- (i) memantapkan lagi aktiviti penyelidikan dengan menggunakan tenaga-tenaga pakar dalam sesuatu bidang yang dilantik secara kontrak;
- (ii) memperluaskan lagi penggunaan teknologi maklumat bagi memproses data; dan
- (iii) menambah kegiatan terlatih dalam membuat kerja-kerja teknikal dan sokongan.

9. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan adakah kerajaan akan mengambil sebarang langkah untuk menyiarkan berita Bahasa Tamil dan Bahasa Cina di TV3 dan di NTV7.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang kerajaan tidak berhasrat untuk mengarahkan stesen-stesen TV swasta menyiarkan siaran berita dalam bahasa Mandarin dan Tamil. Walau bagaimanapun, sekiranya stesen-stesen TV swasta tersebut bercadang untuk berbuat demikian mereka perlulah memaklum dan memohon kebenaran terlebih dahulu daripada kementerian, contohnya ntv7 baru-baru

ini, telah mula menyiarkan siaran berita dalam bahasa Mandarin selepas pukul 10.00 malam dan kementerian saya memang tiada halangan dalam perkara ini.

10. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa sebilangan penuntut-penuntut sekolah menengah yang ponteng sekolah boleh kelihatan tiap-tiap hari persekolahan dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian supaya semua Jabatan Pendidikan Negeri menubuhkan suatu Skwad Penguatkuasa untuk menangkap penuntut-penuntut yang ponteng ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menyedari terdapat segelintir pelajar sekolah menengah yang ponteng sekolah berdasarkan laporan yang diterima daripada pihak polis dan orang awam. Salah satu langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan menubuhkan brigade community di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah. Oleh itu Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan skuad penguatkuasa di Jabatan Pendidikan Negeri untuk menangkap pelajar-pelajar tersebut.

11. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk menyekat kemasukan atau membataskan import barangan luar yang menjadi saingan kepada barangan keluaran tempatan bagi menggalakkan rakyat membeli barangan Malaysia; dan
- (b) kenapa kerajaan tidak mahu berbuat demikian sedangkan kerajaan mahu membantu mengembangkan perusahaan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) adalah menjadi dasar kerajaan supaya industri tempatan boleh mengeluarkan barangan mereka pada kos yang kompetitif dan boleh bersaing bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan di pasaran

antarabangsa. Selaras dengan penekanan ini pengilang-pengilang tempatan mestilah boleh mendapatkan input dan komponen pada harga yang kompetitif. Perlindungan kepada industri-industri tempatan seperti mengenakan tarif yang tinggi ke atas barangan import hanya diberi kepada kes-kes tertentu sahaja di mana industri-industri tempatan yang mengeluarkan produk yang sama tidak boleh bersaing di pasaran tempatan dari segi harga. Perlindungan tarif ini hanya diberikan untuk satu tempoh terhad dan selepas itu ianya dikaji semula.

- (b) kerajaan tidak boleh mengenakan sekatan import barangan sebarang memandangkan Malaysia mempunyai komitmen di peringkat berbagai hala dan serantau terutamanya di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Bebas Perdagangan ASEAN (AFTA). Di samping itu Malaysia adalah sebuah negara perdagangan yang memerlukan pasaran di luar negeri, menyekat kemasukan barangan import ke dalam negeri akan menjejaskan usaha Malaysia meningkatkan pasaran eksportnya di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 43 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. *[12 Mei 1999]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Puan Kamilia menyambung.

11.05 pagi

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini berdasarkan kepada Dasar Perumahan Negara. Kelmarin saya telah menimbulkan beberapa isu tentang Dasar Perumahan Negara dan saya juga rasakan bahawa ramai di antara kita di sini juga merasakan ada perkara-perkara yang tertentu yang perlu dipertimbangkan dan difikirkan semula oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa Dasar Perumahan Negara ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada parti politik yang memerintah dan juga komitmen daripada pihak pelaksana. Jikalau tidak ada komitmen yang tinggi Dasar Perumahan Negara tidak akan dapat dilaksanakan sebagaimana yang ianya telah dirancang. Sebab kita tahu bahawa kejayaan sesuatu parti yang memerintah dan kejayaan juga

bagi pihak yang melaksana dalam pembangunan negara amat bergantung kepada Dasar Perumahan Negara dan sejauh manakah Dasar Perumahan Negara itu dapat dilaksanakan kerana perumahan adalah merupakan hak asasi kepada penduduk-penduduk di negara ini dan juga negara-negara lain dan ianya juga akan merupakan satu kayu ukur kepada kejayaan polisi negara selain daripada kita tahu, hak-hak asasi seperti makanan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara juga dalam Dasar Perumahan Negara yang saya rasakan juga perlu diberi perhatian ialah tentang kawasan-kawasan setinggan. Kita dapati masih lagi banyak kawasan-kawasan setinggan terutamanya di kawasan-kawasan bandar tetapi saya rasa kawasan setinggan ini kalau dilihat pada takrifnya di mana tidak ada cukup bekalan air, bekalan api, ianya mungkin juga kita dapat lihat terwujud di kampung-kampung sebab pada saya setinggan itu bermaksud ianya tidak mempunyai kelengkapan cara hidup atau kualiti hidup yang minimum.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama negeri-negeri untuk menjadikan satu daripada projek khas untuk memastikan bahawa setinggan-setinggan ini dapat dikurangkan jika tidak dapat dihapuskan. Saya tahu memang ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mengurangkan setinggan-setinggan tetapi kita masih dapat juga lihat contohnya di Petaling Jaya, di kawasan SS1, saya beri contoh, masih ada lagi kawasan setinggan di sana. Saya diberitahu bukannya masalah kerajaan tidak mahu mengubah tempat setinggan itu tetapi ialah kerana penduduk-penduduk di situ enggan keluar. Kita memang tahu dan faham tentang masalah setinggan yang tidak mahu berubah dan memang ada banyak masalah di mana kita perlu mengeluarkan mereka daripada kawasan setinggan.

Walau bagaimanapun saya berpendapat kita masih boleh memikirkan mencari jalan untuk berusaha sedaya upaya mengurangkan setinggan-setinggan ini. Jikalau kita masih lagi tertakluk kepada apa yang menjadi persoalan atau masalah kepada mereka,

masalah-masalah contohnya, mereka tidak mahu pindah sebab kawasan itu jauh daripada tempat kerja mereka. Saya rasa ini ialah perkara-perkara yang boleh diselesaikan kerana kita tidak mahu wujud dalam negara ini masih ada lagi orang, sekumpulan orang, semalam saya banyak membincangkan tentang mengklasifikasikan, mengkategorikan penduduk-penduduk dan kemudahan-kemudahan.

Kita tidak mahu kalau satu kawasan itu kita lihat banyak rumah yang mewah dengan kemudahan-kemudahan asasi yang baik tetapi dalam masa yang sama ada kawasan yang memang kita rasa tidak sesuai untuk didiami oleh penduduk-penduduk terutamanya kalau di kawasan bandar dan juga di kawasan luar bandar. Jadi kita perlu mempertingkatkan piawai, kualiti kediaman bagi negara. Ini adalah satu masalah yang bukan sahaja dilihat dari segi kita memberikan keselesaan kepada rakyat dan ia juga perlu dilihat dari segi kesihatan sebab kita dapati banyak masalah penyakit yang berjangkit ialah dari sebab wujudnya standard atau piawai kesihatan yang sangat rendah, piawai kebersihan yang sangat rendah dan juga piawai 'sikap tidak apa' orang-orang kita yang sangat mencuaikan dan sangat tidak mengambil berat tentang kebersihan. Saya rasa dalam semua agama sekalipun terutamanya dalam agama Islam selalu menekankan tentang kebersihan.

Kita banyak mencanangkan tentang nilai-nilai Islam, mencanangkan tentang kita menghayati nilai-nilai Islam tetapi yang asasnya tentang kebersihan yang merupakan asas bagi amalan dan penghayatan agama itu sendiri tidak diberi pandangan yang serius dan tidak diambil kira dengan cara yang dapat menunjukkan benar-benar kita menghayati prinsip-prinsip agama itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih serius tentang slum clearing ini dan jikalau boleh pihak kerajaan dapat memberikan penerangan dan penjelasan, setakat ini, berapa

banyaknya sebenarnya kerja-kerja yang dilaksanakan dan masih banyak lagikah slum clearing ini yang perlu dilaksanakan.

Dalam konteks ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin menimbulkan satu perbincangan iaitu saya ingin mencadangkan, bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu dapat disatukan dan untuk dapat benar-benar menyelaraskan, dalam erti kata yang sebenar-benarnya tentang kediaman, perumahan dan pembangunan. Bukan sahaja pembangunan luar bandar tetapi juga pembangunan bandar, supaya ianya dapat diselaraskan dan diberikan satu standard yang sama. Sebab kita lihat dalam kita memberi kemudahan-kemudahan perumahan contohnya kita ambil dalam satu kawasan perumahan biasanya di kawasan bandar, tidak kira sama ada kawasan bandar yang besar atau dalam kawasan bandar yang kecil, yang mungkin berada di dalam kawasan yang kita anggap kawasan yang jauh daripada bandar-bandar besar dan mungkin ianya lebih berdekatan dengan kawasan luar bandar. Kita dapati bahawa kemudahan-kemudahan yang didapati di kawasan bandar lebih baik daripada kawasan luar bandar, contohnya kita akan dapati pusat rekreasi yang lebih mempunyai fasiliti-fasiliti yang lebih baik di kawasan bandar daripada kawasan luar bandar.

Kita boleh dapati contohnya di kawasan Kuala Lumpur, di kawasan-kawasan perumahan ada pusat rekreasi (park) di mana ada tempat untuk orang-orang warga tua membuat latihan jasmani. Tetapi kalau kita pergi ke kawasan-kawasan di luar bandar, kalau ada pun kawasan perumahan, kita lihat sahaja kawasan rumah awam, kita dapati pusat rekreasi untuk anak-anak pun tidak lengkap, apatah lagi untuk warga tua. Kita dapati tidak ada langsung fasiliti-fasiliti, jadi saya ingin tahu mengapa wujudnya diskriminasi di antara kemudahan kepada warga tua di bandar dengan kemudahan warga tua di luar bandar.

Saya rasa Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek hari itu, banyak memperkatakan tentang kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh warga tua, begitu juga dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Seng Huat, hari itu juga telah membangkitkan perkara ini. Jadi, oleh kerana tidak adanya keseimbangan ini, saya

berpendapat mungkin kerana pembangunan di luar bandar itu dilaksanakan oleh satu kementerian dan perumahan pula dilakukan oleh satu kementerian dan kita dapati kerajaan tempatan juga adalah merupakan kategori-kategori ataupun sekatan-sekatan yang hanya mengehendkan kuasa sesuatu kementerian itu untuk melaksanakan polisi-polisi perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa dalam kita melihat kepada kemudahan-kemudahan yang diberikan mengikut apa kemudahan-kemudahan yang diberikan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang juga mungkin tidak ada di kawasan luar bandar contohnya kita dapati sistem perparitan, pengangkutan sampah, toilet awam, dengan izin, ianya juga merupakan perkara-perkara yang tidak wujud di kawasan luar bandar. Kalau ada pun di kawasan luar bandar ia amat sedikit berbanding dengan kawasan di bandar. Tetapi yang ada di bandar pun kita dapati banyak masalah yang masih tidak dapat diselesaikan. Mungkin ini dapat kita selaraskan kerana saya berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan ini perlu juga wujud di kawasan luar bandar contohnya kemudahan pengangkutan sampah.

Saya tahu kita akan perlu membayar dan mungkin ada mengatakan kawasan luar bandar tidak mampu membayar. Tetapi sebenarnya apabila kita membiarkan contohnya di luar bandar ataupun di kawasan-kawasan setinggan, tidak adanya satu perkhidmatan pengangkutan sampah. Saya tidak tahu di mana orang-orang di kampung membuang sampah dan bagaimanakah pula dengan sistem perparitan. Pada saya, ini semua adalah merupakan infrastruktur-infrastruktur yang asas bukannya perlu disediakan tetapi juga perlu dijaga. Dari aspek pengangkutan sampah ini, kalau di kawasan bandar pun masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu diperbaiki kerana pengusaha-pengusaha yang telah diberikan tanggungjawab untuk mengangkut sampah pun banyak tidak melaksanakan tugas-tugas mereka.

Dalam bandar seperti Kuala Lumpur pun banyak kita dapati sistem pengangkutan sampah ini masih tidak berjalan dengan kemas. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak DBKL untuk melihat kepada masalah sampah. Saya beri contoh untuk mendapat penjelasan di Jalan 64/A off Jalan Ipoh, saya minta lihat di

sana, bagaimana sistem pengambilan sampah yang tidak ada mempunyai sistem langsung dan kita kata kawasan itu ialah kawasan betul-betul di tengah bandar dan mungkin juga kawasan itu dikunjungi oleh pelawat-pelawat asing. Itu tidak penting pada saya, kita yang menjadi masyarakat dalam bandar ini sendiri pun, tidak mempunyai fasiliti-fasiliti kebersihan yang lengkap. Saya juga tidak menafikan bahawa memang seperti mana kata Yang Berhormat Dato' Chet Singh hari itu, bahawa kebersihan ini bermula daripada individu-individu sendiri tetapi untuk kita memastikan individu itu dapat melaksanakan atau dapat menjaga kebersihan, prasarana sekelilingnya juga adalah penting.

Justeru itu, saya meminta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya tahu apa jawapan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, untuk melihat dan mungkin dapat memberi penjelasan sejauh manakah pihak kementerian dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, dapat menunjukkan kepada Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini ianya telah dapat melaksanakan fungsi-fungsinya sebaik mungkin dan apakah sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi.

Saya ingin juga menyarankan di sini, dari aspek individu yang perlu menjaga kesihatan, kita perkenalkan balik di sekolah-sekolah mata pelajaran hygiene, dengan izin. Mungkin ianya telah dimasukkan dalam mata pelajaran-mata pelajaran lain tetapi saya berpendapat hygiene ini, adalah asas.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya banyak membicarakan ucapan saya ini balik kepada asas (back to basic). Kita banyak terkeliru dengan pelbagai hal hingakan menjaga itu kita tidak menganggapkan ianya sebagai asas dan kita lebih kepada perkara-perkara lebih superficial, yang sebenarnya apa yang paling pentingnya ialah kepada individu itu sendiri, kepada apa yang asas bagi dirinya.

Mungkin mata pelajaran hygiene ini, perkataan 'hygiene' itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak sure dalam bahasa Melayunya. Tetapi yang saya ingat masa sekolah dahulu, ya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, tadi pun saya ada berbual dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, semasa kita sekolah

dahulu memang ada mata pelajaran hygiene ini dan ianya memberi penekanan khusus kepada penjagaan kebersihan diri. Saya juga ingin mencadangkan bahawa kita mewujudkan suatu standard piawai yang tinggi bagi kebersihan diri. Mungkin perlu kita buat iklan-iklan sama ada di radio, di televisyen dan juga iklan-iklan di billboard dan juga iklan-iklan di tempat perhentian bas, yang mana menekankan personal hygiene.

Kalau kita hendak mengatakan, kita hendak cuba membanteras AIDS, kita bercakap pasal hygiene, kita tidak dapat lari daripada penjagaan kesihatan diri ini. Oleh kerana banyaknya kealpaan tentang kebersihan ini, adalah wajar pihak kementerian mengambil satu tindakan dan pendekatan yang lebih serius dan lebih berkesan hingga boleh sampai kepada kumpulan sasar ini.

Saya ingat saya membaca sejarah Sumeria dulu-dulu yang mana kita ada pemerintahnya menggunakan semua tempat-tempat awam untuk memberitahu rakyat tentang undang-undang yang dikenakan kepada rakyat, sebab ramai antara kita akan berkata kita tidak tahu undang-undang, kita tidak tahu apa dia peraturan-peraturan dan kita menggunakan itu sebagai alasan untuk kita tidak melaksanakan apa da yang dikatakan tanggungjawab kita. Jadi mungkin kita boleh menggunakan cara itu sebagai satu cara yang berkesan. Pada saya ia akan merupakan satu perkara yang berkesan sebab kita dapat lihat bagaimana Kementerian Pengangkutan banyak membuat iklan tentang kemalangan di billboards yang begitu besar, cumanya kadang-kadang saya terfikir bila tengok iklan-iklan tentang menjaga diri daripada kemalangan itu sama ada ada kajian dibuat atau tidak, kadangkala kita rasa tidak begitu tepat dan juga kadangkala ianya tidak sebenarnya memberikan mesej yang patutnya disampaikan

Mungkin at this juncture, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pengangkutan dapat memberi sedikit penjelasan kepada Dewan ini tentang iklan-iklan yang cuba memberikank gambaran supaya orang berhati-hati di jalan raya itu, saya rasa dia telah ada konsultan untuk memberikan nasihat tetapi mungkin dia dapat memberikan dalam Kajian Malaysia Ketujuh ini sejauh manakah iklan-iklan itu telah berjaya mengurangkan accidents dan banyak manakah perbelanjaan yang telah

dibelanjakan dan mungkin juga boleh diterangkan sedikit sebanyak kepada kita ataupun mungkin kepada rakyat juga dalam perbincangan-perbincangan di televisyen apakah maksud-maksud iklan-iklan tersebut, sebab saya rasa ada iklan-iklan itu kita kurang faham. Dan kalau tidak faham, itu mungkin ianya tidak kesampaian maksud.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi tentang pusat kawasan perumahan. Yang ketiga, saya juga ingin menyentuh Dasar Perumahan Negara ialah tentang pusat pendidikan yang perlu diadakan di kawasan-kawasan perumahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak Kementerian Perumahan, adakah wujudnya undang-undang yang memestikan pemaju-pemaju untuk mendirikan taska-taska atau pusat-pusat penjagaan anak-anak di tiap-tiap kawasan perumahan, dan jikalau ada, apakah nisbah-nisbah taska yang perlu diwujudkan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa tidak ada undang-undang yang menjadikan mandatori kepada kerajaan untuk memestikan, mewajibkan pejabat-pejabat, syarikat-syarikat swasta dan sebagainya untuk mewujudkan pusat taska ini. Jadi, di sini saya inginlah mencadangkan agar undang-undang diperuntukkan untuk didjadikan mandatori untuk taska-taska diwujudkan di semua pejabat kerajaan, di semua pejabat swasta dan sebagainya. Saya rasa perkara-perkara atau isu-isu yang telah diperkatakan oleh Timbalan Menteri itu adalah merupakan perkara-perkara yang boleh diatasi kerana ianya bukan merupakan satu masalah pekerja wanita atau work force wanita itu menjadi kritikal maka bila ianya kritikal dan diperlukan barulah adanya wujud satu masalah yang dikatakan tempat pendidikan awal anak-anak.

Sebenarnya ia bukannya isu sebab wanita itu diperlukan untuk bekerja tetapi isunya ialah wanita pada hakikatnya bekerja, dan perlu bekerja untuk sama-sama membangunkan negara, itu hakikat. Oleh kerana hakikat itu juga kita tahu seperti mana juga Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi, wanita yang bekerja perlulah dibantu dalam tanggungjawabnya menjaga anak-anak.

Jadi hakikatnya penjagaan anak-anak itu ialah untuk kita membentuka generasi masa depan yang lebih terdidik dan lebih terpinpin. Jadi kita mengharapkan ada

wujudnya satu pusat didikan awal yang mempunyai piawai-piawai yang tinggi, mempunyai kurikulum-kurikulum pendidikan yang telah dibuat kajian yang kita tahu akan sebenarnya memberikan didikan yang sempurna kepada anak-anak, saya tahu you cannot replace a mother, itu hakikat tetapi....

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Okay, sila.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Waktu soalan saya timbul pagi tadi saya tidak berada di sini oleh kerana saya berada dengan Dato' Lim Ah Lek dalam satu perjanjian bersama dimeteraikan antara dua buah kesatuan. Yang Berhormat, saya kira barangkali oleh kerana perkara taska ini menjadi isu yang begitu penting kepada pekerja wanita dan selalu kami dihujani pelbagai pertanyaan dan masalah, dan kita telah memutuskan seperti mana dalam soalan saya dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, bolehkah tidak Dewan ini mengusulkan supaya pindaan dibuat dalam Akta Buruh bagi memastikan bahawa wujudnya satu perbekalan dalam Akta Pekerjaan bagi memastikan pihak syarikat menubuhkan taska di tempat-tempat kerja dan juga di pejabat-pejabat dan premis-premis kerja dalam negara ini sama ada kerajaan ataupun juga swasta.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya yang kita bolehlah dalam Dewan ini mengusulkan kepada pihak kementerian dan saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk pindaan-pindaan dibuat kepada akta-akta yang berkenaan, umpamanya Akta Buruh dan Akta Pekerjaan. Memanglah perkara ini diakui sama ada oleh kaum ibu atau kaum wanita yang bekerja tetapi juga oleh kaum bapa yang juga bekerja. Jadi kita mengharapkanlah pihak kementerian atau pihak kerajaan dapat dalam jawapan kepada Dewan ini memberikan satu komitmen dan juga dapat memberikan kepada Dewan yang mulia ini satu pengakuan bahawa perkara ini akan dipertimbangkan dengan serius dan satu pindaan kepada akta-akta ini akan dibuat dalam penggal Parlimen yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak dapat menafikan bahawa taska ini adalah satu perkara yang sangat penting. Sebenarnya saya juga telah membuatkan satu

usul persendirian di akhir sesi ini di dalam masa mengusulkan soalan-soalan, kalau Yang Berhormat dapat lihat dalam soalan awal dahulu saya telah juga mengusulkan tentang pewujudan taska ini di semua kawasan perumahan mengikut nisbah penduduk-penduduk. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa taska ini juga akan dapat mewujudkan perpaduan antara kaum kerana kita mahukan anak-anak kita dari kecil lagi bergaul dengan semua kaum. Kita tidak mahu adanya pemisahan di antara kaum, kerana saya dapati kadangkala ada kaum-kaum tertentu dia akan pergi kepada satu taska yang tertentu.

Jadi mungkin juga pihak kementerian dapat memikirkan, saya tahu ada taska perpaduan tetapi kita perlu jikalau mewujudkan taska itu tidak perlulah disebut sebagai taska perpaduan tetapi apa pun taska yang diwujudkan perlulah diselaraskan dan perlulah mengambil kira tentang mutu kurikulum pendidikan dan bimbingan yang diadakan, perlu diambil kira tentang harga yang akan dikenakan, perlu mengambil kira kepada kakitangan yang akan menjalankan taska-taska itu dan yang paling penting juga perlu mengambil kira tentang fakta perpaduan bagi mewujudkan satu generasi negara bangsa Malaysia dalam erti kata yang sebenarnya.

Saya juga ingin mencadangkan penyelarasan kurikulum, yang ini sudah ramai telah mencadangkan, dan juga penyelarasan dari segi taska-taska ini terlalu banyak sangat kumpulan-kumpulan yang mendirikan taska, mungkin ada satu sahaja yang nasional taska jadi kita tidak perlulah mengambil kira adanya competition kadang-kadang di antara taska-taska untuk mendapatkan budak-budak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, juga dalam satu-satu perumahan kita dapati juga peruntukan tentang sekolah. Sekolah-sekolah yang dibina ini selalunya kita dapati bergantung kepada kawasan, selalu ianya merupakan sekolah peringkat awal (primary). Banyak di antara rakan-rakan di dalam Dewan, contohnya Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng telah membangkitkan tentang masalah-masalah sekolah jenis kebangsaan sebab tidak cukup murid, tidak cukup guru dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mencadangkan bahawa dalam satu-satu perancangan perumahan itu tidak wujudnya pelbagai jenis sekolah. Ianya perlu wujud hanya satu jenis sekolah, sekolah kebangsaan yang perlu dibuka kepada semua kaum. Pada hemat saya, tibalah masanya kita meruntuhkan halangan-halangan yang tidak membawa kepada perpaduan. Kalau banyak masalah di sekolah jenis kebangsaan ini sama ada Tamil ataupun sekolah jenis kebangsaan Cina adakah tidak baiknya atau tidakkah ianya lebih baik jikalau kita semua bersetuju memikirkan bahawa semua sekolah ini perlu diselaraskan supaya tidak wujud lagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan untuk tiap-tiap kaum, kerana saya berpendapat bahawa jikalau kita meneruskan lagi sistem persekolahan begini kita sebenarnya merenggangkan anak-anak kita daripada satu kaum kepada satu kaum.

Ia tidak dapat mewujudkan perpaduan yang unggul terutamanya kalau kita lihat bahawa kita akan dalam masa beberapa bulan sahaja menjangkau kepada alaf 2000, millennium 2000 tentulah kita tahu kita ada tempoh masa tertentu yang kita selalunya akan membuat azam-azam baru, kita akan mula berfikir kepada perkara-perkara baru, apakah perlu kita pertingkatkan. Contohnya bagi tiap-tiap tahun, kita ada self resolution siapa yang kita hendak resolusi diri kita untuk tahun yang baru.

Saya percaya untuk rakyat Malaysia ini kita perlu melihat alaf 21 (Year 2000) ini sebagai satu millennium 2000 yang lebih cantik, yang lebih menarik, yang lebih memberikan makna kepada penduduk-penduduk kita, yang lebih membawa kepada keharmonian, yang lebih membawa kepada perpaduan. Tambahan lagi semasa millennium 2000 kita tidak ada lagi sekatan-sekatan, sebab kita semua akan terbuka luas pada teknologi yang canggih yang tidak akan tahu apa-apa batasan.

Jadi, saya merasakan demi perpaduan, demi untuk kita mewujudkan satu negara bangsa yang lebih unggul seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa sampai masanyalah kita menyelaraskan sekolah-sekolah ini supaya ia tidak wujud atas dasar kaum-kaum kerana bahasa-bahasa yang hendak kita pelajari itu, saya rasa tidak menjadi masalah. Kalau kita lihat even di Eropah pun sudah ada European union yang telah menjatuhkan semua barriers, semua sempadan yang ada di Eropah malah dia juga telah bersetuju

menggunakan satu monetary system. Dia tidak pakai lagi jenis wang yang berbeza-beza, itu adalah merupakan satu yang based a bit sacrifice for some of them terutama bagi England.

Jadi, di situ kita dapat lihat betapa dunia itu akan terbuka luas dan agak ketinggalan bagi kita kalau kita masih lagi mempunyai sekatan-sekatan lama ini yang tidak akan dapat memberikan kita kepada keterbukaan. Saya percaya anak-anak kita tidak terpengaruh, jikalau kita menyediakan mereka satu prasarana yang sebenarnya tidak membezakan antara kaum. Sebab saya ada anak yang ramai, remaja pun ada, ada seorang anak Cina yang selalu datang ke rumah saya. Dia tidak ada apa-apa sekatan, tidak ada rasa perbezaan kerana dia keluar masuk ke rumah saya seolah-olah ianya adalah sebahagian daripada keluarga dan saya juga tidak memandang dia sebagai seorang anak kaum lain tetapi saya juga merasakan kerana selalu sangat dia datang ke rumah, saya rasa dia juga sebahagian daripada keluarga saya, dan jiran saya juga ialah kaum Cina dan saya juga tidak merasakan ada perbezaan di situ. Tetapi saya agak rasa tidak berapa seronok apabila jiran saya mengatakan anak dia hendak masuk matrikulasi, sekolah saya mencadangkan dia pergi ke universiti yang dekat dengan rumah. Dia kata, anak dia tidak boleh sebab matrikulasi hanya untuk bumiputera.

Pada saya sepatutnya kita tidak patut wujudkan lagi perbezaan-perbezaan ini terutamanya di peringkat pendidikan kerana di peringkat pendidikanlah yang sebenarnya membentuk apa jenis warganegara yang kita mahu, apa jenis generasi yang akan mewarisi negara ini. Kita tidak mahu lagi ada perasaan diskriminasi antara kaum, dan pusat pendidikanlah yang pada hemat saya, yang memulakan rasa pendidikan dan bimbingan untuk menyatupadukan kaum-kaum. Perpaduan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada saya adalah isu yang penting. Kita tidak boleh membuat isu perpaduan itu, kita sweep under the carpet.

Kita lihat banyak contoh, kita ambil contoh yang sekarang ini berlaku di Kosovo, di Bosnia, the former Yugoslavian state. Apa yang berlaku di Yugoslavia ialah negeri-negeri yang ada di bawah Yugoslavia telah dapat disatukan di bawah Tito. Tetapi apabila Tito mati, dia telah meninggalkan satu generasi manusia yang masih

tidak bersatu padu, yang masih melihat kepada 'ethnicity' yang sungguh membahaya dan kita telah dapat lihat betapa tidaknya Albania ethnic cleansing telah dibuat, telah dilaksanakan kerana dendam yang disimpan kerana tidak ada usaha untuk menjadikan perpaduan itu sebagai perpaduan yang betul-betul kukuh.

Saya percaya apa yang berlaku di Yugoslavia tidak mustahil berlaku di negara-negara lain yang mempunyai penduduk-penduduk yang berbilang etnik. Jadi, saya berpendapat juga Malaysia tidak terkecuali, tetapi kita adalah di tahap yang baik, walau bagaimanapun, kita perlu mempertingkatkan tahap tersebut. Saya selalu mendengar tentang masalah pendidikan ini, satu masalah yang banyak telah dipertuturkan di antara kaum, adanya wujud diskriminasi-diskriminasi yang pada hemat saya tidak perlu wujud.

Saya mencadangkan sekolah-sekolah ini dibuka seluasnya agar ia tidak dilihat sebagai sekolah-sekolah yang mengikut jenis kebangsaan dan mungkin kalau kita hendak pun kategori atau klasifikasikan sekolah-sekolah, kita klasifikasikan ianya kepada teras pendidikan yang hendak dilaksanakan dan mungkin teras teknologi, teras sastera, teras-teras tertentu jika hendak di kategorikan. Kalau tidak, saya berpendapat malah sekolah-sekolah asrama juga perlu dibuka supaya dapat kita menyatupadukan bangsa ini dan supaya dapat satu competition yang lebih sihat.

Saya tahu macam ada sekolah daripada kaum Cina yang pergi sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah tinggi dia pun sekolah jenis kebangsaan, selepas itu dia pergi ke luar negeri, dia balik, dia bekerja dalam syarikat satu-satu kaum itu dan dia tidak pernah pun dapat bergaul dengan kaum yang lain. Pada saya ini tidaklah menggalakkan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dalam sekolah-sekolah kawasan perumahan itu satulah, tetapi saya kembangkan sedikit tentang pendidikan dan sekolah ini kerana saya berpendapat kita perlu pendekatan baru, kita perlukan kepada pemikiran baru, kita perlukan kepada idea-idea yang dapat memberikan lebih kebaikan kepada masyarakat dan juga kepada bangsa kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi dasar perumahan iaitu sewa beli rumah yang juga merupakan salah satu prinsip yang dilaksanakan, ini juga saya alu-alukan cuma saya juga ingin mengingatkan tentang subsidi yang diberi kepada perumahan ini perlulah merupakan subsidi yang berpatutan yang dapat sebenarnya dikira daripada kos pembinaan yang munasabah, terutamanya bagi rumah-rumah kos rendah, walaupun kita mengatakan subsidi yang hendak diberi itu adalah merupakan subsidi yang perlu diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah tetapi subsidi itu pula perlulah diambil kira daripada wang yang diperolehi melalui keuntungan pembinaan rumah.

Tetapi yang penting kita perlu ingat ialah sektor industri perumahan ini tidak boleh dijadikan sektor yang merupakan satu sektor perniagaan yang terlalu bersaing untuk bagi tujuan mendapatkan keuntungan. Ianya perlu dilihat sebagai satu industri yang memberi perkhidmatan kepada orang awam, samalah juga seperti kesihatan dan pendidikan, walaupun ianya boleh dikomersialkan tetapi ianya tidak menjadi industri komersial yang hanya mementingkan keuntungan kerana ianya berteraskan kepada kebajikan dan perkhidmatan awam.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasa telah pun dilaksanakan untuk memikir balik tentang keuntungan kos rumah dan bagaimanakah caranya untuk kita memastikan bahawa dalam kita menentukan rumah itu kualiti yang tinggi, tetapi dalam masa yang sama juga kita memastikan bahawa harganya itu berpatutan dan keuntungannya tidak melebihi daripada apa yang dianggap munasabah dan patut.

Seterusnya saya juga ingin sentuh di sini tentang Dasar Perumahan Negara ialah tentang Akta Pemaju Perumahan. Ini saya ingin sentuh tentang perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli ini adalah melibatkan pengguna-pengguna atau pembeli-pembeli rumah. Pembeli-pembeli rumah ini terutama-nya mereka yang berpendapatan rendah mungkin itulah sahaja satu rumah yang akan dibeli oleh mereka dan itu jugalah mungkin all the savings that they have. Jadi apa yang diperuntukkan dalam perjanjian jual beli yang telah pun dimaktubkan di dalam Akta Pemaju Perumahan, ianya merupakan satu yang standardise ialah saya merasakan perlu juga dikaji semula sales and purchase agreement yang ada. Ada peruntukan-peruntukan yang saya berpendapat masih lagi tidak dapat menjaga kepentingan pengguna.

Satu, ialah dari segi pengeluaran sijil kelayakan dan juga di peringkat, diberi vacant possession, sebab masa rumah itu diberi untuk dimasuki oleh pembeli ianya masih lagi belum ada sijil kelayakan, ia ada temporary sijil kelayakan. Jadi, di sini persoalannya ialah adakah sebenarnya rumah yang dimasuki itu, rumah yang memang fit for occupation, dengan izin, kerana kita tidak dapati siapakah yang sebenarnya dapat memastikan rumah itu memang fit for occupation.

Saya hendak bangkitkan isu Pusat Latihan Rekrut di Tanjong Pengelih, Johor (Pularek). Ini saya anggap satu contoh klasik, kegagalan pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa rumah atau pusat yang diserahkan itu adalah sebenarnya pusat yang memang layak diduduki, di manakah salahnya?

Ini satu example atau satu contoh yang baru-baru kita lihat dalam surat khabar, yang keluar dalam surat khabar, memang banyak yang telah keluar, kita dapati adanya 'cracks in the wall' dan pelbagai lagi tetapi Pusat Latihan Rekrut ini saya ingat sudah melampau, hinggan bumbungnya berair, hingga, the basic structure, tiangnya pun tidak kukuh, something must be very wrong.

Jadi, kita hendak pihak kementerian memberi penjelasan tentang apa yang telah berlaku dan perlu dijelaskan daripada konteks perjanjian pembinaan, mungkin

Pusat Latihan Rekrut saya tidak pasti sama ada ia telah menandatangani sales and purchase agreement di bawah Akta Pemaju Perumahan.

Walau bagaimanapun, banyak rumah yang banyak kompelin dan bagaimanakah sebenarnya pihak kementerian memantau bahawa rumah-rumah yang dibina itu sebenar-benarnya mengikut peruntukan perjanjian, sebab kita tahu dalam jadual perjanjian itu ada diletakkan peringkat-peringkat pembinaan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya walaupun ada dalam perjanjian, satunya pun salah pengguna, dia pun tidak faham perjanjian, walaupun ada hari itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyarankan peguam untuk menerangkan kepada pengguna-pengguna apa dia perkara-perkara dalam perjanjian jual beli, tetapi saya berpendapat kadangkala peguam-peguam ini mungkin tidak semuanya yang rajin, ataupun takkanlah bila sudah terlalu ramai pembeli rumah, dia tidak ada masa hendak menerangkan. Bolehkah saya cadangkan kepada pihak kementerian dalam mengkaji semula perjanjian jual beli ini, memudahkan bahasa di dalam perjanjian jual beli itu agar pengguna-pengguna dapat faham. Contohnya, mode of payment (jadual pembayaran), tetapi kalau saya tahu orang yang membeli rumah, tetapi ada saya rasa peruntukan-peruntukan perjanjian itu yang boleh lagi dipermudahkan.

Kita bolehlah masukkan di dalam perjanjian itu bahawa pengguna adalah bertanggungjawab untuk memahami perjanjian ini dan jikalau apa pun yang berlaku dia tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak kerana dia sendiri tidak mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Saya ingat itu mungkin boleh dimasukkan dalam perjanjian. Sebab kita tahu dalam perjanjian jual beli ada jadual menunjukkan apa dia stages of the construction. Jadi saya selalu beritahu kalau anak guam saya: “Bila masa rumah itu didirikan, awak perlu tengok sebelum bayar”, adakah dia naik tiang cerucuk itu seperti mana yang dikatakan dalam perjanjian. Sebelum ambil cek dan bayar kepada pemaju. Tetapi pengguna pun banyak yang bersalah kerana saya tahu ramai yang tidak peduli untuk pergi melihat terutama rumah-rumah yang dalam

pembinaan. Rumah-rumah yang dalam pembinaanlah rumah-rumah yang memberi peluang kepada pengguna untuk memastikan rumah-rumah itu dibina seperti mana yang perlu dibina.

Jadi, kalau Pularek ini mungkin salah dia jugalah kerana tidak pergi cek semasa rumah itu dibina. Jadi, saya selalu berkata kepada pembeli-pembeli rumah; “Awak pergi tengok”. Ada yang beli rumah tidak pergi tengok pun di mana rumah itu akan dibina. Jadi bila dia masuk, dia kompelin ini dan itu, pada hal dia tidak faham yang tanggungjawab dia, dia juga kena pergi melihat kepada apa yang telah dijalankan. Mungkin pihak kementerian boleh membantu dengan memudahkan perjanjian jual beli itu.

Seperkara lagi tentang perjanjian jual beli ini ialah saya juga ingin menyarankan kepada pihak kementerian untuk membuat satu alternatif perjanjian jual beli yang memmanifestasikan prinsip-prinsip Islam iaitu perjanjian jual beli mengikut prinsip-prinsip Islam, sebab perjanjian jual beli yang ada sekarang, ada memperuntukkan tentang faedah kelewatan pembayaran rumah dan oleh itu jikalau dia lewat dia kena bayar faedah dan ada juga peruntukan mengatakan kalau pemaju lewat, maka pemaju perlu bayar faedah.

Jadi, ada kumpulan yang tidak mahukan peruntukan faedah itu. Jadi, saya mintalah kepada pihak kementerian kalau dapat wujudkan lagi satu peruntukan yang berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Ini juga selaras dengan Perjanjian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan yang juga memberikan satu set untuk pinjaman mengikut prinsip-prinsip Islam. Jadi ia tidak selari bila kita buat pinjaman perumahan itu yang berasaskan prinsip Islam dan perjanjian jual belinya itu tidak selari dengan perjanjian yang berprinsipkan prinsip-prinsip Islam. Jadi tidak kenalah kalau hendak kata dia beli rumah, dia pinjam berdasarkan pinjaman cara Islam tetapi cara dia beli rumah itu tidak ada akad dan sebagainya dan ada pula peruntukan faedah dan sebagainya. Jadi tidak selaras.

Jadi, kalaulah dapat perjanjian jual beli itu diselaraskan supaya pinjaman perumahan kerajaan ataupun bank-bank yang bakal menggunakan prinsip-prinsip Islam itu dapat diselaraskan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya mengenai dasar perumahan ialah dalam kita membuat perancangan untuk rumah-rumah ini, saya ingin menyarankan bahawa pemaju-pemaju terutamanya bagi rumah-rumah kos rendah untuk dapat memastikan rumah yang dibina itu ada mempunyai ruang-ruang yang membolehkan penghuni rumah mempertingkatkan keadaan rumah mereka. Kalau peringkat awal itu dia membeli rumah itu hanya asas sahaja, tetapi perlulah diperuntukkan ruang untuk membolehkan ianya meningkatkan keadaan tempat tinggalnya sama ada ia boleh naikkan ke atas ataupun ada ruang yang lain. Ianya tidak bolehlah dijadikan macam rumah yang tidak boleh lagi kita besarkan ataupun kita tambahkan kualiti dan keselesaan tempat tinggal rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang saya ingin bincangkan tentang Dasar Perumahan Negara. Saya ingat kawan-kawan lain pun ramai yang hendak berucap, tetapi kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, bercakaplah panjang mana, tak ramai orang lagi yang hendak bercakap, tetapi kawan saya sebelah ini Yang Berhormat Datuk Hashim kata dia hendak bercakap.

Jadi, dengan itu saya inginlah mengakhirinya, walau bagaimanapun, berilah saya kesempatan sedikit sebab semalam saya telah mengatakan bahawa perlu wujudnya satu lagi teras untuk Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu pengukuhan nilai murni keperibadian unggul yang saya sebutkan.

Saya ada baca semalam, saya rasa is a beautiful saying, tentang bagaimana perangai manusia itu sebenarnya yang menentukan apa pun yang dirancang. Ini apa yang dikatakan oleh Ibnu Khaldon, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris, I like the saying very much and I think I like it to be recorded, dia kata: *“Islamic - this is regard to the Islamic politics, but also regards to all other*

politics - Islamic politics and economics were founded on notions of rational agency, free choice and liberalism, once more predicating its basic values and concepts on the category of the human.”

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, dalam artikel yang saya baca ini ia memang menyatakan salah satunya, *‘The Islamic civilisation is actually coloured by man. Whatever the sacred treats of the religion, the rationality of his application is actually also man at work.’* Jadi, pokok pangkalnya apa sekalipun ialah manusia itu sendiri, itulah kita mementingkan bahawa nilai-nilai manusia itu adalah nilai-nilai yang tinggi.

Saya juga hendak mencadangkan di sini untuk kalau boleh seramai mungkin juga yang terlibat dalam membuat kajian Rancangan Malaysia Ketujuh ini membaca buku bertajuk *‘The Wealth and Poverty of Nations’* by David Landers. Saya tak sempat hendak baca buku ini lagi, buku ini dihadiahkan oleh anak saya pada Hari Ibu, tetapi saya dapat baca sedikit, dengan izin, dia kata dalam buku ini, *“Anyone who wants to understand world economic history, must study China, the most pre-cautious and long, the most successful developer of all. Here is a country with some 7% of the earth land area, that support some 21% of the world’s population. The old Chinese slogan puts it very succinctly - the land is scarce and the people are many’.*

Saya rasa saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan dalam buku ini, sebabnya kalau kita hendak berbicara, hendak berancang, kalau hendak melaksanakan dalam segi apa pun tentu kita cari yang paling banyak bermasalah.

Tuan Yang di-Pertua pun merupakan seorang yang banyak memberi kepada saya, a lot of wisdom, saya suka berbual dengan Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak pengalaman beliau yang merupakan perkara-perkara yang begitu bijak kerana beliau sebenarnya saya bercakap banyak dasar-dasar perumahan, Tuan Yang di-Pertua dahulu pun menteri di sana. Tetapi ini adalah idea-idea yang saya rasa saya ingin perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kita membaca satu buku *Organising Genius* namanya, dalam buku ini dia mengatakan 'the great man theory of leadership. Maknanya dia mengatakan bahawa kita ini semua perlu bekerja sebagai satu pasukan, a lot of teamwork, ini juga ingin saya sarankan bahawa kita perlulah ingat bahawa apa pun yang boleh kita laksanakan perlulah dibuat secara teamwork.

Organising Genius ini adalah sebuah buku yang sebenarnya memberikan the great man theory on leadership. Mungkin lah ideanya tidak boleh pakai semua tetapi seperti saya kata awal kelmarin, kalau untuk kita mendapat idea-idea kita perlulah banyak membaca. Dalam buku ini juga dia mengatakan 'non of us is as smart as all of us', ini juga saya rasakan kata-kata yang menarik, 'non of us is as smart as all of us'.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sudahkan dengan satu pesanan yang diberi oleh Rasulullah s.a.w. dalam khutbahnya yang terakhir yang mana baginda telah memesan kepada kita bahawa:

- (i) kita perlulah ketahui bahawa kita akan menghadap Allah s.w.t. untuk ditanya tentang amalan kita;
- (ii) sesiapa yang diberi amanah hendaklah memenuhi apa yang diamanahkan kepadanya;
- (iii) kamu tidak boleh menganiayai dan dianiayai; dan
- (iv) berhati-hatilah memelihara agamamu.

Aku telah memberi peninggalan kepada kamu semua selama kamu memelihara dan berpegang teguh kepadanya. Kamu tentu tidak akan tersesat.

Itulah pesanan daripada Rasulullah s.a.w. dan saya rasa pesanan-pesanan tersebut balik kepada teras yang saya awal-awal memperkatakan tentang amanah. Amanah dan pegangan hidup yang sepatutnya dijadikan teras kepada apa juga yang kita laksanakan. Dan tentu sekalilah dalam kita membuat kajian semula Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita perlulah membawa balik apa yang kita rasakan sebagai asas kepada segala apa yang kita hendak lakukan iaitu niat yang baik, niat untuk kebaikan

semua dan amalan kita juga meninggalkan satu kebaikan kepada diri kita dan kita juga sebenarnya apabila kita tiada lagi untuk memberi khidmat, bahawa apa yang kita tinggalkan itu akan menjadi peninggalan yang baik.

Janganlah kita menjadi labah-labah. Labah-labah makhluk Tuhan tetapi kasihan mengapa begitu, ia sendiri tidak upaya untuk bangkit darinya. Hairan! Jaring dari tangan sendiri kiranya itu merangkum diri.

Sekian, terima kasih dan saya menyokong pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beri kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika dahulu.

12.00 tgh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang telah berjaya mengemudikan pucuk pimpinan negara melalui segala rintangan dan halangan, pahit getir perjuangan melepasi liku-liku sejarah hitam dalam usaha membina negara yang maju dan ummah yang bertamadun. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh yang merupakan fasa kedua dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua iaitu 1990-2000, adalah merupakan rancangan pembangunan terakhir sebelum kita melangkah ke millennium yang akan datang. Walaupun pada Separuh Penggal Pertama RM-7 telah sama-sama kita layari dengan penuh cabaran sama ada dalam bidang ekonomi mahupun politik, tetapi ia banyak juga meninggalkan pengajaran dan teladan. Kita sebagai hamba Allah s.w.t yang beriman perlu menerima qadak dan qadar dengan hati

yang terbuka, jiwa yang tawaduk dan penuh keinsafan, mungkin di sebalik awan hitam ada cahaya yang akan menerangi di hari muka.

Dalam Kajian Separuh Penggal RM-7 telah dinyatakan cabaran-cabaran yang kita hadapi bukan lagi untuk managing success tetapi adalah untuk merangsang semula ekonomi yang menguncup sebanyak 6.7%. Semasa menghadapi kegawatan ekonomi banyak pihak meramalkan keadaan buruk yang akan menimpa negara. Malah pembangkang cuba 'menangguk di air yang keruh' dengan menggugat keyakinan rakyat terhadap kemampuan dan keupayaan kerajaan. Namun kecekapan dan ketangkasan Perdana Menteri bertindak semua ramalan dan harapan musuh-musuh Barisan Nasional dan musuh-musuh negara meleset. Malah kegawatan ekonomi telah mendedahkan seorang pemimpin yang menjadi harapan bangsa, rupa-rupanya adalah musang yang berbulu ayam dan gunting dalam lipatan. Dalam memenuhi cita-cita peribadi sanggup bersekongkol dengan pihak Amerika, sanggup menjadi pak turut kepada IMF, malah telah membuka peluang kepada CIA untuk menakluki dan menjajah semula Malaysia secara moden.

Tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin menerajui MTEN seterusnya menerajui Kementerian Kewangan adalah amat tepat. Kita telah menyaksikan tanda-tanda awal pemulihan ekonomi dan telah pun disebutkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, satu prasyarat penting untuk kita mencapai kemajuan ialah terus meningkat keyakinan para pelabur dan orang awam. Kita berharap rakyat akan dapat maklumat yang tepat mengenai setiap tindakan dan rancangan yang diambil oleh kerajaan supaya tidak ada pihak yang menimbulkan isu-isu.

Bagi tujuan tersebut, saya ingin menyatakan rasa kesal terhadap lemahnya jentera penerangan kerajaan. Rakyat seolah-olah tidak mendapat maklumat yang menyakinkan di atas tindakan yang dilakukan oleh kerajaan sama ada keputusan yang berkaitan dengan politik mahupun tindakan-tindakan pemulihan ekonomi. Malah ada

satu gerakan yang dibawa untuk membenci pemimpin-pemimpin negara dan kepimpinan-kepimpinan di peringkat negeri. Penggunaan multimedia digunakan sepenuhnya untuk menghentam kepimpinan negara. Saya melihat ada dua gerakan yang sekarang ini berjalan untuk menjajahi pemikiran rakyat iaitu rapat umum yang diadakan di kampung-kampung, di pelosok-pelosok luar bandar dan juga Internet. Tohmahan-tohmahan melalui Internet yang mana telah pun secara berleluasanya telah pun sampai dan menuju kepada pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi, malah tohmahan-tohmahan ini juga banyak tersebar di jabatan-jabatan kerajaan melalui multimedia yang sekarang ini digunakan secara berleluasa di pejabat-pejabat kerajaan. Di mana peranan Kementerian Penerangan dan pegawai-pegawai penerangan luar?

Saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Penerangan supaya mengkaji semula peranan pegawai-pegawai penerangan luar. Saya bimbang keberkesanan peranan pegawai-pegawai penerangan luar hari ini tidak dapat kita lihat sebagaimana yang pernah dipamerkan pada satu ketika dahulu.

Pada satu ketika kita berhadapan dengan komunis. Komunis ialah merupakan satu ancaman yang besar kepada negara semasa negara menghadapi kemerdekaan. Tetapi dengan berkesannya peranan yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan, kita telah dapat menangkis serangan dan juga fahaman komunis yang cuba diserapkan di negara kita. Hari ini kita merasa amat kesal dengan penampilan pegawai-pegawai yang ada dalam Kementerian Penerangan dan juga kemungkinan ini berlaku oleh kerana dasar-dasar yang diambil sendiri oleh pihak kementerian.

Saya ingin mecadangkan kepada pihak Kementerian Penerangan supaya pegawai-pegawai penerangan luar tidak dibenarkan untuk mereka mengambil bahagian di dalam politik sebagaimana pernah diamalkan oleh kementerian suatu ketika dahulu. Ini akan dapat memberikan penumpuan, fokus kepada pegawai-pegawai penerangan

luar supaya mereka benar-benar dapat memahami, menghayati dan menggunakan masa yang diberikan kepada mereka berkaitan dengan pengambilan mereka sebagai pegawai penerangan luar untuk mereka menerangkan dan juga untuk mereka menyampaikan maklumat kepada masyarakat kita sebagai penyambung lidah kepada kerajaan.

Saya merasakan bahawa masyarakat di luar bandar terutamanya, tidak menapat maklumat yang tepat mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan, juga tidak mendapat maklumat yang tepat mengenai keputusan-keputusan yang diambil oleh pihak kepimpinan kerajaan.

Oleh yang demikian, saya amat berharap supaya Kementerian Penerangan dapat mengkaji semula peranan mereka dan keberkesanan peranan mereka di luar bandar. Begitu juga dengan apa yang saya sebutkan tadi, cerita-cerita yang dikeluarkan melalui Internet yang begitu berleluasa di jabatan-jabatan kerajaan dan juga tersebar luas di kalangan pelajar-pelajar.

Pagi tadi di dalam sesi Soal-Jawab kita mendengar jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, bagaimana pelajar-pelajar universiti, pelajar-pelajar sekolah turut sama dalam gerakan-gerakan reformasi yang mana gerakan-gerakan reformasi ini tidak memberikan sesuatu keuntungan kepada pihak pelajar kerana kita telah mengeluarkan belanja begitu besar kepada pelajar-pelajar untuk mereka menumpukan perhatian mereka di bidang pelajaran supaya sumber tenaga manusia yang akan lahir daripada pelajar-pelajar ini setelah dididik di universiti dapat digunakan untuk pembangunan negara. Tetapi malangnya ada sebahagian daripada pelajar-pelajar oleh kerana mereka telah terlalu dirasuk dengan maklumat-maklumat yang tidak tepat, dengan perkara-perkara dan juga fitnah-fitnah yang tidak benar menyebabkan telah timbul rasa tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar dan mereka terlibat dengan rusuhan-rusuhan yang berlaku.

Saya percaya pelajar-pelajar yang mana terdiri daripada mereka yang intelligent dengan izin, daripada sekolah menengah dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti adalah merupakan insan-insan yang mempunyai dengan izin, genius, pemikiran yang bijak dan mereka boleh membuat keputusan-keputusan yang tepat tetapi malangnya maklumat-maklumat yang sebenar tidak sampai kepada mereka dan maklumat-maklumat yang tidak tepat sampai kepada mereka kita bimbang mereka akan membinasakan diri mereka sendiri sebagaimana yang pernah berlaku kepada kumpulan-kumpulan yang mengadakan demonstrasi pada tahun 1975, 1976 di mana sebahagian besar daripada mereka gagal untuk melanjutkan pelajaran, malah gagal untuk keluar daripada universiti dengan membawa segulung ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya merasakan bahawa peranan, maklumat kepada rakyat setiap lapisan rakyat sama ada masyarakat di luar bandar melalui pegawai-pegawai penerangan luar, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai kerajaan dan juga pelajar-pelajar ini adalah amat penting. Di peringkat pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan kita melihat seperti ada suatu suasana keseimbangan dan ada satu ketegangan di kalangan kakitangan kerajaan yang selama ini kita tahu kakitangan kerajaan bersama-sama dengan kita dalam membangunkan negara dan bersama-sama dengan kerajaan dalam mengusahakan pencapaian yang cemerlang kepada negara kita. Tetapi mungkinlah oleh kerana masa yang digunakan oleh kakitangan kerajaan daripada 8.00 pagi hingga 4.00 petang berada di pejabat selepas itu balik dengan urusan-urusan keluarga mereka tidak tahu, tidak mendapat maklumat yang mencukupi dalam bidang-bidang yang lain selain daripada urusan-urusan pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, dalam soal menyampaikan maklumat, apa yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan adalah penting dan perlu diberi perhatian supaya rakyat kita tidak terpesong dan tidak terpengaruh dengan

maklumat-maklumat yang tidak tepat. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Penerangan supaya Kementerian Penerangan mewujudkan satu unit yang terlibat secara langsung dengan komputer ataupun multimedia dan juga mereka dapat menyebarkan maklumat-maklumat yang tepat di Internet. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini zaman telah berubah, kita tidak dapat menggunakan secara konvensional, kita harus mengikuti perubahan-perubahan masa yang berlaku. Saya berharap Kementerian Penerangan bukan sahaja mengkaji dua pandangan yang saya kemukakan ini tetapi mengkaji dari segi keseluruhannya keberkesanan Kementerian Penerangan dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang tepat mengenai soal-soal yang berkaitan dengan politik dan juga soal-soal yang berkaitan dengan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, kita telah menyaksikan bahawa pertumbuhan dijangkakan pada tahun 1998 sebanyak 1% dan dijangka pertumbuhan pada tahun 2000 sebanyak 5%. Bagi saya yang berpeluang berada di Dewan yang mulia ini sejak tahun 1995, saya yakin negara dapat mencapai hasrat untuk menjadikan Malaysia lebih makmur, mewujudkan bangsa yang membangun, bersatu padu, progresif, berdikari dan dihormati. Kenyataan ini adalah berpandukan kepada pengalaman-pengalaman kita yang lepas di mana kita lihat, pertamanya, kepimpinan negara yang berpengalaman tangkas bertindak mengamalkan slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Yang keduanya, jentera kerajaan yang dinamis dan mengamalkan amalan yang baik untuk pencapaian produktiviti yang tinggi; dan yang ketiganya, rakyat yang bersatu padu, beridentiti dan bersemangat 'Malaysia Boleh' dan sedia menerima perubahan. Yang pentingnya kita semua pemimpin dan rakyat harus bertindak mengikut fikiran dan bukan mengikut perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Saparuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menggariskan enam cabaran yang akan dihadapi oleh negara:

- (i) mengekalkan asas-asas ekonomi makro yang kukuh;
- (ii) meningkatkan tahap produktiviti;

- (iii) pemulihan sektor swasta;
- (iv) mengatasi rintangan sektor produktif;
- (v) membasmi kemiskinan dan juga penyusunan dan pengagihan di antara kaum yang berterusan;
- (vi) peningkatan kualiti hidup.

Bagi mengukuhkan asas ekonomi makro, saya bersetuju dengan tindakan kerajaan yang telah pun diambil di mana sektor awam digunakan untuk generate, dengan izin, ataupun memulakan lantunan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan perlu bertindak lebih proaktif untuk memangkin pertumbuhan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menambah peruntukan sebanyak RM22 bilion iaitu daripada RM67.5 bilion kepada RM89.5 bilion. Saya percaya pertambahan ini akan dapat dimanfaatkan untuk mencergaskan perkembangan ekonomi. Saya percaya penuh kepada kemampuan MTEN dan MAPEN untuk merancang, memantau dan memastikan pencapaian akhir di Rancangan Malaysia Ketujuh dapat mencapai tahap yang diunjurkan iaitu sebanyak 5%. Saya juga berharap supaya MTEN dapat dipanjangkan ke peringkat negeri-negeri dan dapat bertindak secara berkesan untuk menentukan pembangunan di peringkat negeri-negeri dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah pun disarankan di peringkat nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada jawatankuasa MTEN di peringkat negeri tetapi buat masa ini saya lihat jawatankuasa MTEN di peringkat negeri tidak dapat penglibatan yang begitu meluas daripada keseluruhan kepimpinan dan juga keseluruhan kakitangan kerajaan yang terlibat untuk pembangunan. Malahan, saya bimbang di peringkat pelaksanaan pencapaian-pencapaian ataupun penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh MTEN tidak diberi keutamaan. Oleh yang demikian, saya berharap supaya apa penemuan-penemuan yang telah pun dibuat oleh MTEN, dasar-dasar yang telah ditentukan oleh MTEN bukan sahaja dapat dilaksanakan di peringkat nasional tetapi terus dimantau, terus dibuat pemantauan ke peringkat negeri. Saya juga, sebagaimana dalam membahaskan Kertas Putih yang lampau, sekali lagi ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya MTEN diteruskan peranannya bukan

sahaja sekadar untuk menghadapi kegawatan ekonomi tetapi jawatankuasa ini diberi mandat untuk terus menentukan dan juga merancang pembangunan ekonomi kita sehingga kita dapat mencapai hasrat kita iaitu pembangunan sebagaimana yang telah pun ditentukan di dalam Wawasan 2020. Saya percaya sekiranya tidak ada accident, dengan izin, ataupun tidak ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, kita akan dapat mencapai hasrat Wawasan 2020 itu.

Cabaran utama untuk pencapaian terhadap rancangan-rancangan yang telah ditentukan dalam MTEN itu sendiri adalah mengekalkan asas-asas ekonomi makro iaitu pertumbuhan ekonomi pesat, inflasi yang rendah, guna tenaga penuh, pelaburan yang meningkat, eksport bertambah, kadar tabungan di tahap yang baik – tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Maksudnya, kita juga tidak mengharapkan ataupun tidak meminta rakyat terus menyimpan sumber-sumber dana mereka, kewangan mereka sebagaimana yang pernah satu ketika yang lalu di mana kita, saya kira adalah satu langkah yang tersilap apabila kita meminta rakyat supaya mereka terlalu berhemat di dalam perbelanjaan. Jadi, kita juga memang mengharapkan supaya kadar tabungan di kalangan rakyat baik tetapi tidaklah terlalu tinggi sehingga menghentikan perkembangan ekonomi itu sendiri.

Pada satu ketika yang lalu, kita melihat bahawa perniagaan-perniagaan barang pengguna, supermarket-supermarket lengang, tempat-tempat atau premis-premis makan kurang dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung. Ini sebenarnya, jika dibiarkan berterusan akan melumpuhkan ekonomi negara itu sendiri. Itulah tadi saya menyebutkan bahawa kadar tabungan yang kita harapkan di kalangan rakyat adalah di tahap yang baik, tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Pada masa ini kalau saya tidak silap, kadar tabungan negara kita adalah merupakan kadar tabungan di antara yang tertinggi di dunia. Ini adalah merupakan satu petunjuk yang baik kepada ekonomi dan saya percaya sikap menabung, sikap berjimat cermat di kalangan Kementerian Kewangan yang telah diamalkan beberapa tahun yang lalu telah dapat menentukan bahawa kita mampu dan kita telah pun dapat melepasi keadaan kegawatan dan hari ini kita mempunyai dana yang cukup untuk meneruskan pembangunan negara.

Ke arah pertumbuhan ekonomi yang pesat, kerajaan, sektor swasta dan semua pekerja perlu bekerja kuat untuk mempercepat lantunan dan lonjakan putaran ekonomi supaya kek pertumbuhan dapat berkembang. Bagi pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan projek untuk diagihkan kepada usahawan-usahawan atau pengusaha-pengusaha supaya kegiatan-kegiatan dan aktiviti ekonomi dapat dilaksanakan tetapi persoalannya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, berapa cepatkah proses pelaksanaan ini dapat dijalankan. Lebih cepat ia terlaksana bermakna lebih pantas ekonomi dapat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu terjadi seperti apa yang telah terjadi. Dalam Dewan ini, setiap kali persidangan kita telah meluluskan peruntukan-peruntukan dan dana-dana untuk kegunaan kementerian-kementerian untuk dilaksanakan supaya pembangunan ekonomi dan juga keperluan rakyat tidak terjejas tetapi sebagaimana yang pernah kita lalui dalam meluluskan dana 3F iaitu Fund For Food, walaupun dana ini telah diluluskan tetapi kita masih lagi kedengaran banyak pihak yang ingin menggunakan dana ini tidak dapat menggunakannya. Apabila mereka berjumpa dengan pihak-pihak bank di mana pihak kementerian menyalurkan urusan pengagihan dana ini kepada pihak-pihak bank – Bank Pertanian, misalnya, mereka tidak dapat melaksanakan dana ini sebagaimana hasrat yang telah kita kemukakan di dalam Dewan ini.

Saya juga bimbang sekiranya peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan ini tidak dapat dilaksanakan ataupun tidak sampai ke kumpulan sasar sebagaimana yang diharapkan. Tambahan pula, dalam keadaan sekarang ini, walaupun kerajaan telah menyediakan peruntukan-peruntukan yang tertentu, kita tahu bahawa pengusaha-pengusaha ataupun mereka yang berada di sektor pembinaan, mereka yang berada di sektor korporat baru sahaja lepas menghadapi kegawatan ekonomi. Walaupun di peringkat petani atau relayan mungkin tidak begitu terasa tetapi bagi peniaga atau pengusaha kita dapat melihat bahawa kesan kegawatan ekonomi ini begitu jelas. Bolehlah kita ibaratkan mereka yang terlibat dalam bidang ini seperti orang yang baru sahaja baik demam, baru sahaja pulih daripada sakit. Walaupun ada

makanan yang enak yang hendak kita berikan tentulah dia tidak dapat consume, dengan izin, tidak dapat hendak menggunakan dengan sepenuhnya dalam jangka masa yang singkat. Perkara ini harus diberi perhatian oleh pihak-pihak yang melaksanakan dasar dan juga yang melaksanakan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memantau kementerian-kementerian yang tidak menghabiskan peruntukan seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* kelmarin. Dalam laporan tersebut telah pun disebutkan hanya tiga kementerian membelanjakan lebih daripada 10% daripada peruntukan yang telah diberikan bagi suku tahun pertama tahun ini dan tiga kementerian ini telah pun membelanjakan dalam kadar 10% itu merupakan kadar tertinggi yang telah dibelanjakan. Kita sekarang ini sudah berada dalam bulan Mei, hampir setengah tahun berlalu. Kita melihat daripada Januari hingga Mac, peruntukan-peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan oleh kementerian-kementerian. Baru-baru ini kita dengar banyak pihak telah memberi pandangan dan komen, ada timbul tuduh menuduh di antara satu sama lain. Saya bersetuju dengan Menteri Kewangan apabila mengatakan tidak perlu kita tuduh menuduh tetapi kita perlu bekerja. Namun, saya juga merasakan bahawa puncanya harus dicari dan puncanya harus ditentukan supaya keadaan yang berlaku ini tidak terus berlaku demikian supaya usaha-usaha untuk mengatasi kelewatan menggunakan peruntukan ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Di dalam laporan tersebut menyebutkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah pun membelanjakan 20% daripada RM38 juta, Kementerian Penerangan 13% daripada RM25 juta. Tadi saya menyebutkan Kementerian Penerangan berbelanja bagus tetapi dari segi pencapaian untuk menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasaran itu saya tidak puji tetapi untuk ini saya rasa kita perlu memberikan satu penghargaan kepada Kementerian Penerangan yang telah pun membelanjakan 13% daripada peruntukan yang diberi. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah membelanjakan 11.84% daripada RM760 juta yang diberi dan 16 daripada 34 jabatan dan kementerian kurang berbelanja dan ada kementerian yang 100% tidak membelanjakan lagi peruntukan yang telah diberi.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Kewangan, adakah pihak kementerian mempunyai sistem pemantauan yang berkesan dan sistem pemantauan yang berterusan untuk menentukan supaya peruntukan-peruntukan yang dipohon kepada kita untuk diluluskan di Dewan ini dibelanjakan sebagaimana yang dipohon. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah pun saya sentuh beberapa kali di dalam kita membuat kajian dan juga permohonan-permohonan peruntukan tambahan kerana saya sentiasa melihat laporan-laporan audit dan juga laporan-laporan kewangan yang dibekalkan kepada Ahli Dewan. Kita melihat bahawa masih ada lagi permasalahan-permasalahan yang timbul sama ada dalam menghabiskan peruntukan ataupun di dalam menentukan supaya peruntukan itu dapat dilaksanakan mengikut spec yang dikemukakan dan dipohon untuk kelulusan Dewan.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya berharap supaya Kementerian Kewangan mempunyai sistem pemantauan, bukan sahaja pemantauan kepada kementerian-kementerian yang mendapat peruntukan tetapi harus membuat pemantauan kepada kementerian itu sendiri; adakah peruntukan ini telah pun dikeluarkan, adakah peruntukan-peruntukan yang dijanjikan ini tidak ada halangan-halangnya yang menyebabkan kementerian-kementerian lain tidak dapat melaksanakan. Saya juga berharap supaya kementerian-kementerian dapat memaklumkan kepada Dewan ini, dalam jawapan mereka nanti berapa banyak peruntukan-peruntukan yang telah pun dibelanjakan. Saya merasakan bahawa Dewan yang mulia ini perlu dimaklumkan kedudukan prestasi pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang diminta untuk kita meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menentukan supaya ekonomi makro ini dapat dimantau dengan sebaik-baiknya, inflasi juga adalah merupakan satu faktor yang perlu diberi perhatian. Kita tidak menafikan bahawa sejak kita mengalami kegawatan ekonomi, Indeks Pengguna Negara telah pun meningkat dan Indeks Pengguna Negara ini secara langsung memberi kesan kepada rakyat keseluruhannya. Saya ingin meminta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memantau harga-harga indeks pengguna ini dengan lebih terancang dan lebih

sistematik. Malahan, kita mempunyai majlis-majlis pengguna dan juga persatuan-persatuan pengguna di peringkat negeri. Saya merasakan majlis-majlis pengguna dan persatuan-persatuan pengguna di peringkat negeri harus memainkan peranan yang lebih aktif untuk menentukan supaya kadar inflasi di negara kita tidak menjangkau kepada angka yang membimbangkan dan juga angka yang merunsingkan rakyat. Saya dapat tahu ada di antara majlis-majlis pengguna sebagaimana yang pernah saya sebutkan tidak menjalankan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, majlis pengguna dan juga persatuan pengguna adalah sesuatu yang berbeza. Majlis pengguna adalah badan yang diwujudkan di peringkat negeri di bawah kuasa kerajaan negeri dan biasanya dipengerusikan oleh ahli Exco kerajaan negeri. Mungkin oleh kerana tugas-tugas dan juga bebanan-bebanan kerja yang begitu banyak, pihak-pihak yang berkenaan tidak meletakkan keutamaan kepada menentukan perjalanan majlis pengguna sebagaimana yang diharapkan. Saya berharap kepada pihak kementerian supaya memantau kembali perjalanan majlis pengguna, menentukan majlis pengguna dapat memainkan peranan mereka untuk menentukan supaya kawalan kepada harga barangan ini dapat dilaksanakan.

Saya mengucapkan tahniah kepada CUEPACS. Kalau dilihat dari segi menentukan harga barang yang berpatutan kepada pengguna, CUEPACS kita lihat telah pun memainkan peranan yang begitu jelas. Sampai satu ketika saya.....

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya bukan CUEPACS tapi MTUC yang bertindak seperti memboikot harga ayam dan sebagainya dan kami akan meneruskan usaha-usaha ini bagi memastikan bahawa kenaikan harga barang-barang di negara kita tidak melambung begitu tinggi dan kita bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan badan-badan pengguna yang lain bagi memastikan segala-galanya tidak dieksploitasikan oleh orang tengah. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Zainal bin Rampak, saya nampak dalam paper kalau tak silap dia sebut CUEPACS, jadi saya pun sebut CUEPACS, sebenarnya MTUC, terima kasihlah di atas pembetulan

fakta yang diberikan kepada saya tadi. Bagi saya memang kita menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh MTUC, kita harap MTUC akan dapat meneruskan usaha-usaha mereka yang mana kita memang dapat melihat bahawa usaha-usaha ini memang berkesan. Tetapi kita ingin bertanya juga sebab tugas ini, tanggungjawab ini, peranan ini sepatutnya dimainkan oleh majlis pengguna dan persatuan pengguna. Saya bukanlah hendak membandingkan MTUC dan majlis pengguna serta juga persatuan pengguna, siapa sahaja yang menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka melihat sesuatu isu yang berkaitan dengan kehidupan rakyat di negara kita, ingin memperbaiki suasana rakyat di negara kita memang kita alu-alukan dan memang saya mengalu-alukan apa yang telah dibuat oleh MTUC. Tetapi yang kita rasa agak terkilan di mana perginya majlis pengguna, persatuan pengguna dan soal kepenggunaan ini.

Soal kepenggunaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara yang penting, bukan sahaja dari segi tanda harga tetapi barangan-barangan yang digunakan oleh rakyat. Misalnya ubat-ubatan, kita dapati ada ubat-ubatan yang dibuat secara tiruan. Kita juga dapati ada bahan-bahan yang digunakan di negara kita terutamanya di sempadan diambil daripada Thailand yang menimbulkan kesan kepada pengguna. Kita tidak ada kemampuan untuk memberitahu kepada tiap-tiap pengguna dan tugas ini sepatutnya dilaksanakan oleh majlis pengguna dan persatuan pengguna. Saya rasa peranan kepenggunaan ini yang satu ketika dahulu kita melihat bahawa peranan kepenggunaan ini sehingga ada subjek di sekolah, disebut subjek penggunaan. Tapi hari ini kita tidak mendengar dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi kita melihat majlis pengguna dan persatuan pengguna menyepi, yang kita lihat cuma Profesor Hamdan sekali sekala, mungkin selalu muka di layar televisyen. Tetapi di atas satu barisan persatuan itu sendiri dan juga gerakan daripada negeri-negeri dan juga gerakan daripada negeri ke nasional tidak dapat kita lihat. Kita hendak supaya, saya menyelar ini bukanlah satu tohmahan, tetapi sebenarnya kita hendak menyokong, kita hendak persatuan ini, majlis pengguna ini berperanan sebaik mungkin. Kalau sekiranya masalah-masalah yang mereka hadapi dari segi tidak ada sokongan moral, tidak cukup sokongan daripada kementerian, kita minta kementerian supaya menjalankan kajian

dan menentukan supaya peranan dua majlis dan persatuan ini dapat berjalan dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal minta laluan.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, saya amat bersetuju sekali apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya kira pengguna harus dicelikkan dengan penipuan-penipuan yang telah berlaku dalam masyarakat kita. Jadi, justeru itu sama ada Yang Berhormat bersetuju kita mencadangkan supaya kita banyak mengadakan kursus, seminar dan menarik pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan sebagainya di kalangan masyarakat yang berpengaruh mendekati mereka dan beritahu mereka betapa besarnya kuasa pengguna bagi memastikan tindakan-tindakan orang tengah tidak keterlaluan dan tidak berterusan. Dalam masa yang sama saya fikir barangkali kita juga sedia maklum bahawa setengah-setengah penjual, orang-orang tengah ini dan juga pekedai-pekedai, supermarket dan sebagainya terutama sekali tempat jualan-jualan terbuka. Seseengah pengguna ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini ada sindiket yang digaji oleh mereka dan kadangkala dia ada informer, dia akan beri tahu katanya enforcement unit dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan datang untuk memeriksa, sila tukar harga barang tersebut. Jadi satu perkara yang berlaku dalam masyarakat kita dan saya tidak fikir barangkali Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat melaksanakan dengan tepat tanpa sokongan orang ramai, tanpa kita semua. Kalau kita dapat menyedarkan pengguna, mencelik pengguna, kuasa yang ada pada tangan mereka, sudah barang tentu pengawalan harga barang ini akan dapat dilaksanakan oleh semua pihak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat telah membantu saya untuk menjelaskan betapa pentingnya isu kepenggunaan ini. Sebenarnya setiap kita yang ada dalam Dewan ini kita sebagai pengguna dan seluruh rakyat negara kita ialah sebagai pengguna. Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rasa terkilan dalam soal kepenggunaan ini kerana satu ketika 6

tahun yang lepas, ini 6 tahun dulu soal kepenggunaan ini memang aktif di negara kita. Saya pernah hadir satu seminar di Kuala Lumpur dan dalam seminar tersebut telah pun dibangkitkan soal pencemaran najis babi di Negeri Sembilan dan isu itu disebutkan dengan begitu besar dan juga banyak pandangan-pandangan dan juga cadangan-cadangan yang dikemukakan malahan pada waktu itu telah dilihat bahawa industri ternakan babi di negara kita ini 'sanitation', dengan izin tidak sampai ke tahap yang sepatutnya dan mungkin akan memudaratkan rakyat negara kita.

Sebab itu saya hendak sebutkan perkara kepenggunaan ini, sebenarnya bila berlaku wabak JE di negara kita, saya merasakan bahawa 6 tahun yang lepas perkara ini dibangkitkan tetapi sampai ke hari ini sehingga meragut hampir 100 nyawa rakyat Malaysia barulah isu ini dilihat secara meluas. Jika perkara ini telah dikenal pasti oleh persatuan pengguna 6 tahun yang lalu jika mereka benar-benar berperanan, saya kira soal ini telah pun dapat dilihat oleh semua pihak. Saya tidak dapat menyalahkan pihak kerajaan sahaja dalam hal ini kerana kita sebagai pengguna, kita berhak dan kita patut membangkitkan perkara-perkara yang mungkin boleh memudaratkan kita bersama. Jadi saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat Tuan Zainal yang tadi telah pun menjelaskan sedikit sebanyak mengenai kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang kedua adalah meningkatkan produktiviti. Mengikut kajian TFP (Total Factor Productivity) telah menurun daripada 28.7% pada tempoh Rancangan Malaysia Keenam ke 19.5% pada penggal pertama Rancangan Malaysia Ketujuh. Penurunan produktiviti ini ialah satu perkara yang tidak boleh dipandang remeh kerana kita hari ini sebagai sebuah negara yang aman, makmur, merdeka, mempunyai rakyat berbilang kaum yang hidup dalam keadaan harmoni. Cita-cita kita adalah untuk membangunkan negara maju dan kita telah membuat landasan yang cukup untuk kita take off, dengan izin, untuk menjadi sebuah negara maju. Tetapi kalau soal produktiviti ini tidak dapat kita capai, saya percaya ia adalah merupakan satu faktor yang akan menghalang kita untuk kita mencapai hasrat seperti mana yang disebutkan dalam Wawasan 2020 itu sendiri.

Peningkatan produktiviti atau human resource ini, produktiviti bagi human resource berkait rapat dengan dua perkara iaitu pertama, sikap dan cara melaksanakan tanggungjawab dan yang keduanya, pengetahuan ilmu terutamanya sains dan teknologi. Tadi Yang Berhormat Puan Kamelia telah pun membentangkan dan kelmarin juga saya mendengar beliau telah pun membentangkan dengan begitu mendalam mengenai sikap, cara kita berfikir sebenarnya akan menghasilkan cara kita bekerja. Jika kita mempunyai masyarakat yang sentiasa tidak bertanggungjawab, jika kita mempunyai masyarakat yang tidak jujur, misalnya datang kerja ditetapkan pukul 8.00 pagi hingga pukul 4.00 petang tetapi kita tidak membuat kerja dalam masa yang ditetapkan, kita tidak akan dapat meningkatkan produktiviti. Produktiviti ini berkait rapat dengan human itu sendiri, dengan manusia itu sendiri dan elemen manusia ini ialah perkara yang penting di mana kita harus membina insan yang mempunyai kepertanggungjawaban dan insan yang benar-benar merasakan bahawa kelahirannya ke dunia ini mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan pencapaian ummah itu sendiri.

Jadi saya memang bersetuju dengan slogan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan ‘Bersih, Cekap Amanah’, ‘penerapan nilai-nilai Islam’, kerajaan juga telah mewujudkan perakam waktu, sekarang ini pihak jabatan-jabatan bergelut dengan ISO 9000, ISO 14000 untuk pihak swasta, kita juga bergerak ke arah zero defect dan sebagainya.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa produktiviti telah menurun. Dikalangan kakitangan kerajaan, saya amat bimbang dengan sogokan-sogokan, fitnah-fitnah yang bagi saya, kalau saya sebagai pegawai kerajaan itu sendiri merasakan bahawa ia akan demoted, dengan izin, usaha untuk kita bekerja. Kalau dalam Internet menyebutkan bahawa kepimpinan negara ada simpanan di Bank Isreal berjuta-juta ringgit, ada di Swiss Bank berjuta-juta ringgit sudah tentu kita menanya diri kita, kenapa kita harus berusaha bekerja kuat sedangkan ada orang lain berkepentingan dan mendapat keuntungan.

Ini yang sebenarnya, kenapa saya hendakkan supaya Kementerian Penerangan memberikan maklumat yang tepat melalui Internet kepada pelajar-pelajar dan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan. Saya percaya salah satu daripada sebab mengapa pegawai-pegawai kerajaan kita sekarang ini ada satu perasaan curiga (*suspicious*) dengan kesungguhan kerajaan, kesungguhan kepimpinan dalam kita berjuang untuk membangunkan negara kita. Kecurigaan ini timbul dengan adanya maklumat-maklumat yang tidak tepat. Jadi, kita berharap supaya kakitangan kerajaan tidak akan terpengaruh dengan fitnah-fitnah yang sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun membaca buku '*SHIT*' tajuk depan dan hujung belakangnya. Saya tidak sampai hati hendak baca keseluruhan buku itu sendiri kerana buku ini telah pun mencerminkan kepimpinan negara Perdana Menteri, saya pun tidak gamak hendak sebut. Saya rasa wanita-wanita di sini pun tidak mahu perkara ini disebut. Ia membayangkan najis, kepimpinan kita ini adalah najis, itulah pemikiran yang dibawa oleh satu puak, satu kumpulan kepada rakyat Malaysia sehingga menimbulkan rasa curiga kepada rakyat. Benarkah kita ini sebagai satu pasukan yang hendak membangunkan negara kita. Ini saya rasa satu dakyah, satu tohmahan yang begitu berkesan dan akan menimbulkan kesan yang buruk kepada negara kita jika tidak kita perangi.

Saya tidak bersetuju dengan sikap setengah-setengah pihak, kementerian kita juga bersikap liberal dalam soal ini. Ini bukan soal kita hendak menegakkan ataupun kita hendak menyatakan bahawa parti politik yang kita anuti benar berbanding dengan yang lain. Ini bukan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya perkatikan di sini ialah untuk kita menyatakan kebenaran itu, untuk kita membuktikan kesungguhan pihak kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi,. membangunkan negara adalah untuk membangunkan rakyat dan imej negara Malaysia itu sendiri.

Saya rasa adalah merupakan satu kerugian yang besar jika rakyat Malaysia terpengaruh dengan pandangan-pandangan yang menyatakan bahawa kepimpinan negara ini adalah orang-orang yang tidak boleh dipercayai, semata-mata perkara ini dilakukan atas asas jangka pendek kerana mereka hendak memenangi pilihan raya yang mungkin

berlaku dalam setahun, dua ini. Mereka sanggup mengorbankan semangat, inspirasi dan cita-cita seluruh rakyat Malaysia.

Dalam soal ini saya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa amat penting bagi semua kementerian memantau pegawai-pegawai di tiap-tiap kementerian, apa pun ideology politik yang mereka anuti itu bukan persoalannya. Pada masa menghadapi pilihan raya pegawai-pegawai kerajaan boleh menentukan pendirian mereka, tetapi yang penting bagi kita mahukan supaya pegawai-pegawai yang bekerja dengan kerajaan ini mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa kita sama-sama berusaha untuk membangunkan negara. Malahan kepimpinan itu sendiri telah pun mengorbankan banyak masa dan pemikiran, malah seluruh kehidupannya termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di sini.

Kalau kita hendak tanya dari segi elaunnya besar, dari segi pengorbanan, dari segi perbelanjaan, dari segi tanggungan saya rasa pihak-pihak lain, pihak-pihak jelata akan simpati dengan kita. Saya lihat bahawa ada pihak yang begitu proaktif, ingin memburukkan kepimpinan negara sedangkan kita berdiamkan diri membiarkan rakyat dibelunggu oleh fakta yang tidak betul terutama sekali di peringkat pegawai-pegawai kerajaan.

Saya percaya pegawai-pegawai kerajaan sendiri tidak berminat untuk bekerja kalau melihat bahawa kepimpinan yang ada ini, tidak kepimpinan amanah, tidak kepimpinan yang benar-benar untuk memperjuang masa hadapan rakyat. Oleh yang demikian, kesan yang berkaitan dengan apa yang saya sebutkan tadi iaitu mengenai tohmahan-tohmahan melalui Internet - ini sebab saya pun ada rakan-rakan, kawan-kawan, saudara-mara yang bekerja dalam bahagian unit komputer di jabatan-jabatan. Unit komputer di jabatan-jabatan sentiasa menerima E-mail dan cerita-cerita yang karut marut ini. Perkara ini memang menjadi minat semua orang hendak tahu sebab pegawai kerajaan tidak ada masa hendak mengikuti perkembangan politik, hendak mengetahui secara mendalam apa yang sebenarnya berlaku dalam bidang politik itu sendiri.

Jadi, saya bimbang produktiviti ini akan terus menurun kerana satu ketika dulu apabila kita benar-benar menanamkan semangat kepada pegawai-pegawai kita untuk bekerja, untuk kita membangunkan negara maju semasa Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad membawa Wawasan 2020, saya nampak pegawai-pegawai kita kebanyakan mereka ini memang bersama-sama dengan kita. Akhir-akhir ini mungkin tidak ada di sini tetapi di tempat saya, saya nampak bila melalui telefon, kita telefon, kita dengar orang sekitar bercakap. Kalau dulunya nampaknya kita bekerja secara lebih steady, kita menampilkan keterampilan pegawai yang bertanggungjawab, hari ini ada nampak kelemahan.

Di kedai-kedai kopi, selepas punch card pukul 8.00 ramai yang minum sampai pukul 9.00, 10.00 dan isu yang diperkatakan ialah membincangkan soal keadaan negara hari ini. Bila balik ke pejabat mereka akan lebih demoted lagi untuk menjalankan kerja, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam soal produktiviti ini saya merasakan bahawa walau bagaimanapun cantik, bersungguh-sungguh kita di dalam Dewan ini mempertimbangkan rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh kerajaan setelah dijadikan satu pakej pelaksanaan jika pegawai hendak melaksanakan tidak mempunyai sepenuh hati dan kepercayaan kepada kesungguhan kita, saya rasa produktiviti ini mungkin sukar untuk kita tingkatkan.

Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan mengkaji peranan INTAN supaya latihan-latihan dan maklumat-maklumat ini bukan sahaja melalui Jabatan Penerangan tetapi melalui INTAN, National Productivity Centre (NPC) dan juga Biro Tatanegara. Satu ketika yang lalu kita nampak peranan Biro Tatanegara begitu terserlah dan saya percaya di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, Yang Berhormat Puan Karimah, Yang Berhormat Puan Ramlah, Yang Berhormat Datuk Hashim Safin adalah produk daripada hasil olahan, bentukan, jiwa dan semangat oleh Biro Tatanegara. Tetapi hari ini kita nampak Biro Tatanegara itu sendiri tidak nampak peranannya untuk menanamkan semangat nasionalisme kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan yang lepas kita telah membentangkan usul rasuah. Ini telah kita debatkan dengan begitu hebat di Dewan Negara ini, ramai rakan-rakan yang telah pun memberi pandangan begitu juga pihak-pihak kerajaan. Kita rasa bersyukur kerana kita dapati rasuah hari ini tidaklah begitu memuncak dan kita ada nampak angka penurunan indeks dalam rasuah yang dibuat kajian oleh Transparency International.

Kajian terbaru yang saya lihat, kedudukan negara kita pada tahun 1997 kita ada dalam ranking, dengan izin, 32 iaitu indeks 5.01 tetapi pada tahun 1998 indeks itu telah turun, ranking itu telah turun kepada 29, maknanya negara yang ke 29 daripada 85 negara yang dijalankan kajian. Ini adalah menunjukkan satu penurunan dan kita harap penurunan ini akan terus berlaku. Bagi negara-negara yang ada di sempadan kita, Singapura ada dalam indeks yang ke 7 begitu lebih baik daripada kita. Mungkin kita dapat belajar sesuatu yang baik daripada negara jiran kita ini. Filipina lebih buruk daripada kita iaitu dalam ranking yang ke 55, Thailand dalam ranking 61.

Jadi, ini melihatkan satu pencapaian yang baik - saya tidak tahu mungkin pencapaian ini ada hubung kait dengan keadaan ekonomi yang lesu. Tetapi saya berharap memang rakyat Malaysia telah benar-benar menolak rasuah ini dan juga rakyat Malaysia dengan undang-undang yang ada, kalau ada pun yang tidak mahu menolak tetapi dapat dibendung dengan undang-undang rasuah yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dalam soal kita meningkatkan produktiviti tadi selain daripada latihan-latihan, pembinaan semangat sebab baru-baru ini apabila banyak tohmahan dan juga ada fitnah-fitnah yang diedarkan, kita tidak boleh memandangkan sepi, saya tahu pegawai kerajaan memang bersemangat tetapi kita perlu adakan kembali kursus-kursus untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya. Bukan membuat dakyah tetapi menyatakan kebenaran. Kita harus proaktif dalam soal ini. Tadi saya mencadangkan supaya INTAN, NPC dan Biro Tatanegara memainkan peranan begitu juga dengan human resource kementerian-kementerian, human resource di kalangan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ini menjalankan kegiatan-kegiatan dengan swasta di mana memberi latihan-latihan kepada pekerja-pekerja industri. Ini kita anjurkan dan dapat kerjasama yang begitu baik dengan pihak swasta bersama-sama dengan Yang Berhormat Cikgu Malek di bawah program MPKSM iaitu Majlis Pusat Kebajikan Cawangan Negeri Perlis. Kita jalankan kegiatan bersama swasta dan kita nampak ada impak yang baik. Memang mereka tidak dapat maklumat-maklumat ini secara maklumat yang benar. Mereka tidak akan dapat maklumat melainkan kita sendiri mengambil sikap yang lebih proaktif untuk menyampaikan maklumat ini kepada mereka.

Saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk...

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit isu produktiviti. Saya kira barangkali dari segi kakitangan awam, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, persoalannya kita hendak menanamkan semangat sence of belonging kepada negara, perkhidmatan yang ditempo oleh mereka, kita kehilangan itu sebenarnya. Jadi, sence of belonging ini perlu ditanamkan dalam kakitangan awam untuk perkhidmatan kepada bangsa, agama dan negara dan kemajuan negara adalah terletak kepada tugas dan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor swasta, saya ingat barangkali seperti mana yang telah saya jelaskan dalam mesyuarat MTEN dan Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa beliau bersetuju bahawa produktiviti negara kita di kalangan swasta begitu tinggi. Ini telah diiktiraf daripada kata Perdana Menteri oleh Persatuan Majikan di Jepun waktu beliau pergi pergi ke Jepun mengadakan satu ceramah dengan Persatuan Majikan di Jepun, katanya pekerja-pekerja Malaysia well educated dan highly productive dengan izin, dibandingkan dengan pekerja-pekerja lain

Begitu juga di Eropah kata beliau, bahawa pekerja-pekerja Malaysia katanya syarikat di Eropah mengiktiraf produktiviti pekerja di Malaysia iaitu negara kita begitu tinggi dibandingkan dengan negara mereka. Ini kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri waktu beliau membalas ucapan saya di dalam mesyuarat MTEN yang lepas dan beliau telah menerangkan dan untuk makluman Ahli Dewan,

kalau kita bandingkan pekerja Singapura dengan pekerja Malaysia, seorang menteri kanan Singapura, waktu berucap di Singapura mengingatkan pekerja-pekerja Singapura katanya, pekerja Singapura hendaklah meninggikan produktiviti mereka, kalau tidak katanya, syarikat-syarikat yang beroperasi di Singapura akan lari ke Semenanjung Malaysia.

Jadi, dengan lain perkataan bahawa menteri kanan Singapura mengiktiraf produktiviti pekerja Malaysia begitu tinggi dan saya kira keyakinan ini telah pun diterima oleh pihak pelabur asing yang sanggup untuk melabur modal di negara kita dan mendapatkan maklumat-maklumat selanjutnya dan apa yang perlu kita tegaskan di sini, saya ingat kalau Yang Berhormat setuju, bahawa ianya harus dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa dan kerjasama dengan pihak atasan, yang penting kita tidak mahu seperti kata Dato Aziz dahulu, kita tidak mahu '*cikgu kencing berdiri, anaknya kencing berlari*'. That is isu yang kita hadapi dan kita harus memastikan bahawa segala apa juga perancangan akan harus dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak dan perasaan tanggungjawab kita kepada kemajuan negara itu harus diwujudkan. Itu yang penting dalam konteks ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Dato' Zainal. Saya amat bersetuju dengan pandangan Dato' tadi. Memang bagi saya, saya amat hormati pegawai-pegawai kita sama ada di peringkat perkhidmatan awam dan swasta. Saya di antara Ahli Dewan Negara yang sering menyuarakan pandangan ini dalam mesyuarat-mesyuarat Dewan yang lalu dan yang saya emphasize dalam ucapan sekarang ini, saya setuju dengan Yang Berhormat, kita takut kehilangan sense of belonging, sebab apa saya katakan tadi kalau pegawai-pegawai mengatakan bahawa yang atas itu tidak betul mengapa aku harus bekerja. Ini yang kita takut dan ini yang sedang berlaku dalam negara kita. Perkara ini tidak dapat dipandang ringan kerana kita bimbang nanti kehilangan kepercayaan ini akan meruntuhkan keseluruhan usaha-usaha yang kita bina untuk kita mencapai kemajuan.

Kita patut berbangga dan saya juga memang mengakui Jabatan Perkhidmatan Awam kita adalah antara yang terbaik di dunia. Ini yang terbaik di dunia. Itu yang

hendak kita kekalkan reputasinya, kita hendak pastikan bahawa tidak ada mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat keadaan ini sekadar untuk mereka memenuhi hasrat jangka pendek mereka dan sekadar untuk mereka meletakkan kepentingan diri mereka, puak dan kumpulan mereka lebih penting daripada kita keseluruhan rakyat Malaysia. Ini yang hendak kita pastikan dan kita harap semua pihak tidak memandang ringan perkara ini. Saya melihat kerajaan kita begitu liberal dalam soal ini, liberal, difensif sebab kita di jalan yang benar, orang yang benar ini, selalu berkata Allah bantu kita tetapi di samping itu, saya ini menyuarakan sedikit kebimbangan dan memikirkan kita juga harus proaktif menerangkan keadaan yang sebenarnya, supaya apa yang kita ada itu tidak akan hilang daripada genggamannya kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mencadangkan supaya dijalankan semula kajian kepada SSB. Sebenarnya saya daripada awal lagi tidak bersetuju dengan sistem SSB yang dilaksanakan. Kerana saya bimbang sistem SSB yang dilaksanakan oleh kerajaan ini bukan dapat meningkatkan produktiviti tetapi menimbulkan masalah-masalah tidak puas hati, masalah-masalah dalaman yang mungkin mengurangkan produktiviti itu sendiri. Kerana saya ada mendengar sungutan-sungutan pegawai kerajaan, yang setengahnya bersungut, saya pun dahulu bekerja dengan kerajaan. Setengahnya bersungut, kalau dia dapat melintang ataupun menegak biar dia yang buat kerja. Ini satu luahan, ungkapan yang menunjukkan bahawa mungkin seorang mendapat pengiktirafan, yang lain akan kurang produktivitinya. Begitu juga dari segi pemilihan. Bagaimana kita hendak memastikan supaya pemilihan dalam SSB ini satu pemilihan yang adil. Kadang-kadang berlaku juga seadil mana pun hendak dibuat, timbul juga perasaan pada pihak yang lain bahawa pemilihan itu dilakukan secara tidak adil. Mungkin saya berpendapat bahawa kerajaan perlu mengkaji, menilai dan melihat semula bagaimana ganjaran dapat diberikan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam tetapi tidak dalam bentuk SSB yang kita ada sekarang ini.

Saya melihat dalam sektor swasta, penilaian kepada produktiviti dalam sektor swasta berlainan daripada dalam sektor awam dan kita melihat bahawa sektor swasta dalam negara kita dapat berkembang dengan begitu cepat sekali. Saya pulangkanlah

kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meneliti, bagaimanakah keberkesannya sistem SSB itu sendiri dalam menentukan pencapaian produktiviti dalam negara kita.

Menyentuh mengenai rasuah tadi, rasuah ini kalau berlaku, berlaku di kalangan orang yang ada duit....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Saya amat bersetuju sekali supaya SSB ini dikaji semula. Rintihannya banyak lebih tidak baik daripada yang baik kerana saya sendiri mengetahui bahawa SSB ini kadangkala wujudnya pilih kasih di kalangan kakitangan perkhidmatan awam. Bila timbul seseorang itu mendapat kenaikan gaji melintang, menegak beberapa kali orang lain berasa bosan dan berasa demoralise dengan izin. Bila timbul sahaja perasaan demoralise, sudah barang tentu produktiviti seperti kata Yang Berhormat tadi itu memang menurun sama sekali.

Jadi, saya sejak awal dahulu memang tidak bersetuju sama sekali sistem SSB ini. Jadi, saya bersetuju supaya ianya dikaji semula dan dipinda. Sudah sampai masanya kepada kerajaan setelah dapat maklumat-maklumat daripada kakitangan awam dan sebagainya, kita perlu kaji semula dan penyusunan semula hendaklah dibuat bagi memastikan kenaikan gaji, kenaikan pangkat mengikut saluran-saluran tertentu. Tidak seperti mana yang ada sekarang ini wujudnya pilih kasih, setengah-setengahnya dan ada yang tidak dapat naik pangkat. Kadangkala sepuluh tahun tidak dapat gaji melintang walaupun mereka bekerja kuat dan bertungkus-lumus. Saya percaya setengah-setengah kakitangan awam bekerja begitu kuat, bertungkus-lumus,

mempunyai dedikasi kepada jabatan-jabatan di mana mereka bekerja tetapi malangnya kadangkala ketua jabatan tidak memandang beliau dan besar kemungkinan wujudnya, setengah-setengah pekerja wanita nampak kurang cantik sedikit, perkara ini memang berlaku dalam konteks ini. Jadi tidak dapat dinafikan dan besar kemungkinan yang itu tidak mengangkat beliau dan tidak menyokong beliau dan tidak - orang cakap, Yang Berhormat kata mengampu, begitu kasar sekali. Ini berlaku, kalau kiranya ini semuanya berlaku, sudah tentu apa yang dirancangkan oleh kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Awam ini kadangkala walaupun Yang Berhormat menyanjung tinggi Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi ada terdapat di kalangan setengah-setengah pegawai, pengarah-pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam ini tidak begitu sensitif kepada masalah yang dihadapi oleh pekerja, yang dihadapi oleh kakitangan awam. Jadi, mereka harus sensitif, seolah-olah mereka ini, kalau saya mengendalikan swasta, kadangkala berjumpa dengan pengurus perjawatan, we explained to them dengan izin, mereka menerima tetapi kadang-kadang Jabatan Perkhidmatan Awam ini pengarah-pengarah, mereka cakap I am a power – saya berkuasa, I decided dengan izin. Ini berlaku. Jadi wujud soal tidak ada kepuasan hati di kalangan kakitangan perkhidmatan awam.

Jadi, saya mencadangkan bukan sahaja perkhidmatan awam itu dikaji semula, Jabatan Perkhidmatan Awam tersebut harus dikaji mula. Dari sana datangnya, bila wujud kajian semula Jabatan Perkhidmatan Awam barulah penyelarasan dibuat kepada jabatan-jabatan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang hari ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan? [Ketawa]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya. [Ketawa]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya laluan ini sebelum waktu makan. Tetapi pada waktu itu masa telah cukup, jadi saya terpaksa akur kepada Dewan yang mulia ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, semasa memperbahaskan sebentar tadi bahawa ada menyebut mengenai SSB dan Yang Berhormat mengatakan SSB ini perlu dikaji semula memandangkan ramai kakitangan kerajaan yang tidak begitu selesa dengan keadaan SSB, mungkin ada yang teraniaya kerana tidak dengan ketelusan. Pada pandangan saya SSB ini pada dasarnya adalah baik, akan tetapi apa yang meragukan kita adalah pelaksanaannya. Saya di sini kalau boleh, apa salahnya Dewan yang mulia ini mencadangkan supaya SSB itu dibatalkan, digantikan dengan sistem yang baru bagi memperkemaskinikan pentadbiran negara kita. Sekian, terima kasih.

2.31 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung kembali perbahasan saya tetapi sebelum itu saya

ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal yang telah membangkitkan SSB. Saya kira tadi saya telah habis bercakap berkenaan dengan SSB.

Tadi, saya juga mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zainal, nampaknya ramai juga ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang melihat bahawa SSB ini perlu – saya sebut dikaji semula tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya dicari satu sistem yang lebih sesuai sebagaimana juga pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Zainal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya juga ada menyebutkan mengenai rasuah di negara kita. Alhamdulillah, kita melihatkan bahawa rasuah di negara kita ini telah pun menurun dan rasuah ini tidak berlaku kalau tidak ada yang memberi dan ada pihak yang menerima dengan tidak melalui satu urus niaga yang telus atau urus niaga yang benar. Selalunya rasuah ini boleh kita kaitkan dengan under counter dan sebagainya. Bermakna di sini yang terlibat dalam urusan ini adalah pihak swasta ataupun pihak-pihak yang mempunyai urusan-urusan yang ada kena mengena dengan urusan-urusan perniagaan.

Dalam masa yang sama saya juga simpati dengan pihak swasta, usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan bumiputera yang sepanjang penglibatan saya dengan usahawan ini saya mendapati bahawa telah ramai di antara mereka yang telah melibatkan diri dalam urusan perniagaan, menimba pengalaman dengan begitu mendalam dan lama tetapi akhirnya terpaksa meninggalkan bidang usahawan ini kerana yang pertama; kegagalan, kekurangan modal dan juga kerana pengurusan mungkin yang tidak tepat dan tidak berpengalaman. Begitu juga pihak-pihak yang terlibat dengan swasta ini kadangkalanya oleh kerana ada kelemahan-kelemahan yang tertentu telah pun menyogok pihak-pihak yang tertentu, terutamanya mungkin pihak-pihak yang berautoriti seperti pegawai-pegawai di jabatan-jabatan ada agensi kerajaan.

Untuk mengatasi masalah ini saya berpendapat bahawa kerajaan perlu melihat opportunity course, di mana mereka yang telah masuk di dalam bidang ini telah pun mempunyai pengalaman tetapi terpaksa tercicir daripada bidang ini harus dibela dan mereka yang terlibat dalam bidang ini harus diberikan satu pendekatan supaya mereka

mempunyai etika yang betul dalam mereka mengendalikan perniagaan mereka dan dalam masa yang sama mereka menyumbang kepada pembangunan negara dan mereka juga menyumbang kepada produktiviti.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya diwujudkan satu pusat latihan usahawan terutamanya untuk usahawan bumiputera kerana saya merasakan bahawa ini penting. Kebanyakan usahawan bumiputera ini setengahnya tidak mempunyai pengalaman dan juga pendidikan, yang setengahnya tidak mempunyai pendidikan formal tetapi oleh kerana rajin berusaha ia telah berjaya dan melalui kejayaan tersebut beliau ada ketikanya, dia tidak dapat bertahan dan ada ketikanya mengamalkan etika-etika yang tidak begitu sihat untuk kepentingan diri mereka sendiri, jabatan-jabatan dan agensi dan juga untuk negara. Oleh yang demikian, saya merasakan kalau membiarkan usahawan ini terumbang-ambing menerokai dan juga bersama-sama di dalam arena perniagaan dan usahawan negara tanpa diberikan latihan – kerana kita memikirkan bahawa kegiatannya adalah satu urusan persendirian, ini adalah merugikan kalau itu anggapan kita. Saya beranggapan bahawa setiap insan ataupun kumpulan ataupun perbadanan yang mana ada sumbangan kepada produktiviti negara harus diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya memohon kepada pihak kementerian supaya mewujudkan pusat latihan usahawan bumiputera untuk kita menerapkan nilai-nilai keusahawan yang baik untuk diamalkan oleh usahawan-usahawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi faktor di dalam kita meningkatkan produktiviti ialah pengetahuan kepada rakyat terutamanya peningkatan dalam kemajuan sains dan teknologi. Kerana hari ini kerajaan dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, pihak kerajaan telah melihat bahawa kemajuan dan peningkatan penggunaan teknologi di dalam sektor-sektor korporat negara boleh memajukan pencapaian ekonomi kita. Saya bersetuju dengan statement tersebut, begitu juga berkenaan dengan teknologi di peringkat jabatan-jabatan dan agensi kerajaan. Namun, kita harus mempunyai kesedaran bahawa human resource kita dalam bidang sains dan teknologi begitu terhad. Saya ada membuat

sedikit kajian melihatkan berapa bilangan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang ini. Misalnya jurutera, kita sekarang ini mempunyai ratio untuk jurutera, seorang jurutera bagi seribu orang penduduk (1:1,000). Sedangkan kalau kita lihat negara-negara lain yang maju, Singapura bukanlah maju, setara dengan kita tetapi merupakan sebuah negara yang bersempadan dengan kita. Mereka mempunyai seorang jurutera bagi setiap 48 orang penduduk (1:48), berbanding kita seorang jurutera bagi setiap 1000 orang penduduk.

Buat masa sekarang ini kita mempunyai 22,872 jurutera dan keperluan kita pada tahun 2020 adalah 493,000. Kalau dibanding dengan Jepun, tiap-tiap seorang jurutera berbanding dengan 82 penduduk, begitu juga di Amerika, 1 jurutera bagi tiap-tiap 74 penduduk. Untuk doktor pula, kita dapati bahawa nisbah doktor di negara kita 1 bagi tiap-tiap 1,521; doktor gigi 1 bagi 11,617 dan pharmacist 1 bagi tiap-tiap 12,409. Ini menunjukkan satu angka perbandingan yang begitu jelas memperlihatkan betapa kurangnya mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi di negara kita. Malahan baru-baru ini, dalam soal jawab Parlimen ada Ahli Parlimen yang telah membangkitkan mengenai kekurangan guru sains dan teknologi di pasaran dan juga di sekolah-sekolah buat masa sekarang ini.

Saya berpendapat bahawa kerajaan harus memberi perhatian yang serius kepada kekurangan tenaga kerja dan mereka yang mempunyai pengetahuan dari segi sains dan teknologi dan juga pengetahuan-pengetahuan lain. Saya tidak menafikan bahawa selain daripada pengetahuan sains dan teknologi, kita memerlukan, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kamelia tadi, kita memerlukan rakyat yang mempunyai pendidikan, pegangan agama tidak kira apa agama pun, dalam kita membentuk sumber manusia yang benar-benar bermanfaat, boleh menyumbang kepada pembangunan di dunia ini dan juga boleh menjadi umat yang mendapat keredaan Allah di akhirat. Ini perlu diberi perhatian.

Oleh yang demikian, oleh kerana kekurangan guru-guru dan juga kekurangan tenaga kerja sains dan teknologi ini amat ketara, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memberi peluang bagi mereka yang mempunyai pendidikan asas dalam sains

dan teknologi untuk melanjutkan pelajaran mereka dan juga saya menggesa pihak MARA, ITM, mewujudkan program-program dalam sains dan teknologi ini kerana jika kita lihat dari segi pengagihan mengikut kaum juga, nampak bahawa bumiputera telah pun ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum yang lain, berbanding dengan peratusan kaum yang ada di negara kita ini. Ini satu perkara yang kita tidak boleh ambil ringan kerana kita berharap supaya perpaduan kaum, pengagihan dan pembahagian ini dapat kita seimbangkan, dapat kita setarakan supaya kaum-kaum dalam negara kita dapat kita blend dalam keadaan yang harmoni.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang Berhormat baru mengatakan bahawa kita hendak ada perpaduan semua kaum di negara kita ini. Masalah tadi ialah pelajaran sains dan teknologi di mana bumiputera ketinggalan dari segi profesion yang berkehendakkan kelulusan sains dan teknologi, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini, sampai sekarang pun kita kekurangan doktor, engineer barangkali, dah boleh tahan sedikit, akauntan, actuary, dengan izin, bagaimana hendak mengatasinya. Kita tahu masalah ini ada, tetapi untuk mengatasi masalah ini Yang Berhormat Kamilia kena memberi cadangan-cadangan, minta maaf, saya ingat Kamilia di sebelah saya tadi. *[Ketawa]* Pada suara dia, Tuan Yang di-Pertua, serupa. Jadi, saya dan juga Mastika ini, Tuan Yang di-Pertua, nampak selalu, jadi suaranya pun saya ingat dan macam Kamilia-Mastika, Mastika-Kamilia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zuki, mungkin kerana saya ini batuk, tetapi oleh kerana semangat hendak bercakap juga, jadi suara itu sudah jadi suara Yang Berhormat Kamilia dan kami ini memang kawan baik dengan Yang Berhormat Kamilia.

Kalau dilihat betul Yang Berhormat Dato' Zuki, saya tadi menyebutkan pelajaran, dari segi pendidikan, bilangan pelajar dalam bidang sains dan teknologi ini bumiputera ketinggalan daripada kaum lain. Tetapi kalau kita lihat dalam bidang pekerjaan,

profesion itu sendiri jauh lebih ketinggalan. Saya rasa Datuk memang baca RMK-7 ini, memang baca apa yang telah pun ditunjukkan dalam RMK-7 dan inilah perkara yang menjadikan saya sendiri pun menimbulkan satu persoalan daripada pihak kerajaan bagaimana kita hendak mengatasi keadaan ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kekurangan ilmu ini menyebabkan kita tidak begitu cekap dalam membuat keputusan. Misalnya, penduduk yang tidak mempunyai pengetahuan sains dan teknologi menghadapi JE mungkin berbanding dengan penduduk yang ada pengetahuan, tindakan-tindakan dan juga keputusan-keputusan yang dibuat untuk menghadapi keadaan tersebut agak tepat. Bagi yang tidak mempunyai pengetahuan ini mungkin tidak akan dapat membuat satu tindakan keputusan yang tepat dan mungkin juga tidak memahami tindakan yang dibuat oleh kerajaan.

Jadi, ini sebenarnya banyak kesan yang timbul daripada situ. Saya tadi, Dato' Mohd. Zuki, mencadangkan MARA dan ITM supaya memberi perhatian dalam bidang ini di samping universiti-universiti yang lain. Tadi Yang Berhormat Kamalia ada menyebutkan berkenaan kemasukan pelajar-pelajar ke prauniversiti di mana pelajar bukan bumiputera tidak dibenarkan masuk. Saya rasa itu memang dasarnya dan saya berpendapat agaknya dasar itu dibuat kerana kekurangan bumiputera dan dalam masa kerajaan sekarang ini mengambil peluang untuk hendak menyeimbangkan keadaan yang tidak seimbang ini. Agak sayalah, itu terpulanglah kepada kementerian untuk menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku.

Saya juga merasakan bahawa kita sebagai rakyat Malaysia, kita juga hendak kalau boleh tidak ada perbezaan-perbezaan ini, kita hendak menyamaratakan kedudukan dan juga pegangan sama ada dari segi pegangan ekonomi, kedudukan pengenalan kaum mengikut sektor, pengenalan kaum mengikut kemampuan dan pencapaian pendidikan, kalau boleh kita hendak samaratakan kerana kita tidak mahu sebagaimana yang disebutkan tadi berlaku masalah sebagaimana pernah kita hadapi 13 Mei dulu,

berbangkit kerana rasa tidak puas hati. Ini yang kita tidak mahu. Kita mahu kita duduk dalam masyarakat majmuk yang berbilang kaum, dalam keadaan negara kita yang aman, hormat-menghormati dan semua orang mendapat pengagihan dan pembahagian yang sama rata. Itu, saya rasa harapan-harapan kita semua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan usaha-usaha berterusan penyusunan semula masyarakat iaitu membela masyarakat luar bandar yang miskin. Yang keduanya, mewujudkan masyarakat perindustrian dan perdagangan. Ini telah pun saya sebutkan semasa membahaskan Kertas Putih, saya telah membentangkan di mana pengagihan kekayaan negara dan pengenalan-pengenalan negeri mengikut kemampuan pencapaian ekonomi negeri-negeri yang berkenaan. Saya menekankan kepada empat negeri yang termiskin dan empat negeri yang pendapatannya paling kurang, pendapatan perkapita rakyatnya paling kurang berbanding dengan negeri-negeri yang lain iaitu Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan.

Kita berharap supaya kerajaan melihat perkara ini dan juga dapat memikirkan, dapat merancang pembangunan yang tertentu seperti koridor pembangunan industri dan sebagainya supaya masyarakat di dalam empat negeri – Tuan Yang di-Pertua tengok saya sebab termasuk Kelantan. Kelantan yang paling miskin, yang termiskin dalam Malaysia supaya ...

Tuan Yang di-Pertua: Ini salah bekas Menteri Besar dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Salah bekas Menteri Besar dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya rasa tidak juga Tuan Yang di-Pertua, ini keadaan geografi, keadaan masyarakat sebab di situlah adanya masyarakat-masyarakat petani yang menyara kehidupan seluruh rakyat di negara ini tetapi petani

itu memang pendapatannya paling kurang, lebih kurang RM800 kalau penanam padi termasuk juga di Perlis, Kedah, di mana ada penanam padi, pendapatan mereka cuma RM870 berbanding dengan pendapatan negara yang diunjurkan untuk dapat dalam RM4,000.

Jadi, ini pendapatan yang terendah disebabkan geografi dan juga disebabkan oleh sejarah pembangunan ekonomi itu sendiri. Sebab itulah saya meminta supaya pihak kerajaan memerhatikan keempat-empat negeri ini di mana kita berharap satu perancangan ekonomi komprehensif dapat dilaksanakan kerana saya bimbang apabila negeri-negeri yang miskin ini, di mana ada padi di situ ada kemiskinan, di mana ada getah di situ ada kemiskinan, di situlah bertapaknya parti pembangkang dan pembangkang hidup subur di tempat-tempat kemiskinan ini. Mereka tidak pula pergi menceritakan apa yang dapat mereka laksanakan malah hari ini mereka bercita-cita, Tuan Yang di-Pertua, hendak ambil empat negeri ini. Kalau empat negeri ini jatuh kepada pembangkang, apakah nasib rakyat di empat buah negeri ini kerana peruntukan-peruntukan datang daripada pusat dan mereka akan terus berada di dalam keadaan kemiskinan. Ini sebenarnya membimbangkan saya dan juga kita lihat bahawa

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya tidak boleh duduk sebab Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi sebut, Kelantan ini yang termiskin sekali. Saya merasa cukup sedih dalam hati saya ini bila sebut Kelantan sebab dekat dengan Pahang, Terengganu, tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, menjadi Menteri Besar di sana dahulu. Semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi Menteri Besar dahulu, saya rasa tidak begitu susah sangat, pendapatan mereka baik. Sekarang ini Yang Berhormat Puan Hajah Mastika kata terlalu mundur kalau dibandingkan dengan Perlis. Perlis mundur tetapi sekarang ini nampaknya tidak begitu mundur sebabnya Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah, Yang Berhormat Hanafiah semua bercakap dengan begitu lantang. Oleh itu, negeri itu telah pun bergerak, Kelantan bila disebut termundur sekali ...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, nanti saya habis dahulu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia belum habis lagi, biar dia habis dahulu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Biar saya habis dahulu, satu, satu. Itulah menunjukkan Yang Berhormat dari Perlis ini tidak ada kesabaran lagi apabila sebut pembangunan, apabila sebut negeri dia, dia terus bingkas bangun, maknanya he is very sensitive to what is happening in his state, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyebabkan Kelantan ini mundur. Saya hendak tahu sangat, boleh jadi pihak Federal, dengan izin, boleh membantu Kelantan supaya jangan jadi mundur ataupun pada pilihan raya akan datang ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab ramai sangat orang Kelantan ke luar negeri dan berniaga di tempat-tempat lain.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Oh begitu, jadi untuk mengatasi masalah ini pada pilihan raya akan datang ini, pilihlah Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta laluan ini bukanlah hendak berhujah dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki kerana saya rasa macam Yang Berhormat Puan Hajah Mastika sebut tadi keadaan geografi di Kelantan itu, kita patut berbangga dengan semangat orang Kelantan. Tetapi yang satu itulah sebab mereka masih lagi memihak kepada pembangkang, budaya orang Kelantan mereka rajin bekerja dan budaya berniaga sentiasa hidup, tetapi malangnya berniaga tanpa orang mahu berniaga tanpa duit, tanpa modal, tanpa suasana perniagaan, itu yang merugikan.

Oleh sebab itu, ini menjadi tanggungjawab kita untuk menghidupkan kembali suasana Kelantan itu, tempat kita boleh menunjukkan kemampuan orang-orang berniaga di situ. Saya rasa tidak juga salah bekas Menteri Besar, Tuan Yang di-Pertua, waktu itu keadaannya bagus dan orang sudah mula sanggup berubah dari segi

pemikiran. Tetapi malangnya bila tok-tok guru ini, yang menggunakan hadis, Quran, agama yang kita tengok dalam majalah *MASSA* ini pun ada diputarbelitkan buku 'SHIT', dia kata ini mainan orang politik sebab Shahnnon menjadi ahli PAS seumur hidup, maka rakyat menjadi mangsa. Sebab itu saya bangun tadi, macam Perlis pun negeri kecil tetapi kita boleh memikir secara global tetapi memang sensitif. Kita mahu sensitif tetapi berfikir secara global, sebab itu negeri kami walaupun tidak ada sumber tetapi kita berdaya saing, kita mampu membangunkan dan kita harap Kelantan pun macam itu, terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar yang telah membantu saya menerangkan tadi, memang saya sangat bersetuju. Kelantan itu menjadi paling mundur, miskin pun kemiskinan yang paling tinggi. Tuan Yang di-Pertua tentu sedih sebab dahulu pernah mengepalai kerajaan negeri Kelantan tetapi selepas Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan pemerintahan itu, jatuh kepada pembangkang dan hari ini di Kelantan adalah merupakan negeri yang paling ramai rakyat miskin.

Pada hal, semasa saya belajar di asrama penuh dan menuntut di UPM, ramai kawan-kawan daripada Kelantan. Orang Kelantan ini kebanyakannya adalah orang yang bijak, pandai, kebanyakan orang pandai dari Kelantan. Orang Kelantan juga ramai yang terlibat dalam perniagaan, di sanalah bumiputera yang boleh menjadi harapan kita. Tetapi sayangnya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar tadi, tok-tok guru ini dalam keadaan mereka adalah sebagai tok guru tetapi mereka masuk politik dan

Datuk Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh saya habiskan ayat ini Yang Berhormat - masuk politik mentadbirkan negeri dalam keadaan tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran tetapi mengekalkan kuasa kerana mereka hendak menentukan kedudukan mereka yang kononnya hendak

memperjuangkan agama. Tetapi tidak ada apa yang saya nampak dapat diperjuangkan, hukum Hudud pun tidak dapat dilaksanakan, ya sila.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bercadang berucap mengenai Kelantan ini, tetapi kalau disentuh selalu sangat pun geli juga. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, apakah Yang Berhormat sedar, orang Kelantan ini walaupun miskin tetapi dia kaya dengan semangat, sampai 46 semangat dia. Tetapi semangat sahaja tidak boleh bawa ke mana tanpa perancangan yang baik dan apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa untuk membangunkan sebuah negara, bukan tertakluk kepada semangat ataupun geografi dan sebagainya. Tetapi satu perancangan dan pelaksanaan yang baik untuk memastikan sebuah negara atau negeri itu maju.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Hashim, saya sangat bersetuju dengan pandangan tersebut kerana saya pernah terbaca daripada sebuah kitab. Untuk kita membangunkan satu ummah, satu negara, kita perlu ada pemimpin yang jujur dan dinamis, ulama yang boleh menunjukkan arah ataupun dapat menasihatkan kita dan rakyat yang bekerja kuat. Tetapi apabila ulama mengambil tempat sebagai pemerintah, umarak dan ulama tidak ada lagi hendak dibezakan. Maknanya dialah ulama dan dialah umarak, ini yang menyebabkan keadaan di Kelantan tidak maju.

Saya juga bimbang, saya tidak tahulah kalau sekarang ini kita nampak macam kami di Perlis, Dato' Harun Din datang bersyarah, dia telah pun diperkenalkan dalam Hal Ehwal Islam. Bagi pandangan kita beliau sebagai ulama, tetapi hari ini masuk dalam arena politik. Saya hendak minta, tidak tahu kepada siapa, kesedaran pihak ulama dan juga kesedaran pihak JAKIM, Jabatan Agama Islam dan sebagainya, kita harus mengenal pasti, memastikan tugas dan tanggungjawab kita, jangan ulama hendak menjadi umarak, jangan umarak hendak menjadi ulama. Kalau kita sebagai pemimpin tetapi kita hendak bercakap soal-soal agama, memang kita bukan ada kepakaran dalam bidang agama. Serahkan soal agama kepada orang-orang yang boleh dan memahami

soal agama dan mereka menasihatkan pemimpin tetapi pemimpin merancang untuk pembangunan negara.

Saya rasa sistem ataupun pandangan yang dibawa dalam Islam adalah pandangan yang tepat dan betul tetapi sayangnya di negara kita ini, kita dapati berlaku di mana ada pihak-pihak yang melabelkan mereka sebagai ulama tetapi telah pun mengubah peranan mereka untuk menjadi pentadbir, pemimpin ataupun umarak. Saya rasa perkara ini perlu dapat dikaji demi untuk kepentingan orang-orang Islam dan demi untuk kepentingan orang Melayu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tumpang beri pandangan. Sebenarnya di antara agama Islam dengan pentadbiran ini, tidak ada pemisahan, kita harus globalisasikan, kita harus faham dalam konteks yang lebih luas. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika ialah supaya kita tidak memeralatkan agama untuk kepentingan politik. Yang jadi salahnya kita tahu orang-orang Melayu yang mendominasi negeri-negeri yang majoriti orang Melayu ini, dia lebih sensitif kalau sebut agama. Oleh sebab itu, yang susahya orang-orang yang jadi ulama ini menggunakan agama untuk kepentingan politik tetapi saya tidak setuju mengatakan agama itu harus dipisahkan dari pentadbiran.

Kadang-kadang kalau kita silap faham, inilah jadinya sebab kita anggapkan agama asing, pentadbiran asing, sepatutnya harus ia pergi bersepadu, sekali. Masyarakat bukan Islam pun boleh terima kalau dia faham apa itu agama Islam dan saya percaya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika maksudkan itu. Ini yang kita pertikaikan, orang menggunakan agama untuk matlamat kepentingan politik dan politik ini bukan untuk semua masyarakat, untuk kumpulan, individu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, memanglah saya bukan memaksudkan bahawa agama harus dipisahkan daripada pentadbiran, kerana agama itu adalah a way of life, ia merangkumi segala cara hidup kita dan pentadbiran itu adalah sebahagian daripada cara hidup kita yang mana yang lain-lain itu amal ibadat, fardu ain yang kita perlu laksanakan itulah

tanggungjawab kita. Yang saya cuba nak sebutkan tadi, pemerintah itu harus menjalankan peranan sebagai pemerintah dan ia dibantu oleh ulama yang bukannya ia menjadi pemerintah, kalau ulama sudah ada sebagai pemerintah maknanya di mana lagi ulama yang akan memberikan nasihat kepada pentadbiran.

Sekarang kita dapati bahawa ulama telah pun melintasi garis pemisah untuk mereka meletakkan diri mereka sebagai umarak. Ini yang saya rasa ada di negara kita ini berlaku kekeliruan yang maha besar menyebabkan kekeliruan pandangan kepada umat Islam dan saya sebenarnya kalau kita melihat dari segi penerapan agama Islam itu sendiri, kita berterima kasihlah kepada kumpulan-kumpulan, pendakwah-pendakwah yang cuba memberikan kefahaman Islam secara global sebab Islam itu sesuai pada bila-bila zaman, sesuai pada bila-bila masa dan tidak menganiaya mana-mana pihak. Sebab itu kita yang berpegang kepada prinsip ini dapat hidup dalam negara dengan kaum-kaum yang lain yang tidak beragama Islam tetapi kita dapat hidup bersatu-padu kerana sebenarnya Islam itu adalah sebagai agama yang syumul. Ini saya rasa dalam soal ini yang malang bagi kita, kita agak ketandusan ataupun ada sebilangan daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan pendidikan agama ini, memesongkan pemikiran.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan, terima kasih. Saya minta laluan ini bukannya hendak mengelak perbahasan antara Perlis sama Perlis, oleh itu perbahasan ini amat baik dan saya daripada sebelah Pahang pun hendak masuk tengah-tengah. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Mastika jikalau dia tidak memberi penjelasan yang lebih lagi berkenaan dengan pendakwah-pendakwah Islam yang beliau nyatakan telah pun mendapat sambutan yang baik. Pada saya, saya tidak puas hati dengan kerja-kerja dan usaha-usaha yang dijalankan oleh pendakwah-pendakwah Islam di tanah air ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian. Sebahagian daripada pendakwah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ha, itu Tuan Yang di-Pertua kata itu, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak boleh melawan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hai boleh.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya kena mengalah kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau begitu Tuan Yang di-Pertua sendiri pun bersetuju dengan saya, sebahagian besar ataupun sebahagian kecil ataupun sebahagian daripada yang telah pun diamanahkan untuk membuat satu dakwah misalnya pendakwah pergi ke rumah sahabat, pakai baju hijau, pakai serban, ketayap tentulah anjing yang pergi ke pagar dulu, bukan orang, sebab cara pendakwah itu salah. Maknanya kita kena perkenalkan dulu antara satu sama lain dengan cara yang lain, misalnya adakah pendakwah-pendakwah kita, pembantu-pembantu kita kergi Kosovo, pergi ke Bosnia, pergi ke tempat-tempat yang ditimpa kemalangan untuk membantu dulu. Ha, ini yang saya fikir tadi cara yang kita maksudkan itu adalah secara perlahan-lahan dan jangan terlalu nak berminat sangat menunjuk kita gunakan cara psikologi. Jadi saya harap Yang Berhormat Puan Mastika cadangkan cara-cara yang baik untuk kita berdakwah, supaya dapat hasil yang baik kepada semua.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Zuki. Sebenarnya kalau kita membincangkan soal ini ialah soal yang baik untuk ummah, sebab kita hendak melihat umat kita dan juga seluruh rakyat Malaysia akan mempunyai kefahaman yang tinggi. Saya faham tadi Yang Berhormat Dato' Zuki cuba hendak memisahkan di antara pendakwah-pendakwah yang berdakwah dalam agenda konteks yang kecil dengan dakwah yang luas sebagaimana saya sebut tadi, Islam adalah agama yang sesuai pada bila-bila masa, pada bila-bila zaman dan agama yang boleh rakyatnya hidup harmoni macam yang telah kita laksanakan sekarang ini. Saya memang bersetuju ada sebahagian daripada pendakwah-pendakwah ini yang terpesong. Saya hendak pergi ke akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, ini minta maaf kalau saya sebutkan ini tidak betul, saya serahkan kepada pihak kementerian untuk menelitinya. Kebanyakan daripada mereka yang ada dalam bidang agama di negara kita sebahagian besarnya mungkin daripada Universiti al-Azhar, sebahagian kecilnya daripadanya universiti-universiti yang lain, selebihnya mungkin daripada pondok-pondok. Daripada Universiti al-

Azhar ini mendapat satu reputasi ataupun dapat satu pengiktirafan ataupun mendapat satu penerimaan oleh masyarakat kerana balik daripada Universiti al-Azhar di Mesir, Egypt.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah pergi ke Mesir, saya duduk di sana tiga bulan, hadir dalam kursus-International Course, saya menjadi penuntut di Universiti of Cairo dan Azhar University, walaupun tiga bulan, kita dibawa ke Universiti al-Azhar, Universiti of Cairo dan saya melihatkan sebenarnya, minta maaf, ini pandangan saya dan saya hendak kemukakan, sebenarnya saya menulis surat kepada Menteri Luar Negeri apabila saya balik daripada Mesir. Masyarakat di Mesir, masyarakat Arab bukanlah merupakan satu masyarakat yang boleh dijadikan contoh yang terbaik kepada negara kita. Kerana saya melihat budaya mereka, pertamanya, mereka tidak begitu disiplin dengan masa, kalau saya pergi bank petang misalnya, dia cakap "*bukhrah*" datang besok, dia tidak hendak business lagi, tidak hendak menjalankan lagi kegiatannya walaupun di ada di kaunter itu "*bukhrah*" besok datang. Begitu juga dengan kehidupan di negara tersebut, mereka miskin, mereka terpaksa bergelut dengan kemiskinan dan saya melihatkan bahawa kalau kita hendak hidup di sana kita kena pandai, saya tidak tahu hendak gunakan bahasa kita di sini, kena pandai putar belit sikitlah, macam itulah maksudnya. Maknanya kita cakap lain maksudnya lain. Itu yang saya dapat lihat daripada masyarakat di Mesir.

Saya juga pergi ke Universiti al-Azhar dan saya melihat bagaimana pelajar-pelajar kita yang belajar dihantar oleh kerajaan ataupun yang belajar sendiri di Universiti al-Azhar, kehidupannya sangat daif, miskin di sana. Oleh itu saya bila balik sahaja daripada sana, saya menulis surat kepada menteri, pada masa itu Dato' Abu Hassan Omar minta kaji semula penghantaran pelajar-pelajar Melayu ke Universiti al-Azhar. Walaupun universiti itu ialah universiti yang tertua tetapi saya rasa persekitarannya, bentuk pemikiran yang diterap oleh mereka yang belajar di sana kerana keadaan masyarakat itu daif, tidak dapat membawa satu budaya pemikiran kepada pelajar yang balik ke sini untuk mendakwah orang-orang Islam di Malaysia ini untuk menjadi orang-orang Islam yang maju. Ini pandangan saya, saya pulangkan

kepada kementerian untuk melihat keadaan ini, dan saya nampak ada double standard, keadaan di sana, kerana bila saya pergi ke Universiti al-Azhar, saya nampak wanita-wanita Arabnya pakai skirt, pakai pakaian merekalah, mereka tidak berpakaian macam kita, naik atas meja menari mungkin itu budaya dia. Tetapi tidak sesuai saya rasa dengan budaya kita di sini dan saya melihatkan bahawa di sana apa yang dibawa balik dan apa yang ada di sana berbeza.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kalaulah Dato' Zuki izinkan itu yang saya nampak maknanya kita kena tingkatkan usaha-usaha untuk membentuk, melahirkan mereka yang mempunyai pendidikan, pengajian yang mendalam mengenai agama, dapat membimbing seluruh rakyat Malaysia dengan satu pemikiran untuk kita membangunkan ummah. Itu masih lagi perlu dan bila mereka ini dapat membimbing maknanya pendakwah-pendakwah di peringkat yang lebih rendah ini mendapat satu gambaran yang lebih terbuka untuk kita menyemarakkan syiar Islam itu sendiri. Saya pohon maafkah kalau ada bekas penuntut daripada Universiti al-Azhar tetapi beliau juga saya rasa boleh mengesahkan kedudukan pemerhatian tiga bulan saya di sana, memang saya nampak masyarakat Mesir itu sendiri adalah masyarakat di dalam kemiskinan. Gaji pensyarahnya – pensyarah yang memberikan syarahan kepada saya pada waktu itu dalam RM300 – RM400 dan bila kita pergi ke sana, saya sebagai pegawai biasa dianggap sebagai seorang yang kaya because of perbezaan mata wang, perbezaan keadaan ekonomi dan sebagainya. Ini sebenarnya saya rasa ada di situlah, mungkin ada sedikit sebanyak.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dari segi apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah tadi, kesimpulan saya adalah bahawa Universiti Al-Azhar sekarang ini tidaklah sesuai untuk kita menghantar penuntut-penuntut ke sana disebabkan dari segi kebudayaan, tingkah laku dan prestasi Ijazahnya itu telah pun menurun, saya difahamkan. Kalau ini betul adakah pihak Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah berani mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji penghantaran penuntut-penuntut kita ke Universiti Al-Azhar.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Sebenarnya saya telah pun mencadangkan semasa saya pulang daripada Mesir tahun 1989 lagi. Saya telah pun mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri dan mungkin saya boleh renew, dengan izin, cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha-usaha mewujudkan masyarakat perindustrian dan perdagangan. Tadi, saya menyebut masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan bumiputera. Dalam keadaan kegawatan ekonomi ini kita berharap tidaklah akan mengakibatkan ataupun menyebabkan kita kehilangan usahawan-usahawan yang telah lama mereka berkecimpung di dalam bidang keusahawanan, saya tengok Yang Berhormat Rosli tidak ada di sini, dalam bidang keusahawanan akhirnya mereka tenggelam begitu sahaja.

Kita berharap supaya kerajaan memberikan perhatian kepada usahawan-usahawan kita yang telah pun begitu banyak menimba pengalaman supaya mereka ini tidak terus hilang dalam arena keusahawanan kerana untuk kita menggalakkan ataupun untuk meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam usahawan, ini bukan satu kerja yang mudah dan bukan satu usaha yang senang untuk kita capai. Ini juga berbalik kepada usaha-usaha kita untuk kita mewujudkan satu masyarakat Malaysia, perpaduan kaum yang erat supaya tidak ada dilihat perbezaan-perbezaan kita mengikut sektor-sektor yang tertentu sebagaimana pada masa yang lepas.

Kalau pada masa yang lepas India ada di estet, Melayu ada di tempat pertanian dan bangsa Cina ada di dalam perniagaan. Ini yang hendak kita ubah dan kita telah bela dan kita telah bina, kita harap janganlah usahawan-usahawan ini hanyut dengan berlakunya kegawatan ekonomi dan kita harap kerajaan berusaha terutamanya Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya berharap supaya kerajaan mengadakan directry usahawan bumiputera. Buat masa sekarang ini kemungkinan yang hilang pun tidak dapat dikesan, yang datang pun tidak dapat dikesan oleh pihak kerajaan. Kita berharap kerajaan bersungguh-sungguh dalam hal ini mengadakan directory usahawan dan memantau pencapaian-pencapaian mereka.

Dalam soal itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutlah Tabung Haji ini, baru-baru ini kita dengar dalam soalan Parlimen juga Yang Berhormat Menteri menyebutkan bahawa tindakan tegas akan diambil kepada konsortium-konsortium yang membawa jemaah-jemaah haji tanpa kebenaran Tabung Haji dan mendapat visa daripada negara-negara lain. Saya bersetuju konsortium-konsortium ini diambil tindakan, dibawa ke mahkamah dan sebagainya.

Tetapi saya mintalah Tabung Haji supaya mengkaji kerana pihak konsortium yang ada di Kuala Lumpur ini yang mungkin telah mendapat amaran daripada pihak Tabung Haji supaya jangan bawa jemaah haji yang tidak mempunyai visa ataupun mendapatkan visa melalui Tabung Haji telah pun diberitahu tetapi sebenarnya usahawan-usahawan kecil mungkin di Kelantan, mungkin di Perlis, mungkin di Selangor yang usahawan-usahawan kecil mereka ambil sebagai rangkaian bersama mereka. Mereka ini sebenarnya tidak tahu, saya telah pun dijumpai oleh dua, tiga orang syarikat-syarikat pelancongan kecil di kawasan-kawasan yang mana mereka tidak tahu bahawa ada syarat yang telah pun ditentukan oleh pihak Tabung Haji.

Jadi dalam soal itu, saya berharap supaya kajian yang mendalam, terperinci harus dibuat dan kita harus bersikap adil kepada mereka mengambil tindakan kepada mereka yang bersalah tetapi kita harus juga melihat sejauh mana sistem komunikasi ini, sejauh mana maklumat ini sampai ke peringkat akar umbi. Dan kita juga harus menentukan supaya syarikat-syarikat di peringkat akar umbi yang tidak dapat membawa jemaah haji ini dapat dipelihara kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penubuhan Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC) dalam rangka kerja penyelesaian hutang di antara siberhutang dan sipiutang secara sukarela tanpa melalui proses perundangan. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik yang dilaksanakan oleh kerajaan, tetapi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan dengan lebih mendalam lagi bagaimanakah operasi ataupun bagaimanakah penyelesaian ini dapat dilaksanakan ataupun bagaimanakah cara-caranya untuk kedua-dua pihak, siberhutang dan sipiutang ini dapat menyelesaikan masalah-masalah hutang mereka melalui committee yang

disebutkan tadi. Jadi, kalau dapat saya berharap pihak kementerian dapat menjelaskan dengan lebih jelas lagi peranan committee ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai corporate governance dalam BSKL, saya mengalu-alukan tindakan-tindakan yang dibuat oleh kerajaan untuk kita memulihkan ekonomi dan hari ini kita melihat BSKL kita telah pun meningkat sehingga ke angka 720 mata. Ini akan memberikan satu gambaran yang nyata kepada rakyat dan juga kepada semua pihak akan kesungguhan kita dalam memulihkan ekonomi. Cuma saya hendak minta kepada pihak BSKL ataupun pihak-pihak yang berkenaan dengan perniagaan urus niaga saham ini supaya mengadakan laporan-laporan dan juga memberi peluang kepada semua pihak untuk dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi syarikat-syarikat yang ada di dalam BSKL itu sendiri.

Saya pada persidangan yang lepas sering membangkitkan soal BSKL dijadikan tempat seperti perjudian. Banyak pihak yang membeli saham berdasarkan kepada berita dan berdasarkan kepada spekulasi-spekulasi yang berlaku. Pada hal bagi saya, BSKL memberi peluang kepada semua pihak yang tidak mempunyai syarikat untuk berniaga dengan syarikat yang berkenaan kita menanam modal, melabur modal dalam sesebuah syarikat untuk kita mendapat keuntungan.

Bukan sebagaimana yang berlaku pada masa yang lepas kita melihat saham naik turun, naik turun macam 'yoyo', dan ini tentu ada perkara-perkara yang tidak telus berlaku di dalam urusan perniagaan urus niaga saham ini. Saya mintalah supaya urus niaga saham ini dijalankan secara telus dan maklumat-maklumat mengenai syarikat-syarikat yang ada dalam BSKL ini dapat dipertingkatkan maklumatnya supaya kita semua dapat assess, dengan izin, dengan maklumat-maklumat syarikat-syarikat yang ada.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak memberi penjelasan, saya ini bukan orang kerajaan, hanya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika sebutkan laporan-laporan tadi, jika ada laporan yang saya tidak tahu, itu yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, yang saya tahunya laporan ada melalui *The Edge*, melalui *Business Week*, dengan izin, melalui The Investors, melalui kajian

daripada Stock Broking Firm, melalui *Massa* pun ada di belakang, melalui *Financial Report* pun ada, *Financial News* pun ada, kadang-kadang dalam *Straits Times* pun ada, dalam *Utusan* pun ada di belakangnya dan juga ada buku berkenaan dengan senarai-senarai syarikat-syarikat di Papan Kedua, ada buku setebal ini.

Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika laporan yang mana lagi yang dihendakkan supaya ada telusan, supaya kita hendak tahu siapa dia punya Pengerusi dan siapa dia punya Lembaga Pengarah, sebab di dalam buku itu semuanya ada daripada satu masa ke satu masa, kadang-kadang Lembaga Pengarah itupun letak jawatan. Jadi, kalau ada lagi laporan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika hendak itu, saya hendak tahu apa dia laporan itu, jadi saya bersama-sama hendak daripada kerajaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, laporan-laporan investor dan laporan-laporan mengenai saham-saham ini memang ada tetapi ia tidak tersebar luas, investor tidak ada di semua tempat, kalau di tempat-tempat yang kecil sebagaimana kami di Perlis, kita tidak dapat laporan-laporan yang sebegini.

Demikian juga ia tidak disebarkan dengan secara yang meluas kepada ke seluruh pelosok negara dan yang saya sebutkan tadi mengenai laporan syarikat, sekali-sekala saya rasa BSKL perlu juga memaparkan kemajuan, pencapaian dan juga ahli-ahli lembaga pengarah di dalam sesebuah syarikat kerana dalam membuat keputusan untuk kita membeli saham pada masa-masa yang lepas, kita tidak berpeluang untuk melihat ataupun untuk mengkaji dengan lebih mendalam, cuma kita berpandukan kepada remisier-remisier sahaja.

Bagi saya, saya lebih ke arah untuk melabur dalam jangka panjang sebagaimana yang dinasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu ketika dahulu menasihatkan rakyat Malaysia supaya melabur dalam jangka masa yang panjang, sebab

itu kita hendak tahu keteguhan, kekukuhan di mana syarikat-syarikat ini melabur supaya keputusan-keputusan yang kita buat itu tidak akan meleset dan peluang untuk kita mendapat keuntungan lebih baik lagi.

Saya rasa baru-baru ini memang ramailah di antara rakyat di negara kita ini yang menghadapi tekanan dari kejatuhan saham, malah ada syarikat-syarikat yang memberikan offer, dengan izin, menguruskan pembelian saham, saya tidak tahulah syarikat ini sama ada beroperasi secara berlesen atau mendapat kebenaran oleh kerajaan dan sebagainya. Mereka ini mengutip wang daripada banyak pelabur terutama di luar-luar bandar dan selepas itu mereka melaburkan wang klien-klien ini di dalam saham dan banyak pihak yang mengalami kerugian sehingga ada rakan saya itu sampai tergadai tanahnya kerana memberi kepercayaan kepada syarikat yang saya tidak tahu sama ada pihak kementerian memang ada membenarkan. Selain daripada syarikat-syarikat broker-boker saham ini, ada lagi syarikat di luar lagi yang menjalankan pengendalian pembelian saham ini, keuntungannya diberi mengikut peratusan, kalau untung tidak mengapa, sekarang ini saham telah jatuh rugi dan perkara-perkara ini perlu diberi pemantauan di pihak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara lagi yang saya hendak sebutkan iaitu mengenai cabaran seterusnya mengukuhkan sektor kewangan. Saya berpendapat Bank Negara perlu menjalankan pengawasan dan pengawalseliaan sistem perbankan dengan lebih efisien lagi. Bank Negara perlu bertindak dengan lebih aktif, mempunyai pakar-pakar ekonomi yang mengurus dan memantau sistem kewangan dan mampu meneroka segenap pelosok dunia, mengenal pasti penyangak-penyangak dan cekap sistem amarnya. Maknanya kita dapat tahu apa yang akan berlaku dan mungkin kita akan dapat mengambil langkah-langkah awalan.

Kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada pengambilan personnel di tempat-tempat yang strategik begini. Saya juga berharap supaya kerajaan menentukan supaya bank cuma bertindak sebagai tempat untuk urus niaga mengenai urusan-urusan kewangan perbankan sahaja tidak sebagaimana yang lepas, bank juga menjadi broker

saham, bank juga mengeluarkan insurans dan sebagainya. Saya kira kalau tidak ada fokus kepada pihak bank, saya sebenarnya bimbang apabila proses liberalisasi berlaku, apabila WTO dengan liberalisasinya nanti saya bimbang kekuatan dan kekukuhan bank di negara kita tidak dapat dipertahankan.

Saya juga menyokong usaha-usaha untuk mempergiatkan produk-produk Islam di dalam sistem perbankan kita. Dan saya juga berharap pengurusan Danaharta dan Danamodal diuruskan dengan sebaik-baiknya kerana pada masa-masa yang lepas, biasa juga kita dengar kalau ada kontek, kalau ada kabel dan sebagainya, peruntukan ini dapat digunakan dengan berleluasa, kita telah melalui zaman kemelesetan dan sikap sebegini saya rasa harus kita hindarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak bertanya berkenaan dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Apa sudah jadi sebenarnya dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad? Saya difahamkan bahawa Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah pun merge ataupun telah kahwin ataupun sudah diambil oleh bank lain. Saya hendak bertanya pihak kementerian dari segi status bank itu dan saya juga hendak bertanya pihak kementerian dari segi Bank Bumiputra Malaysia Berhad itu sendiri, masih wujud atau tidak. Bagi saya ada sedikit sensitiviti dengan Bank Bumiputra ini kerana kelahiran Bank Bumiputra Malaysia Berhad adalah daripada Konvensyen UMNO tahun 1965, saya lupa tahunnya, tetapi lahir daripada Konvensyen UMNO dan hari ini kita kehilangan bank itu.

Saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan, dalam persidangan yang lepas juga saya membangkitkan berkenaan mengenai Bank Bumiputra Malaysia Berhad tetapi tidak mendapat jawapan yang jelas. Apa yang saya difahamkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad mengalami kerugian, tetapi adakah mereka yang melakukan ataupun yang menyebabkan berlakunya kerugian ini terlepas begitu sahaja dan kita hilang bank yang beridentitikan dan bank yang bersemangat bumiputera ini. Kalau hilang pun apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengganti dan mewujudkannya semula ataupun dalam bentuk yang sebagaimana. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di dalam usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi, kerajaan juga harus memberi perhatian kepada sektor pertanian luar bandar, dalam mempergiatkan semula pertumbuhan sektor pembuatan petani-petani dan juga rakyat berpendapatan rendah harus diberi perhatian, begitu juga dalam mempertingkatkan pembangunan sektor perkhidmatan.

Saya pernah melawat ke satu tempat yang bernama Bangkuris iaitu ecotourism yang telah pun dibina di negeri Selangor di kawasan Balakong dan tempat ini disediakan ataupun telah pun dapat dilaksanakan dengan begitu baik sekali mendapat sambutan daripada pengunjung-pengunjung daripada luar negara, mereka tinggal di rumah kampung, makan dengan cara masyarakat di kampung, hadir kepada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh masyarakat kampung dan saya difahamkan program ini dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya melihat program ini adalah satu program contoh yang baik dan kita berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dapat menjana program-program sebegini.

Sebagaimana yang saya biasa sebutkan dalam Dewan yang mulia ini supaya diwujudkan kilang-kilang, vendor-vendor dan sebagainya di luar bandar untuk kita menjanakan pendapatan, untuk income generated kepada penduduk-penduduk luar bandar. Saya tidak hendak mengulas perkara ini dengan panjang kerana perkara ini telah pun saya sebutkan dan saya hendak bangkitkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran terakhir dalam hidup peningkatan kualiti, saya ingin menumpukan kepada persoalan kaum wanita. Wanita adalah separuh dari penduduk negara di mana guna tenaga yang ada di dalam pelbagai sektor, sektor pertanian, industri dan 100% wanita dalam sektor rumah tangga. Kita baru sahaja awal minggu lepas menyambut Hari Ibu. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang hadir dalam Dewan ini tentu tuan-tuan dan puan-puan sudah mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada ibu masing-masing.

Jadi, kalau kita tidak dapat menghantar hadiah ataupun tidak mampu memberikan satu ciuman kepada ibu, sekadar kita menelefon. Yang Berhormat Dato'

Haji Mohd. Zuki pun macam sayalah, tidak ada ibu lagi, jadi kita tahu bagaimana harga seorang ibu.

Ibu adalah insan wanita yang dijadikan oleh Allah s.w.t. yang sentiasa sanggup berkorban untuk suami, anak dan keluarga. Wanita dijadikan oleh Allah s.w.t. bahawa wanita itu tetap setia - sebab itulah orang lelaki dia boleh kahwin empat kerana wanita Allah sudah beri fitrahnya dia tetap akan bersuami satu kerana wanita dilahirkan setia dan kesetiaan wanita ini tidak berbelah bagi. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, memang benar boleh kahwin empat.

Tuan Yang di-Pertua: Lelaki Islam!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Wanita lain saya tidak tahulah, jadi lelaki boleh kahwin sampai empat, saya pun bila pandang Tuan Yang di-Pertua, selalu terlupa fasalnya kita ini satu-satu belaka, maknanya saya satu juga, tetapi Tuan Yang di-Pertua pun satu juga. Jadi, lelaki ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Mana tahu? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, belum tahu lagi Tuan Yang di-Pertua, ya.

Jadi, yang sebenarnya lelaki boleh kahwin empat Yang Berhormat, tetapi syaratnya untuk kahwin empat ini Yang Berhormat Puan Hajah Mastika mesti sebutkan sekarang, kalau tidak macam lelaki ini boleh kahwin ikut suka sahaja. Jadi, dia kata boleh kahwin empat tetapi apa syaratnya?

Jadi, berkenaan dengan ibu tadi, kalau kita sudah tidak ada ibu, kita boleh sayang dan cium isteri kita masing-masing yang menjadi ibu juga kepada anak-anak yang telah pun dilahirkan. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Memang Yang Berhormat Dato' sebutkan itu betul, memang Dato' menghargai benar wanita, saya pun tadi tidak menyebutkan, selain daripada ibu, isteri pun adalah merupakan ibu kepada anak-anak kita.

Yang Berhormat Dato' tadi saya beri peluang kepada Dato' sebut lelaki boleh kahwin empat, full stop setakat itu sahaja, kerana selalu saya dengar banyak pihak kalau bersyarah bercakap ini dia bercakap kata lelaki boleh kahwin empat, tetapi ayat al-Quran ada menyebutkan kalau saya tidak silap, *'kamu bolehlah berkahwin dua, tiga atau empat tetapi satu itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu tidak dapat berlaku adil'*. Betul Dato'?"

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha, lebih kurang begitulah.

Saya bersyukur kerana di Malaysia nasib wanita memang terbela, wanita boleh mengundi sejak daripada merdeka, wanita terutamanya kepada Pergerakan Wanita UMNO telah memperjuangkan agar peluang dan kesaksamaan wujud kepada kaum wanita. Sebagai wanita Malaysia saya bangga berada dalam sebuah masyarakat yang menghargai wanita.

Malah tidak dapat dinafikan pembangunan negara yang dicapai hari ini adalah hasil usaha bersama kaum lelaki dan wanita. Sungguhpun pencapaian begitu cemerlang, tidak bererti kita telah dapat memenuhi hasrat yang telah tersurat dalam Dasar Wanita Negara.

Bagi pihak wanita, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin dalam soal-soal pembangunan wanita, di mana telah meng'endorse' beberapa deklarasi yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Seperkara yang saya lihat menjadi komitmen kerajaan dalam Deklarasi Beijing ialah berusaha untuk meletakkan sasaran 30% wanita dalam pembuat dasar. Ini termasuk memberi peluang kepada wanita dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri meletakkan pegawai-pegawai wanita dalam membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sasaran 30% ini adalah menjadi satu matlamat kita bersama. Hasrat kita supaya wanita diberi tempat dalam membuat keputusan supaya apa-apa keputusan yang dibuat di dalam negara kita ini yang mana separuh

daripada rakyat negara ini adalah wanita supaya keputusan-keputusan yang dibuat ada sensitivitinya kepada kekeluargaan dan kepada wanita.

Kita berharap kerajaan benar-benar komitmen di dalam usaha kita mencapai Deklarasi Beijing ini. Buat masa ini kita melihat bahawa dalam Dewan Negara ini alhamdulillah, bilangan wanita agak hampir 12% tetapi bilangannya begitu kecil dalam Dewan Rakyat, dalam Dewan Undangan Negeri dan juga di peringkat-peringkat pembuat keputusan, di peringkat KSU, Timbalan KSU dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan dua, tiga perkara diskriminasi kepada wanita. Yang pertamanya, wanita apabila berkahwin dengan orang-orang dari luar negara, suaminya tidak dapat ikut tetapi bila suami kahwin dengan isteri daripada luar negara, isterinya boleh ikut menjadi rakyat di negara kita.

Saya telah berjumpa dengan dua keluarga yang menghadapi tekanan yang begitu hebat, satu di Sabah, saya melihat agak simpati dengan keadaan mereka menimbulkan tekanan psikologi dan seorang doktor di Perlis dari India, suaminya dari India dan suaminya sekarang ini ada di tempat psikiatri, telah pun menjadi hampir gila kerana masalah yang mereka hadapi. Saya kira ini satu diskriminasi kepada wanita dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu menjawab bahawa perkara ini akan dikaji dan saya harap kerajaan akan mengkaji dan berlaku adil dalam soal ini.

Yang keduanya, pencen kepada wanita. Suami apabila isteri meninggal dia dapat pencen, kalau dia kahwin pun dia dapat pencen isteri, tetapi bagi isteri kalau suami meninggal dia dapat pencen tetapi bila berkahwin pencen itu akan gugur dan dia tidak dapat lagi menikmati pencen tersebut, sedangkan fitrah yang dijadikan oleh Allah s.w.t. lelaki ataupun wanita kalau dia masih muda tentulah dia berkeinginan untuk mendirikan rumah tangga untuk mendapat pelindung dan juga untuk mendapat teman hidup.

Dalam soal ini saya rasa ini adalah satu diskriminasi kepada kaum wanita. Saya bimbang, kalau pun dia tidak berkahwin kalau berlaku perkara-perkara yang tidak kita kehendaki, siapa yang akan menanggung bebanan dosa daripada tindakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya, dari segi penjagaan anak. Bila bercerai suami dan isteri, biasanya penjagaan anak jatuh kepada isteri tetapi bila isteri berkahwin anak perempuan itu tidak dibenarkan lagi duduk dengan ibu kerana kononnya bapa tiri itu tidak mahram bagi anak gadis si ibu. Ini juga saya tidak tahulah mungkin ada fatwa dan sebagainya dapat dijelaskan oleh pihak yang berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memberi perhatian kepada ibu-ibu tunggal. Nasib ibu tunggal di negara kita ini memang harus kita bela, banyak perkara, insiden-insiden, cerita-cerita sedih yang melingkungi hidup ibu tunggal.

Saya apabila mendaftarkan ibu-ibu tunggal, saya terkejut melihat sebahagian besar daripada ibu-ibu tunggal berada di dalam lingkungan pendapatan di bawah daripada PPRT tetapi tidak mendapat bantuan PPRT kerana maklum sahajalah ibu tunggal ini hendak keluar ke pejabat, hendak mengisi borang begitu begini, bagi kaum lelaki pun hendak selalu pergi ke rumah ibu tunggal menjadi gosip dan sebagainya, jadi dia ketinggalan dalam masyarakat.

Saya berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mewujudkan program PPRT untuk ibu tunggal. Pengagihan PPRT ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kementerian, Kementerian Pertanian sendiri ada program ibu tunggal. Saya berharap Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memberi perhatian yang khusus kepada ibu tunggal yang ada di negara kita hampir kalau saya tidak silap 600,000 orang mungkin kementerian dapat menjelaskannya. Kita bukan sahaja membela nasib ibu tunggal, tetapi kita membela nasib anak-anak kepada ibu tunggal.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan ibu tunggal tadi, yang ada 600,000 itu, kalau dapat Yang Berhormat Puan

Mastika pecahkan berapa ibu tunggal yang suami meninggal, berapa ibu tunggal yang telah pun diceraikan oleh suami?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak ada angka tersebut, mungkin pihak kementerian akan dapat menyenaraikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, takrif ibu tunggal ini adalah wanita yang kematian suami, wanita yang diceraikan oleh suami menanggung anak-anak, wanita yang suaminya ada tetapi lumpuh tidak dapat bekerja dan dia menanggung anak-anak ataupun wanita yang memelihara anak daripada luar nikah yang dia memilih untuk memelihara sedangkan pasangannya memang tidak bertanggungjawab kepada anak tersebut, dia juga adalah merupakan ibu tunggal, ini ada dalam negara kita. Jadi, isu ibu tunggal ini bukan isu yang kecil.

Saya juga mencadangkan kepada pihak kementerian supaya Jabatan Perkhidmatan Awam membuat potongan gaji kepada suami-suami yang telah pun bercerai dengan isteri dan juga yang perlu menanggung nafkah isteri sebab kes pencerai ini, banyak masalah yang berlaku dengan mahkamahnya, dengan 'rack' ataupun mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan dan juga ada yang setengah telah pun dijatuhkan hukuman tetapi suami tidak menunaikan tanggungjawab dan tidak juga membayar nafkah isteri.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri supaya gaji suami dipotong untuk menanggung bekas isteri dan juga anak-anak yang ditanggung oleh isteri-isteri yang menjadi tanggungan kepada suami.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan pelajaran kekeluargaan dan undang-undang kekeluargaan diajar di sekolah-sekolah. Kita sebenarnya sehebat mana pun, sebesar mana jawatan kita pun, kita balik kepada asasnya kita sebagai unit insan dan satu unit keluarga. Baik keluarga itu, baiklah masyarakat yang akan diwujudkan, baiklah negara yang akan kita duduki. Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Kamilia dalam soal undang-undang ini, kita membuat

undang-undang tetapi rakyat tidak faham kepada undang-undang dan tidak ada peluang mengetahui undang-undang yang dilaksanakan. Kita berharap supaya di sekolah diadakan mata pelajaran mengenai kekeluargaan dan undang-undang mengenai kekeluargaan ini dijelaskan supaya anak-anak yang kita bentuk di sekolah itu menjadi ibu bapa yang dapat menjana masyarakat yang baik.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim tadi, yang saya tidak bercadang untuk mengulas mengenai pengwujudan taska kerana kita bukan sahaja hendak menentukan keselamatan anak-anak itu tetapi hendak membentuk anak-anak yang akan lahir menjadi generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja pandangan-pandangan yang dapat saya kemukakan, ramai lagi rakan-rakan lain yang bercadang untuk bercakap. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya dan saya turut menyokong kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa dulu ini, Dato' Haji Ahmad, Datuk Hashim dulu, saya ingat Datuk Hashim bangun cepat sedikit tadi.

3.42 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana nampak saya berdiri dahulu dan berlaku adil, untuk memberi peluang kepada saya bercakap dan turut membahaskan dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) ini.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, syukur saya kerana dapat lagi sekali membahaskan ucapan ataupun pembentangan yang berguna ini ke arah usaha kerajaan dan harapan kita rakyat untuk melihat bangsa kita berdiri megah sebagai satu bangsa yang bermaruah dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perbahasan saya sukaiah memulakan dengan penutup di buku ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh perenggan 64 iaitu doa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada diri beliau dan juga kepada rakyat

Malaysia yang berbunyi, *“kita berdoa kepada Allah s.w.t supaya sentiasa memberikan kita kekuatan dan keazaman untuk menghadapi serta mengatasi masalah-masalah, berusaha sedaya-upaya memulihkan ekonomi dan menjadikan negara lebih makmur serta memelihara maruah negara. Saya percaya”* - kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri – *“dengan izin, Allah s.w.t kita akan kembali ke atas landasan pesat dalam membangunkan bangsa yang bersatu-padu, progresif, makmur, berdikari dan dihormati oleh semua”*.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita nampak harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemimpin yang amat kita kasihi dengan cita-cita murni untuk mengangkat darjah, maruah dan mertabat bangsa, Melayu terutamanya di dalam negara Malaysia yang berbilang kaum ini. Matlamat ini hampir jelas, tiga tahun dahulu seolah-olah kita akan capai cita-cita kita untuk menjadi bangsa yang bermaruah, berdaulat dan bermartabat di negara tercinta Malaysia ini, pada tahun 2020 sempena wawasan negara yang telah digagaskan khusus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, takdir kita rupa-rupanya diatasi oleh takdir Allah s.w.t untuk menguji kekuatan, iman kita, pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat umumnya, apakah kita mampu menerima ujian Allah s.w.t untuk terus melayari harapan kita untuk menuju pulau harapan untuk menjayakan cita-cita nusa dan bangsa kita untuk menjadi negara yang maju. Tiga tahun dahulu memang kita nampak jelas tetapi menjelang tahun 1997, 1998, kita telah mengalami krisis kewangan, krisis ekonomi yang akhirnya menyebabkan ekonomi kita dalam bahasa yang pernah digunakan merudum menyebabkan segala-galanya terjejas dan seolah-olah kita hancur, luluh, bak kaca jatuh ke batu. Tetapi dengan ketabahan, iltizam dan semangat gigih, kental, pemimpin utama didukung oleh pemimpin-pemimpin barisan lain dan juga pemimpin menengah, pegawai tinggi kerajaan, pegawai menengah, pegawai rendah dan rakyat umumnya cintakan kemakmuran, cintakan keamanan, nampaknya kita insya-Allah, akan dapat kembali berada di landasan yang sebenar untuk menuju kejayaan.

Keadaan telah dapat menunjukkan tanda-tanda pemulihan, kekuatan mula terserlah untuk kita kembali berdiri tegak untuk mencapai cita-cita kita. Walaupun kita telah turun ekonomi kita menguncup kepada negatif 6.7% daripada asalnya 8.5% dan pada tahun ini alhamdulillah, kita sudah sampai ke tahap 1% menumbuhnya ekonomi kita dan insya-Allah, pada tahun hadapan pertumbuhannya lebih besar dengan berkat kerjasama dan semangat kita bersama. Segala masalah kita telah alami. Hartanah jatuh sampai 30% - 40% usaha dibuat. Perdagangan terjejas, perniagaan terganggu, inflasi meningkat ke tahap 5.3%, pengangguran bertambah sehingga 3.9% dan segala-galanya menjadi berubah. Kalau dulu tahap keluarga miskin hampir 20,000 sahaja tetapi kesan yang ketara hasil daripada masalah ekonomi sekarang tahap atau jumlah keluarga termiskin telah meningkat secara mendadak menjadi 70,000 dan Kelantan adalah juara negeri termiskin di Malaysia seperti yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha gigih kerajaan amat kita hormati. Kesemua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bercakap sebelum ini dan yang akan bercakap, kesemua kita telah melihat usaha kerajaan yang begitu terancang dan kita sedang memperkatakan soal pelaksanaan terhadap perancangan yang begitu teliti untuk mencapai kejayaan. Kita melihat kerajaan dengan tegas melahirkan atau mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan telah pun mewujudkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dan melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, kerajaan telah secara serta-merta mengadakan Danaharta Berhad untuk melihat soal-soal NPL ataupun hutang-hutang lapuk yang tidak dapat diselesaikan oleh bank dan juga pemimjam-pemimjam. Kerajaan telah menubuhkan Danamodal Berhad untuk membantu syarikat-syarikat atau pihak-pihak korporat di samping mewujudkan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat atau CDRC dan segala-galanya telah dibuat untuk memastikan termasuklah menetapkan nilai Ringgit Malaysia dan penghapusan pasaran di luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya, saya melihat apa yang dibuat oleh kerajaan kita di bawah pucuk pimpinan kita adalah yang terbaik dalam dunia. Perancangan

cukup teliti. Maka di kesempatan ini saya memberi cadangan untuk kita semua menerima cadangan kerajaan ini dengan ikhlas untuk memastikan perancangan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keikhlasan, saya meragui di dalam masyarakat kita, di kalangan setengah pemimpin sama ada pemimpin politik atau parti-parti politik tertentu yang bercakap tidak serupa bikin. Cakap di depan lain, di belakang lain; di depan memuji, di belakang mengeji; di hadapan baik, di belakang berbohong; di hadapan memuja-muja, di belakang memaki hamun. Ini adalah sifat setengah di kalangan kita yang tidak insaf dan sedar akan kebaikan kerajaan, perancangan kerajaan untuk membela masyarakat secara keseluruhan. Mereka ini seharusnya bercakap benar, kalau perkara yang baik, katalah baik, kalau benar katalah benar dan kalau menegur pun ada cara untuk menegur kerajaan, untuk memperbaiki dari segi pelaksanaan. Tetapi dari segi dasar saya yakin dan percaya dasar yang dibuat oleh kerajaan adalah dasar yang terbaik - the best policy yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kesemuanya menjadi pengetahuan umum, kalau kita undur ke belakang, kita melihat Malaysia ataupun Malaya ataupun Persekutuan Tanah Melayu 50 tahun dahulu dan kita nampak apa yang akan terjadi 50 tahun akan datang kepada negara kita kalau kita bersatu padu dan membuat kerja-kerja pelaksanaan dengan baik. Maka, soal yang menjadi intisari kepada perbincangan kita, sama ada kita di Dewan Negara, Dewan Rakyat atau Dewan Negeri, sama ada di pejabat-pejabat kerajaan di seluruh negara sehingga ke kampung-kampung, di dalam sawah dan bendang, kebun getah dan kelapa sawit, soal kepada kita ialah untuk melihat kesejahteraan rakyat. Maka, soal kesejahteraan rakyat ini telah digariskan di dalam buku yang ringkas ini tetapi memberi erti yang besar melalui perancangan-perancangan seperti memperkukuhkan asas-asas ekonomi makro,

meningkatkan tenaga manusia yang berpengetahuan, mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, memperkukuhkan sistem kewangan, memulihkan sektor korporat, meningkatkan semula sektor pertanian di luar bandar, menggiatkan semula pertumbuhan sektor pembuatan, mempertingkatkan pembangunan sektor perkhidmatan, mengembangkan teknologi maklumat pelbagai 'e' yang telah disebutkan di dalam buku ini, memperkukuhkan sains dan teknologi dan meningkatkan kualiti hidup.

Segala-segalanya itu jelas bahawa perancangan yang dibuat itu adalah untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Maka, apa yang perlu kita perkatakan ialah soal pelaksanaan sama seperti Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah yang baru sekejap bercakap dengan panjang lebar sampai dua jam lebih, adalah kita berbicara soal pelaksanaan. Maka, di sini juga saya ingin mengambil kesempatan sedikit beberapa perkara yang ada kefahaman saya yang terlibat dengan penelitian saya sendiri di dalam pelaksanaan-pelaksanaan yang harus diperbaiki oleh pihak kerajaan ataupun jentera kerajaan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPP). Seperti yang Tuan Yang di-Pertua tahu, JPP telah diwujudkan pada tahun 1991 setelah Kelantan kecundang dalam pilihan raya tahun 1990 termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri dan saya sendiri kalah dalam pilihan raya tahun 1990. JPP wujud di Kelantan dan antara tujuan yang terselindung, tersirat, bukan yang tersurat. Tersurat adalah sebuah kerajaan untuk membuat pembangunan, untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan, untuk memastikan rakyat makmur dan sebagainya tetapi saya ingin membicarakan soal tujuan JPP yang tersirat (hidden agenda) yang harus difaham oleh JPP Kelantan.

JPP Kelantan diwujudkan setelah Barisan Nasional Kelantan kalah, kecundang. Maka, JPP diberi tanggungjawab secara persefahaman, secara tersirat untuk memastikan Kelantan kembali ke pangkuan Barisan Nasional, maka JPP harus menjalankan tugas melaksanakan kerja dan yang lebih penting di sebalik kerja dan tugas yang lebih halus ialah peranan, role is the most important, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau melihat secara kasar,

memang tetapi kita mahu peranan itu dimainkan untuk memastikan Kelantan kembali kepada Barisan Nasional setelah kita tahu, Kerajaan Persekutuan tahu, pemimpin-pemimpin kita tahu bahawa kita tidak mahu biarkan orang Kelantan dalam keadaan sekarang dan bila-bila pun. Selagi di bawah pentadbiran PAS orang Kelantan akan ketinggalan dan teraniaya, sama ada dari segi pembangunan, rohani dan jasmani.

JPP Kelantan harus dan mesti, wajib memainkan peranan untuk memastikan pilihan raya kali ini, yang akan berlaku sama ada tahun ini ataupun awal tahun depan; masanya cukup pendek untuk memastikan Kelantan kembali kepada Barisan Nasional. Tidak guna projek berjuta-juta diberi seperti yang telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Ghazi semalam bahawa walaupun duit kita banyak, harta kita beratus juta, berbilion kita tidak mampu membeli hati dan perasaan serta pemikiran rakyat tetapi kita mesti mendampingi untuk memastikan rakyat menyokong melalui hati mereka. Walaupun berjuta ringgit disalurkan melalui JPP belum tentu ianya boleh memenangkan Kelantan kerana Kelantan pernah suatu ketika dahulu ditawarkan beribu juta semasa Allahyarham Tun Abdul Razak untuk mengembalikan Kelantan kepada Barisan Nasional ataupun pada masa itu Perikatan, dengan melemparkan poster untuk menyokong Kerajaan Perikatan tetapi orang Kelantan tidak boleh dibeli. Maka, soal peranan ini penting, peranannya ialah untuk memastikan rakyat boleh bekerjasama dengan jabatan kerajaan yang bernama JPP ini.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah soal pelaksanaan kerja dan peranan pegawai-pegawai supaya tidak bercanggah dengan pemimpin-pemimpin politik kerana kita pemimpin politik sama ada di daerah ataupun dalam konteks politik dinamakan pemimpin-pemimpin bahagian yang arif dengan cita rasa orang-orang bawahan yang memperkatakan soal politik kerana di Kelantan ini soal politik adalah jelas antara penyokong-penyokong UMNO dan penyokong-penyokong PAS. Di Kelantan tidak ada peratus terbesar orang yang berkecuali sama ada menyokong PAS ataupun menyokong UMNO, yang 'atas pagar' ini kecil sangat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menegur JPP dan meminta pihak yang bertanggungjawab, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Datuk, sekarang tambah lagi satu, Datuk Paduka Haji Ibrahim Ali dari Kelantan antara tanggungjawab untuk melihat soal kehakiman, satu jawatan khusus ialah soal melihat JPP Kelantan. Yang Berhormat Datuk tidak ada di sini tetapi semasa beliau menjadi Senator dahulu beliau juga pernah menghentam menteri-menteri dan timbalan menteri tidak datang, [*Ketawa*] tetapi rupanya apabila beliau menjadi Timbalan Menteri dia pun tidak boleh datang. Dato' Haji Mohd. Zuki tadi suruh saya sebut sekarang kita bercakap tidak ada seorang wakil kerajaan pun, menterikah, timbalan menteri pun tidak ada dan kali ini saya mewakili sahabat saya, sepatutnya adalah seorang timbalan menteri atau wakil kerajaan semasa kita bercakap.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Paduka Ibrahim Ali yang dipertanggungjawabkan soal JPP ini juga harus mengambil berat. Beliau baru menjadi Timbalan Menteri, kalau prestasinya baik mungkin dan kalau menang Barisan Nasional termasuk Datuk Ibrahim Ali menang selepas ini saya yakin beliau mungkin dilantik menteri penuh. Maka, lihatlah soal JPP ini bagaimana pelaksanaan projek, dari segi pembahagian projek, dari segi gerakan-gerakan penerangan dan dari segi gerakan-gerakan hubungan di antara jabatan-jabatan dan rakyat di Kelantan itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat teguran dan ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah perkara-perkara yang kepada kerajaan barangkali kecil, tidak dapat diteliti dengan baik untuk memastikan keberkesanan kepada usaha kerajaan sebenarnya persekutuan melalui politik UMNO dan Barisan Nasional untuk mengembalikan Kelantan ini.

Pertama, dari segi penyeneraian projek-projek JPP. Saya melihat projek-projek yang disenaraikan oleh pegawai-pegawai di JPP tanpa pengetahuan pemimpin-pemimpin di kawasan ataupun di bahagian-bahagian maka bila projek-projek itu diluluskan berlakulah percanggahan, priority di antara apa yang Ketua UMNO Bahagian fikir atau dalam bahasa ilmiah pemimpin masyarakat fikir yang ada kaitan dengan masyarakat. Saya memiliki senarai yang diluluskan oleh JPP, untuk kawasan Parlimen Tanah Merah di mana projek-projek kecil RM388,473 dan satu lagi RM927,063.30. Senarai-senarai ini dibuat oleh pihak JPP melalui pegawainya tanpa maklumat pemimpin bahagian sehingga bila senarainya diluluskan kita melihat percanggahan yang ketara yang menyebabkan kesan kepada sosio politik di tempat berkenaan. Dari segi jumlah peruntukan yang diluluskan sama ada RM20,000, RM50,000, RM30,000 dan sebagainya juga meragui kita kerana pada pandangan kita mungkin kita tidak memerlukan peruntukan sebegitu besar, kita memerlukan peruntukan agak kecil tetapi perlu ditabur dengan baik untuk memberi keselesaan

kepada semua, untuk memastikan semuanya dapat merasai dan mereka akan menyokong Barisan Nasional dan Kelantan kembali kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di musim menghampiri pilihan raya dan sesuai dengan jabatan kerajaan JPP yang berperanan, bertanggungjawab memenangkan Kelantan kembali kepada Barisan Nasional. Kalau percanggahan ini terus berlaku maka agak sukar untuk kita memastikan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional di Kelantan. Ikhlas dari segi saya selaku pemimpin masyarakat atau Ketua UMNO Bahagian berterima kasih dengan peruntukan berjuta ringgit tetapi bila berlaku percanggahan ianya memberi masalah dan melahirkan masalah di peringkat bawah menyebabkan keadaan tidak stabil.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan projek. Satu lagi perkara yang mendukacitakan dan saya harap pegawai-pegawai kerajaan mendengar ucapan saya tidak tersilap faham apa maksud saya dan tidak ada soal diskriminasi dalam soal ini. Pembahagian projek juga menjadi masalah kalau tujuan JPP untuk membangun Kelantan dengan projek yang baik, teratur setelah diselaraskan, dan kedua setelah projek dapat pastikan projek itu tidak menjadi senjata tikam tuan, balik menikam kerajaan. Dari segi pemberian projek saya melihat contoh di kawasan saya sejumlah RM1 juta lebih projek-projek jalan kampung kepada 11 kontraktor, terdapat 3 kontraktor yang terdiri daripada pembangkang ataupun parti PAS. Saya bukan bermaksud untuk menyekat rezeki sesiapa tetapi saya mahu orang yang mendapat rezeki harus bersyukur kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada kerajaan dan jangan memaki hamun kerajaan. Sebagai contoh, daripada 11 kontraktor, 3 yang PAS, satu bernama Bayu Jaya Kontraktor, alamat Lot 89 Kampung Panglima Bayu, 17150 Tanah Merah, Kelantan. Kedua, Ismail bin Seman, No. 290 Kampung Panglima Bayu, 17150 Tanah Merah, Kelantan. Ketiga, Azman bin Musa, Kampung Becah Benting, 17500 Tanah Merah, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat ini mendapat projek untuk membuat jalan RM100,000, RM70,000, dan kita boleh buat anggaran kalau RM100,000 jalan untuk jalan besar lebih daripada pembinaan bangunan. Katalah 20% kalau dia dapat RM50,000 dia dapat untung RM10,000, mendapat RM100,000, 20%, RM20,000

yang menyedihkan kontraktor ini setelah dapat berjalan terus menghebohkan bahawa walaupun dia tidak menyokong kerajaan, dia menentang kerajaan, dia dapat projek. Kedua, setelah dapat projek untung dia guna duit untuk punggah bawa van, sewa van pergi kepada ceramah PAS, pergi kepada ceramah keADILan, pergi kepada perhimpunan-perhimpunan pembangkang. Setelah ada duit dia guna duit untuk beli bendera pasang seluruh bendera PAS. Selepas itu dia pergi jumpa kontraktor UMNO yang tidak dapat, ramai lagi kontraktor UMNO yang saya tahu dalam parlimen saya berpuluh kontraktor yang prokerajaan, yang menyokong kerajaan pernah menjadi jawatankuasa bahagian, jawatankuasa pemuda bahagian UMNO tidak dapat projek. Dia pergi cucuk, kata kamu sokong kerajaan projek aku dapat. Dari segi keadilan, memang kita mahu keadilan tetapi kalaulah ini kerja pembangkang yang tidak pernah bersyukur, saya rasa boleh dibuat. JPP boleh buat sebab projek ini bagi terus, kalau yang tender ia mungkin melalui proses tender, tidak kira, tak ada dalam tender dokumen kata PAS ke UMNO, tetapi tender beri terus ini, ini kerja pegawai boleh beri terus yang bawah pada RM50,000 tak payah tender. Pernah dibuat oleh JPP sebelum ini RM50,000 Tuan Yang di-Pertua, RM5,000 boleh terus kepada kontraktor A, B, C dan kita boleh pilih.

Di antara penyokong kontraktor PAS dan UMNO, bagilah kepada penyokong UMNO dahulu memang itu keadilannya. Orang yang maki hamun patutlah kita hukum dia sekejap. Yang tender biasa di kementerian dan swasta kita tidak tahu siapalah. Ini yang pemberian terus patut dicek oleh pegawai kerana ini ada kesan seperti apa yang saya katakan tadi kesan politik di bawah yang boleh mengharubirukan keadaan untuk kita meraih untuk menarik sokongan rakyat untuk menyokong Barisan Nasional. Jadi kalau orang PAS guna kekuatan, kewangan hasil daripada kerja JPP menghentam kerajaan. Orang UMNO tidak puas hati, orang Barisan Nasional tidak puas hati, MIC tidak dapat jalan di kawasan saya kerana kontraktor PAS. Orang PAS sudah tidak sokong Barisan Nasional, orang Barisan Nasional kecil hati lari tak sokong, bermakna apakah peranan JPP untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional di Kelantan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan khususnya Yang Berhormat Datuk Paduka Haji Ibrahim bin Ali, sahabat saya semalam saya sudah bercakap di luar, saya kata saya hendak rekodkan di sini, kalau dia hendak marah ke, tak mengapalah. Tapi ini ikhlas saya hendak bercakap supaya mengambil tindakan gunalah kesempatan JPP untuk memastikan rakyat mendapat faedah dan memberi sokongan kepada Barisan Nasional melalui kerja-kerja yang diamanahkan kepada JPP – Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan beberapa perkara ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang mewujudkan stok penimbal harga getah ini kerana sebelum pada ini saya berada di kawasan saya pergi melawat ke kampung-kampung antara perkara yang ditimbulkan oleh rakyat ialah soal harga getah yang sudah rendah yang turun dan murah kalau dulu mereka mengatakan mereka mendapat pendapatan RM20.00 sehari melalui torehan getah, suami isteri memang dapat RM10.00 seorang agak berpatutan, lebih kurang RM500.00 sebulan pendapatan kepada penoreh-penoreh getah tetapi suatu masa baru-baru ini mereka mendapat pendapatan hanya RM10.00 ataupun RM12.00 sehari jika dibagi dengan kepala mendapat pendapatan itu RM5.00 ataupun RM3.00 sahaja sehari, tetapi dengan usaha kerajaan mengeluarkan peruntukan untuk membeli getah dan menaikkan harga getah itu satu langkah yang baik. Cuma saya bersimpati dengan rayuan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah supaya harga itu dinaikkan lagi daripada RM1.00 kepada harga yang lebih tinggi. Apalah salahnya kerajaan menggunakan peruntukan dan kesempatan ini terutama akhir-akhir ini kita menghampiri pilihan raya biar rakyat di bawah rasa lega. Barangkali tidak perlu banyak, tak sampai ribu juta ringgit, mungkin tak sampai RM700,000 mungkin hanya beberapa ratus juta ringgit dalam masa yang singkat sebelum kita hadapi pilihan raya, orang miskin, orang kampung dapat menikmati. Kepada mereka harga getah yang lebih tinggi adalah satu hadiah yang paling baik untuk mereka membalas jasa kerajaan, insya-Allah, semasa pilihan raya akan datang.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan ini saya ingin menyentuh Tabung Usahawan Kecil yang sedang berlaku dan saya harap pihak yang

bertanggungjawab cuba melihat bahawa berlaku satu peristiwa di mana satu pihak menganjurkan kursus kononnya dengan ada kursus tertentu mereka setelah mendapat sijil daripada pihak yang menjalankan kursus iaitu di tempat saya oleh Hawa Tanah Merah dengan kerjasama Hawa lain dan memberi sijil dan kononnya selepas dapat sijil mereka akan dapat pinjaman RM5,000, RM10,000, RM20,000 dan sebagainya. Maka berpusu-pusulah, ramailah yang menyertai kursus dan mendapat sijil dan setelah mereka mendapat sijil dan membayar kursus sejumlah RM120.00 seorang akhirnya mereka tidak dapat membuat pinjaman dan menjadi masalah.

Sekali lagi ini menjadikan masalah di bawah kononnya ada pihak yang cuba menyalahgunakan Tabung Usahawan Kecil ini dan ada juga pihak yang mengambil kesempatan memunggut duit sampai berpuluh-puluh ribu tetapi peserta yang menyertai kursus itu tidak mendapat pinjaman. Pinjaman ini adalah untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ialah melalui skim CGC yang dijamin oleh kerajaan melalui bank-bank tempatan.

Perkara yang keempat, dari segi pelaksanaan dasar-dasar baik kerajaan ini ialah mengenai tanaman tembakau. Saya sendiri melihat dan mengalami dalam industri tembakau ini, satu ketika tanaman tembakau adalah merupakan tanaman yang dilema di mana kerajaan disatu pihak menjalan kempen antimerokok dan mengenakan sebarang tindakan menaikkan cukai rokok dan sebagainya, cukai duty import kepada tembakau dan sebagainya untuk mengurangkan merokok.

Tetapi akhirnya kita sedar bahawa bagaimanapun kempen anti-merokok dibuat namun peningkatan orang yang merokok sentiasa meningkat dan mereka sendiri, di Eropah kempen yang lebih tegas dibuat tetapi golongan yang merokok ini adalah semakin meningkat. Maka kita berpendapat Lembaga Tembakau Negara berpendapat bahawa soal merokok tidak dapat ditahan tetapi kempen boleh dibuat tetapi kalau kita tidak menggalakkan penanam tembakau memastikan tanaman tembakau itu dapat mengeluarkan produk yang baik, akhirnya kita akan mengalami kerugian dari segi hasil membeli ataupun mengimport rokok dari luar negara.

Akhirnya saya difahamkan bahawa Kabinet telah pun menerima secara prinsip bahawa tembakau boleh digalakkan, maka usaha-usaha sedang dibuat menyusun semula dari segi industri tembakau dan tembakau diberi peluang untuk ditanam dan diperkembangkan di negara kita demi ekonomi negara dan pendapatan rakyat bawahan khususnya golongan penanam tembakau.

Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, ialah kadang-kadang berlaku lagi percanggahan di kalangan jabatan-jabatan sendiri yang terkeliru dengan soal ini. Sebagai contoh ada pihak Kementerian Pertanian yang memberi galakan kepada petani-petani insentif berbentuk baja, perkhidmatan, bahkan jentera-jentera bajak dan sebagainya, jika penanam tembakau ingin berpindah daripada menanam tembakau. Saya difahamkan mereka diberi peluang sejumlah RM5,000 per hektar jika mereka menanam tanaman lain.

Saya rasa ini akan mengganggu usaha LTN di bawah Kementerian Perusahaan Utama untuk memastikan tembakau kita kompetitif dengan tembakau-tembakau lain daripada Thailand dan sebagainya. Akhirnya kita mampu menjadi pengeluar tembakau bahkan mampu juga mengeksport tembakau bila AFTA berlaku di negara kita.

Saya berharap penyelarasan ini boleh dibuat oleh kementerian-kementerian berkenaan supaya tidak berlaku pertindihan dan percanggahan ini. Berilah galakan kepada penanam-penanam tembakau supaya tanaman ini terus menjadi lebih baik dan lebih produktif, lebih kompetitif untuk menghadapi tembakau-tembakau dari negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambil masa yang panjang untuk menyentuh soal-soal yang telah banyak disentuh, kadang-kadang apa yang saya hendak sentuh telah pun tersentuh dan disentuh. Saya ingin kembali kepada soal kesejahteraan rakyat dalam konteks yang lebih luas dan lebih umum. Saya ingin mengingatkan kepada semua, tidak ada ertinya kita mempunyai perancangan yang begitu baik, perancangan yang teratur, jabatan yang baik, kementerian yang baik, pegawai yang baik, segalanya baik jika kita tidak mempunyai kestabilan politik,

keamanan negara dan kemakmuran yang akan dimiliki oleh semua, jika politik stabil negara aman.

Dalam hal ini saya ingin menyentuh dua pihak utama, kepada sesebuah negara politik adalah satu perkara yang penting. Biar apa pun kita perkatakan tetapi politik adalah penentu kepada segala-galanya. Politik adalah penentu kepada kestabilan, politik penentu kepada keamanan dan kerana politiklah kita nikmati kemakmuran seperti yang kita nikmati sekarang. Kalau dahulu kerana politik kita dijajah, di bawah politik penjajah kita terhina, miskin, papa dan kedana. Tetapi kerana politik kita mampu menebus tanah air kita, kembali di bawah genggaman kita dan kita mentadbir negara kita, merancang, melaksanakan pembangunan negara akhirnya kita makmur. Tanpa mengira Melayu, Cina, India dan setelah ada Malaysia, Kadazan, Dayak, Dusun dan sebagainya tanpa mengira pembangkang, PAS, DAP atau mana-mana ianya turut menikmati kemakmuran hasil daripada keamanan negara dan kestabilan politik di negara ini.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempertikaikan soal parti PAS yang sejak dahulu sampai sekarang. Sejak mula-mula kita berbicara soal menebus kemerdekaan sampailah kepada kita mengisikan kemerdekaan, sampai ke tahap menegakkan maruah bangsa, melompat ke millennium, alaf baru 2000 menuju Wawasan 2020, PAS merupakan satu parti yang tidak pernah bersyukur kepada Allah s.w.t. dan tidak pernah kenal erti terima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memakmurkan negara ini.

PAS adalah sebuah parti yang berdolak-dalik, yang memperalatkan agama, memperalatkan Quran, hadis, sunnah Nabi dan sebagainya semata-mata kepentingan politik kolompok. Mereka sentiasa menghasut rakyat dan memecahbelahkan rakyat. Kalau kita bercakap soal perpaduan, PAS bercakap soal perpecahan, kalau kita bercakap soal kemakmuran, PAS bercakap soal miskin itu takdir Allah s.w.t, ulat dalam batu pun ada rezeki. PAS adalah penghalang kepada kemajuan, PAS adalah pemecah kepada perpaduan.

Tadi, Yang Berhormat sahabat kita, Puan Hajah Mastika Junaidah telah sentuh Kelantan merupakan negeri yang termiskin. Sebelum ini saya lihat Sabah ataupun kita ketahui Sabah merupakan negeri termiskin, semasa itu Kelantan berada dalam Barisan Nasional, Sabah belum berada dalam Barisan Nasional. Tetapi sekarang setelah Sabah berada dalam Barisan Nasional, Sabah mampu diangkat dari segi taraf kemiskinan telah turun dan Kelantan bila tidak berada dalam Barisan Nasional jumlah kemiskinan telah kepada 19.2%. PAS adalah parti yang hanya pandai mempermainkan kata, mempermainkan perkara-perkara kecil, memainkan perasaan rakyat.

Mereka bercakap soal gincu, gesel-menggesel antara suami isteri untuk membuat kebahagiaan keluarga. Saya tidak yakin kerana soal gesel-menggesel itu tidak perlu diberitahu tetapi kita pentingkan soal ekonomi tetapi PAS pentingkan soal gesel-menggesel, soal isteri yang tidak payah bekerja, perempuan yang tidak payah bekerja tanpa membuat penjelasan yang tepat apakah sebenarnya.

Ini adalah perkara-perkara yang merugikan usaha kita dalam membangun negara ini selagi parti PAS ini memainkan perkara-perkara yang tidak memberi erti dalam konteks perjuangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin membuat seruan kepada pemimpin-pemimpin PAS cukuplah, marilah kita bersama-sama melihat keamanan negara ini akan terus dikekalkan. Cukuplah PAS memainkan bahasa lamanya berubah mengikut masa dan ketika. Kalau satu ketika PAS tidak boleh bersama bahkan menuduh kita orang UMNO –kafir kerana bersama orang Cina dan MIC di dalam Perikatan, tetapi satu ketika PAS boleh bersama dengan CCC dan DAP untuk menumbangkan dan bahkan bersama dengan Semangat 46 untuk menumbangkan Barisan Nasional pada tahun 1990. Sekali lagi PAS sanggup bersama DAP untuk menumbangkan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang. Dan lagi sekali yang mendukacitakan, kita melihat satu drama tetapi sanggup dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan DAP ialah soal kerjasama akhir-akhir ini untuk menghadapi pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, tanggal ini, pada hari ini ialah 13 Mei. 13 Mei ini ada baiknya sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk kita menyorot kembali kepada 13 Mei dan kenapa jadi 13 Mei. Sekadar menyorot saya ingin kembali kepada sorotan diri peribadi saya sendiri 13 Mei tahun 1969. Saya masih ingat pada tahun 1969, saya sedang menunggu keputusan peperiksaan STP ataupun HSC pada masa itu dan saya terlibat dalam kempen pilihan raya pada bulan Mei 1969 walaupun saya belum menjadi ahli kerana masih belajar di sekolah menengah tinggi dan saya bekerja di pejabat pilihan raya selaku kerani mendaftar, pengangkutan dan sebagainya di kawasan saya pada masa itu dipanggil Tanah Merah Barat.

Saya masih ingat pada 10 Mei adalah hari pilihan raya dan pada tarikh itu sebelum itu mendapat keputusan dan dapat tawaran memasuki Universiti Malaya. Saya menaiki kereta api kerana pada masa itu belum ada Trans Nasional, belum ada bas ekspres Timur dan sebagainya daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Keretapi Tanah Melayu pada masa itu sangat uzur, tetapi itulah satu-satunya saluran untuk orang Kelantan datang ke Kuala Lumpur dan saya dengan pelajar-pelajar daripada Kota Bharu, Gua Musang menaiki kereta api, puluhan pelajar di dalam kereta api itu bersama pada hari pilihan raya.

Saya masih ingat di dalam keretapi, kita sempat mendengar keputusan daripada radio yang menyatakan kemenangan kerusi-kerusi pilihan raya dan saya masih ingat yang menyokong UMNO adalah paling kecil dan yang menyokong PAS, murid-murid atau pelajar-pelajar daripada Kelantan pada masa itu adalah jumlah yang besar. Bila diisytihar keputusan pilihan raya dalam kereta api melalui radio, bila PAS menang, pelajar-pelajar di dalam kereta api yang hendak datang mendaftar bersama saya itu bersorak kerana kebanggaan. Bila DAP menang pun dia orang bersorak semacam sudah ada satu perasaan benci kepada kerajaan atau Perikatan dan saya pernah bertanya kepada kawan saya, PAS menang okaylah, you boleh bersorak tetapi DAP menang di Kuala Lumpur, apa hendak jadi. Semasa itu saya tidak terfikir apa hendak jadi.

Sesampai di Kuala Lumpur, pagi, selepas keputusan pilihan raya, saya sudah lihat orang-orang Cina khususnya penyokong DAP sudah tidak menghormati polis.

Sudah naik motosikal dua, tiga, kereta, trak penuh memaki hamun Melayu dan saya masih terdengar-dengar di telinga saya bagaimana orang Cina yang saya yakin pada masa itu orang DAP asalnya, memaki hamun orang Melayu menyatakan 'Melayu balik kampung'. Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat sekembali ke kampus dan cuba membuat pendaftaran dan keluar balik, kawan saya ajak saya tengok wayang, saya tidak mahu tengok kerana saya kepenatan. Kawan saya pergi tengok wayang di panggung Rex dan setahu saya selepas itu kawan saya tidak kembali selepas itu kerana di panggung Rex itulah tempat berlakunya pembunuhan. Tidak kira Cina dan Melayu asalkan nampak Melayu, Cina bunuh, benda itu sudah membara dan saya ingat seorang kawan saya bernama Hoo Hok Sang – nasib baik, dia Cina tetapi boleh bercakap Melayu fasih terutama Melayu Kelantan, bahkan dia boleh baca ayat Al-Quran, bila dia terserempak kawasan Melayu di Kampung Baru, kebetulan dia pergi ke Kampung Baru, dia cuba memberi salam maka dia terselamat.

Apa yang cuba saya hendak gambarkan bahawa kalau pada hari ini Yang Berhormat Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, Pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaysia memberi amaran jangan bermain api - amaran kepada DAP. Kemudian Yang Berhormat Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir dalam *The STAR* hari ini mengatakan *there would be more people rushing to put out the fire than to fan the flame* bermaksud jangan bermain api. Sebab, api ini memang kalau kecilnya menjadi kawan tetapi kalau besar ia menjadi lawan dan musuh. Api boleh membakar hanya puntung-puntung mancis dan kayu kering tetapi apabila api besar, ia mampu membakar pokok yang besar, pokok yang hijau bahkan rumah batu pun mampu ia membakar. Begitulah kalau perkara ini dipermainkan oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat satu drama yang sangat merbahaya, saya merasai kalau soal bumiputera disentuh pada 1987, satu peristiwa yang hampir sama mungkin berlaku bila tersentuhnya perasaan orang Melayu, tahun 1987 maaf kata, masa itu Yang Berhormat Ketua Pemuda MCA Dato' Lee Kim Sai bercakap soal hak bumiputera sudah gempar di Dewan Negara. Pemuda UMNO bangkit perhimpunan di TPCA hampir meletus kebakaran, mungkin tragedi 13 Mei kedua berlaku kalau

tidak kerana kecekapan polis Operasi Lalang, tahan sana, Datuk Ibrahim Ali masuk lokap – kena tahan. Datuk Fahmi Ibrahim, saya pun hampir kena tahan kerana pada masa itu saya Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Dato' Seri Haji Mohd. Najib pun berkemungkinan ditahan kerana terasanya bagaimana bila tersentuh perasaan, itu sama parti komponen, daripada MCA pada masa itu yang sentuh – telunjuk lurus kelingking berkait.

Ini gambaran yang saya timbulkan kalau soal-soal bahasa, soal hak, soal agama disentuh ianya cukup sensitif – hyper sensitive. Kalau pada masa itu dan cuba bayangkan barangkali perkara ini bahaya bila Tuan R. Karpal Singh menyentuh dalam satu kenyataan, *“kalau hendak tegakkan negara Islam langkah mayat saya”*. Cuba bayangkan, saya pun berseriau, Tuan Yang di-Pertua, apa nak main perasaan pada masa itu, tak perlu sentuh soal hendak tegak kah, atau tidak tegak kah tetapi bila bercakap itu kadang-kadang kita terfikir.

Kalau saya kata, okay, saya sanggup langkah mayat Tuan R. Karpal Singh untuk tegakkan Islam apa hendak jadi? Beratus, berjuta di belakang saya orang Melayu, orang Islam, sebab dari segi cita-cita orang Islam, soal menegakkan Islam menjadi cita-cita kita. Soal bila kita hendak tegakkan, bagaimana kita hendak tegakkan, proses bagaimana, itu hak kita. Tetapi kalau kita dicabar, siapa hendak tegakkan Islam, langkah mayat itu satu perkara yang cukup sensitif. Saya masih terasa sebab itu saya ambil peluang ini untuk bercakap di Dewan yang mulia ini. Kalau parti pembangkang, pemimpin negara, pemimpin politik sanggup memperalatkan perkara ini, itu satu perkara yang bahaya.

Amaran saya perlu beri kepada pemimpin ini – jangan. Kalau ia pun hendaklah bermuafakat, kalau ia pun hendak bermain politik, jangan mengguna ataupun mencari perkara-perkara yang sensitif kepada orang Melayu, kepada orang Islam. Kita bercita-cita hendak tegakkan Islam, dalam Islam kalau kita ada kuasa, gunakanlah kuasa, gunakanlah tangan kamu, kalau tidak boleh gunakan tangan atau kuasa, gunalah mulut kamu untuk menegakkan Islam. Kalau tidak boleh guna tangan, tidak boleh guna kuasa, tidak boleh guna mulut, gunalah hati kamu, bercita-citalah hendak

menegakkan Islam. Tetapi kita mempunyai cara kita, menegakkan Islam melalui proses, melalui UMNO tetapi bukan 'biol' macam PAS. Sudahlah melaungkan hendak menegakkan Islam, hendak membangunkan Islam tetapi apabila Tuan R. Karpal Singh berkata macam itu, dia berdiam diri. Itu bodoh punya PAS. Itu menunjukkan satu drama yang PAS kata dia hendak menegakkan Islam, apabila Tuan R. Karpal Singh kata, "*Langkah mayat saya kalau hendak tegakkan Islam*". Dia tidak ada apa-apa perasaan, saya berseriau bulu roma, bagaimana perasaan orang Islam lain. Tidak kiralah Islam UMNOkah, Islam PASKah, Islam BERJASAKah. Ini perkara yang perlu kita ingat kerana ini membahayakan kita semua. Maka saya menyeru kepada kerajaan jangan biarkan, kalau patut ambillah tindakan kerana ada saya yakin dan percaya ada akta-akta tertentu, Akta Hasutan atau apa pun, ambil tindakan tegas kepada pemimpin yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan macam ini. Kenyataan yang boleh mencetuskan perasaan, emosi rakyat yang boleh menyebabkan berlaku ketidaktenteraman dalam negara. Kalau berlaku perkara ini ia boleh menjejaskan segala-galanya, perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan. Jadi saya sukalah mengingatkan kepada pembangkang yang sentiasa memainkan peranan yang sensitif yang boleh mengganggu keamanan negara kita ini.

Satu perkara lagi ialah soal antara PAS, DAP dan juga Barisan Nasional, soal isu penyakit babi. Ini juga satu perkara yang mendukacitakan kita. JE, kepada pemimpin-pemimpin PAS, mereka ke kampung-kampung memburuk-burukkan kerajaan, pemimpin-pemimpin kerajaan melalui isu JE ini. Kononnya, JE ini adalah penyakit babi yang khusus untuk orang-orang bukan Islam dan perkara ini dimainkan peranan untuk membenci di kalangan orang Melayu kepada pemimpin-pemimpin Islam khususnya pemimpin Barisan Nasional ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Sukalah saya mengambil kesempatan untuk pihak kerajaan, khususnya Kementerian Penerangan, pegawai-pegawai penerangan turun ke bawah untuk menjelaskan bahawa ini adalah merupakan perkara yang perlu ditangani oleh kerajaan tanpa mengira sesiapa. Sebab penyakit JE ini tidak kenal orang UMNO, tidak kenal

orang Barisan Nasional, tidak kenal orang Cina, orang India, bahkan penyakit itu boleh masuk kepada tok guru yang berserban pun kerana ini penyakit. Dari segi menangani masalah ini juga perlu satu pihak kuasa yang lebih tinggi memastikan ianya dapat ditangani dengan baik. Ini satu-satunya contoh, bagaimana pihak pembangkang yang suka mempermainkan isu tanpa mengira kepentingan rakyat, kesihatan rakyat, pembangunan rakyat dan faedah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dalam sudut ini dan ingin mengingatkan kepada kita semua, khususnya parti-parti pembangkang janganlah sehingga sanggup menjejaskan keamanan negara kerana melalui keamanan negara dan kestabilan politik, kemakmuran dapat kita rasai. Biarlah kita menjadi pembangkang yang wajar, pembangkang yang boleh menegur kepada perkara yang patut ditegur tetapi jangan memperalatkan agama, memperalatkan sentimen, menyentuh soal agama, soal bangsa, soal bahasa, soal hak asasi dan sebagainya kerana ini adalah satu perkara yang bahaya. Janganlah bermain api seperti yang dikatakan oleh Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein. Dan janganlah mengganggu-gugat usaha kerajaan yang cukup baik untuk memberi jaminan kepada semua tanpa mengira mereka daripada parti PAS, mereka daripada DAP ataupun mereka daripada kumpulan pembangkang. Yang pentingnya kita rakyat Malaysia yang makmur ini dapat dan mampu untuk berdiri sebagai satu bangsa yang megah dan makmur menjelang alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 – 2000. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany dahulu, selepas itu *[Memandang ke arah Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani]*.

4.39 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap pada hari ini. Dalam peluang yang singkat, ingin saya mengulas tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 – 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita iaitu Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Krisis ekonomi yang melanda negara kita dan negara-negara Asia Tenggara yang lain pada tahun 1997 telah mengakibatkan pertumbuhan negatif ekonomi negara buat kali pertama setelah belasan tahun pertumbuhan. Oleh yang demikian, Kajian Separuh Penggal yang dibuat kali ini adalah amat penting berbanding dengan tahun-tahun yang lepas kerana ia akan menjadi jentera penggerak kepada pemulihan ekonomi negara. Antara langkah yang terpenting adalah perbelanjaan sebanyak RM22 bilion dari kerajaan untuk memulihkan ekonomi. Perbelanjaan ini yang akan diagihkan kepada beberapa sektor akan memberi peluang kepada sektor swasta untuk melancarkan projek-projek yang tergendala. Minyak sudah dituang oleh kerajaan, enjin swasta sudah bergerak semula dan ekonomi, insya-Allah, akan pulih. Setakat ini tanda-tanda pemulihan sudah ketara, Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur sudah

melonjak ke tahap 727 hari ini berbanding dengan tahap 400 mata pada masa yang sama tahun lepas.

Yang pentingnya sekarang ialah sektor swasta perlu meningkatkan tahap produktiviti mereka. Daya saingan kita perlu naik ke tahap yang lebih tinggi dan yang paling mustahak adalah kita juga tidak boleh ketinggalan dalam revolusi elektronik yang sedang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah. Di sini latihan-latihan dalam bidang komputer perlu diberi keutamaan kepada pemuda-pemudi kita, projek koridor raya multimedia memainkan peranan yang penting dalam menentukan daya saing kita dengan negara-negara Asia yang lain.

Oleh itu dasar yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan latihan dan pendidikan di negara ini amat penting dan tepat sekali. Jika pelajar-pelajar kita perlu menimba ilmu di bidang elektronik di luar negara, institusi-institusi kerajaan seharusnya membuka laluan memberi biasiswa untuk mereka kerana pelaburan inilah yang sangat penting untuk masa depan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang pengawalan mata wang Ringgit, yang semenjak September 1998 adalah pada tahap RM3.80 pada US\$1. Langkah yang telah diambil oleh kerajaan pada masa itu walaupun tidak popular telah membawa kestabilan mata wang Ringgit. Malah langkah ini juga telah menstabilkan kedudukan kewangan di sekitar rantau Asia Tenggara. Spekulasi ke atas mata wang Ringgit telah dapat dikawal dan ekonomi mula stabil. Hampir 9 bulan telah berlaku dan saya berasa adalah wajar kerajaan menimbang semula harga pengawalan RM3.80 untuk US\$1.

Saya membuat cadangan ini kerana jika nilai Ringgit adalah under value, dengan izin, pengaliran wang tunai yang berlebihan akan berlaku dari negara asing ke negara ini. Apabila pelabur-pelabur asing meraih keuntungan dari BSKL dan nilai Ringgit kemudiannya bertukar menjadi kukuh akan berlaku lagi pengaliran wang tunai yang akan cepat keluar dari negara ini. Oleh yang demikian saya berharap agar Bank Negara akan mengkaji semula aspek-aspek kawalan kewangan ini pada setiap masa

untuk mengelakkan pengaliran wang tunai masuk dan keluar yang terlalu ketara di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

4.44 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di dalam Dewan Rakyat pada 22 April 1999, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 11 Mei 1999 di mana kerajaan telah mengenal pasti enam cabaran untuk ditangani dan diatasi oleh negara. Cabaran-cabaran tersebut adalah:

- (i) keperluan meneruskan kekukuhan asas-asas makroekonomi;
- (ii) meningkatkan tahap produktiviti;
- (iii) merangsang semula sektor swasta;
- (iv) mengatasi sekatan di dalam sektor-sektor yang produktif;
- (v) memastikan penerusan hasil pencapaian matlamat-matlamat pengagihan; dan
- (vi) untuk mempertahankan penerusan kualiti penghidupan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pada petang ini akan merujuk kepada keenam-enam cabaran tersebut dalam konteks memperkukuh, menyokong, menerus dan mempertingkatkan lagi kebajikan, collative kaum pekerja dan rakyat sejangat umumnya. Justeru itu, saya seterusnya akan menumpukan hujah-hujah saya terhadap cabaran-cabaran yang berkenaan, satu, keperluan meneruskan kekukuhan asas-asas makroekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kami bersetuju sepenuhnya saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negara perlu terus memantapkan asas-asas makroekonomi demi untuk mampu memberi keselesaan yang sewajarnya pada rakyat sejangat. Sepertimana kita sedia maklum, negara kita adalah sebuah negara yang pada

mulanya berlandaskan ekonomi hasil dari pertanian, hari ini kita telah melangkah ke arah sebuah negara perindustian, dengan sumber-sumber input yang lebih besar diperuntukkan bagi sektor pembuatan.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, dengan kadar lonjakan kita ke arah perindustrian seperti mana yang telah diatur dan dilaksanakan, kita mampu mencapai status negara maju lebih awal sebelum tahun 2020, insya-Allah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dengan syarat pula, seluruh jentera negara harus digerakkan ke arah untuk mencapai matlamat ini, saya menggesa pegawai kerajaan yang menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan perancangan-perancangan yang telah diatur, disusun, hendaklah bekerjasama dan menumpukan dengan penuh perhatian bagi memastikan projek-projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan tanpa sebarang kelengahan.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang bertanggung tentunya akan menambah kos sedang kita ghairah menggembleng tenaga ke arah mencapai Wawasan 2020. Kita juga perlu tidak kesampingkan sektor pertanian lebih-lebih lagi sektor pengeluaran makanan. Sebagai contohnya, pada suatu ketika dulu negara kita adalah merupakan pengeluar beras sendiri yang mencukupi malahan merupakan sebuah negeri yang mengeksport beras ke negara-negara jiran, akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini terpaksa mengimport beras dari negara luar.

Saya tahu di Amerika Tuan Yang di-Pertua, biasa kalau saya keluar negeri, saya terpaksa bawa periuk oleh kerana saya terpaksa masak sendiri dan beras-beras yang diperolehi di supermarket di luar negeri kebiasaannya datang dari negara yang kita tidak fikir negara pertanian iaitu negara Amerika, sebuah negara perindustrian, negara kapitalis yang terkaya yang kita tahu ia mengeluarkan barang-barang bahan pembuatan dan sebagainya tetapi di Amerika sekarang Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi sebuah negara pengeluar beras pertanian dan berasnya begitu berkualiti, sungguh baik sekali.

Demikian juga berlaku kepada lain-lain komoditi yang berasaskan pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, daging, ikan, ayam, lain-lain perusahaan tenusu dan makanan bijirin. Adalah penting Tuan Yang di-Pertua, kita mencapai taraf pengeluaran bahan makanan untuk keperluan sendiri yang mencukupi untuk jangka masa yang akan datang.

Ini dapat mengurangkan aliran kadar pertukaran wang asing yang berharga dalam bentuk makanan yang diimport. Tidak kurang pentingnya ialah agar kita jangan terlalu sangat bergantung kepada negara-negara lain untuk mendapatkan bekalan bahan-bahan makanan yang mana negara kita adalah negara tropika yang sangat kaya dengan bahan-bahan ini yang boleh kita bercucuk tanam dan hidupkan dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita meninjau sejenak ke arah sektor-sektor perekonomian negara ke negara perindustrian Barat, kita dapat memerhatikan bahawa kebanyakan dari mereka terdiri dari para pengeluaran bahan makanan yang besar-besar pula. Dalam kehairahan mereka untuk mencapai ke tahap teknologi yang canggih, mereka tidak sama sekali mengeneipkan hasil pengeluaran bahan-bahan makanan, seperti mana contoh yang telah saya terangkan itu untuk negara mereka. Sebaliknya mereka berupaya memperkenalkan cara-cara hasil pengeluaran yang lebih maju ke arah mengalakkan pendekatan hasil tanaman-tanaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang telah maju seperti Jepun, Eropah dan Amerika jika kita bercakap tentang petani kita dapati golongan sektor ini adalah merupakan golongan sektor di kalangan kita anggap orang-orang kaya kelak. Sekiranya mereka keluar ke bandar mereka akan disegani oleh masyarakat yang lain kerana pendapatan per kapita mereka yang begitu tinggi. Mereka datang ke bandar dengan berkereta besar dan mempunyai rumah-rumah besar tetapi jika sekiranya kita bandingkan dengan petani-petani kita di luar bandar, kita lagi merasa sedih bahawa nasib petani-petani dan nelayan kita masih jauh ketinggalan di belakang dalam arus pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berbuat sesuatu yang lebih agresif untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan ekonomi golongan ini kerana ianya adalah merupakan golongan yang terbesar jumlah rakyat dalam negara kita. Tindakan-tindakan yang positif harus dilakukan ...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa dari segi pendapatan per kapita petani-petani di luar adalah jauh lebih baik dan mereka merupakan kumpulan yang disegani, sedangkan di negara kita pendapatan per kapita petani-petani adalah yang terendah di antara yang terendah. Jadi, pendapatan per kapita yang tinggi ini, bolehkah Yang Berhormat huraikan adakah kerana income ataupun price commodity yang dikeluarkan atau saiz ladang yang diusahakan oleh petani yang berkenaan. Kalau melibatkan harga komoditi, bermakna di negara kita juga mungkin ada pihak yang mendapat keuntungan, orang tengah yang mendapat keuntungan berbanding dengan di luar negara. Bolehkah Yang Berhormat memberikan ulasan?

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan yang dimajukan oleh Yang Berhormat, kedua-duanya mempunyai persamaan yang sama. Dari segi saiz ladang yang diusahakan oleh petani-petani di negara maju begitu besar dan mereka mempunyai jentera-jentera yang canggih dan boleh menghasilkan bahan-bahan pengeluaran yang begitu besar daripada ladang-ladang mereka.

Dari segi pendapatan memang ada pasaran mereka lakukan secara koperasi, secara kerjasama dan mereka mempunyai saluran-saluran tertentu, penjualan mereka tidak melalui, kebanyakan saya jelaskan, melalui orang tengah. Tetapi di negara kita ini, orang tengah yang mengaut keuntungan sedangkan para petani, nelayan di kampung-kampung memerah titik peluh mereka tetapi hasilnya begitu juga. Pendapatan mereka ini seperti kata orang Pulau Pinang, kehidupan mereka 'pi mai pi mai tang tu juga', tidak ada perubahan berlaku dalam konteks perkembangan ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi, kita harus berbuat sesuatu yang lebih agresif untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan ekonomi golongan ini kerana ianya adalah merupakan golongan yang terbesar jumlah rakyat di negara kita. Tindakan-tindakan positif harus dilakukan bagi memastikan kehidupan mereka selalu dalam perhatian dan tindakan kerajaan. Merekalah yang perlu dan harus dibela kerana

dalam isu untuk merapatkan jurang perbezaan di antara yang berada dan tidak berada, merapatkan di antara jurang pendapatan yang tinggi dan yang rendah. Kalangan-kalangan inilah yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan, dalam rancangan-rancangan kerajaan bagi mempertingkatkan kedudukan ekonomi mereka.

Jadi, saya menyeru sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita memperhebatkan lagi rancangan-rancangan kita untuk menolong sektor-sektor ini supaya sektor ini tidak selama-lamanya akan ketinggalan dalam arus pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak menafikan adanya usaha-usaha yang berterusan telah dijalankan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka, namun demikian kita harus memikiran tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang lebih gigih dan agresif hendaklah dilakukan dengan cara kita mempelajari, saya tegaskan sekali lagi, dari negara-negara tersebut dan tidak pula semestinya bila saya memperkatakan mempelajari, kita harus mempelajari perkara-perkara yang bertentangan dengan kebudayaan kita tetapi mempelajari teknologi dan dasar-dasar bagaimana mereka mengamalkan dari segi pengeluaran bahan-bahan makanan adalah satu perkara yang harus kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Ekonomi Negara (MTEN) telah mengesyorkan agar kerajaan-kerajaan negeri memperuntukkan lebih banyak kawasan tanah pertanian dan saya berharap kerajaan negeri akan dapat bekerjasama bagi memastikan kelulusan-kelulusan tanah untuk pertanian dipercepatkan dan kerajaan negeri hendaklah menggalakkan usaha-usaha bercucuk tanam dan mengeluarkan bahan-bahan pertanian dijadikan salah satu dasar utama negeri-negeri yang berkenaan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata, pihak berkuasa negeri perlulah meluluskan tanah-tanah untuk pertanian. Adakah pada pandangan Yang Berhormat, masalah pertanian ini sebenarnya daripada isu tanah ataupun kurangnya penduduk-

penduduk yang mempunyai tanah berusaha untuk mengusahakan tanah. Kita tahu banyak tanah-tanah yang terbiar ini, terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam perbincangan MTEN yang saya menjadi ahlinya, soal kekurangan tanah-tanah pertanian sudah menjadi satu isu yang diperbincangkan begitu hangat dalam MTEN dan Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan supaya kerajaan negeri mengambil sikap yang lebih rasional bagi memastikan tanah-tanah pertanian lebih banyak dibuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan tadi supaya kerajaan negeri menjadikan dasar pertanian sebagai dasar yang utama sebab dengan adanya dasar utama ini, kita boleh menggalakkan rakyat luar bandar bercucuk tanam dan mengambil inisiatif untuk bekerja di ladang-ladang mereka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan kerana Yang Berhormat ada menyebut meminta kerajaan negeri mengadakan satu dasar bagi mengenal pasti tanah-tanah terbiar dan menggunakan sepenuhnya, adakah ini bermakna Dasar Pertanian Negara Ketiga yang baru digubal dan diluluskan itu tidak memadai untuk kerajaan negeri dan persekutuan mengimplimentasikan, menterjemahkan ke bentuk pelaksanaan.

Tuan Zainal bin Rampak: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Sebenarnya terdapat satu ketidaksefahaman dari segi pelaksanaan dasar itu sendiri. Maka itulah sebabnya MTEN menjelaskan lebih jelas supaya kerajaan negeri memperuntukkan tanah-tanah bagi tujuan pertanian seperti mana yang telah disarankan dan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya untuk menjadikan dasar pertanian ini sebagai satu dasar utama kepada kerajaan negeri ini akan dapat menggalakkan rakyat di luar bandar mengusahakan tanah-tanah mereka sendiri ataupun memohon kepada kerajaan negeri untuk membuka tanah-tanah yang ada dalam negeri tersebut untuk tujuan bercucuk tanam.

Saya berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara dari pengalaman pergerakan kesatuan sekerja ialah soal penghijrahan, penghijrahan muda-mudi kita dari luar bandar ke bandar demi untuk mencari pekerjaan yang tetap, pendapatan tetap. Dengan adanya dasar pertanian yang diwujudkan oleh kerajaan negeri yang lebih mantap, lebih terbuka dan dengan ada insentif-insentif yang lebih baik saya yakin kalangan muda-mudi kita akan berkurangan berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Ini salah satu dari cara yang boleh kita lakukan untuk menyekat penghijrahan kalangan muda-mudi kita ke bandar kerana mencari peluang-peluang pekerjaan di dalam kilang-kilang perindustrian, pembuatan dan sebagainya. Jadi dengan hal yang demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, ini akan dapat mempertingkatkan pertumbuhan pertanian dalam negara kita dan saya yakin bahawa jika sekiranya ini dapat dilakukan kita akan dapat berjaya dalam usaha-usaha kita memperbanyakkan lagi pengeluaran pertanian dan dengan hal demikian petani tersebut akan mendapat pendapatan yang lebih dan dalam masa yang sama pengguna juga akan mendapat barang-barang bahan makanan pertanian dalam negara kita sendiri.

Kita telah diberitahu dalam Dewan ini bila rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian mengapa harga ayam telah meningkat naik dan kami juga dari pergerakan kesatuan sekerja bertanya dalam satu nada yang sama. Jawapan yang diberi begitu ringkas bahawa oleh kerana bahan-bahan makanan ayam seperti jagung adalah diimport dari luar negeri, itulah sebabnya mengapa harga daging ayam naik. Soal kenaikan harga barang-barang pertanian inilah salah satu dari perkara yang selalu diperkatakan dan dipersoalkan oleh rakyat dan pengguna amnya.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tanah-tanah yang terbiar dan kerajaan negeri dapat memperuntukkan tanah lebih luas dan menggalakkan rakyat pertanian bertanam bercucuk tanam menanam jagung saya fikir barang- kali kita tidak perlu mengimport jagung-jagung untuk bahan-bahan makanan binatang dari luar negeri. Ini akan dapat dengan tidak secara langsung mengelakkan pengaliran wang ringgit kita ke luar negeri dalam segi bentuk pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan menambah peruntukan belanjawan sebanyak RM1 bilion kepada tabung makanan adalah sangat dihargai dan berharap tabung ini akan digunakan dan dilaksanakan mengikut seperti mana yang telah dirancang. Tuan Yang di-Pertua, sambil segala usaha diambil untuk meningkatkan pengeluaran makanan janganlah kita lupa bahawa sektor pertanian juga merupakan sektor 'in palmer' yang terbesar menagih tenaga pekerja.

Para petani, nelayan, peladang dan pekebun kecil serta peniaga runcit adalah termasuk dalam golongan pekerja sektor 'in palmer' terbesar yang melibatkan diri dalam aktiviti pengeluaran. Di samping itu terdapat segolongan yang agak besar pekerja-pekerja sektor 'in palmer' yang menawarkan perkhidmatan yang terdiri dari para pemandu kereta sewa, teksi persendirian, pekerja-pekerja industri kecil, para pembantu stesen minyak, para pekerja restoran dan banyak lagi pekerja dalam bidang perkhidmatan. Kumpulan pekerja ini yang tidak menjadi ahli kesatuan sekerja terdiri dari lebih 40% dari jumlah tenaga kerja negara sebanyak 9.5 juta pekerja. Sedih tetapi benar Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebanyakan mereka telah tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berwajib. Kami bimbang terhadap untung nasib mereka kerana perundangan buruh kita yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk memenuhi kepentingan kumpulan-kumpulan tersebut. Mereka ini tiada jaminan perlindungan berkaitan tempoh waktu bekerja, membayar upah kontrak perkhidmatan, faedah-faedah pemberhentian dan pembuangan kerja, caruman KWSP dan SOCSO, hak-hak untuk mengaudit kesatuan sekerja, tawar-menawar bersama dan lain-lain faedah yang dijamin untuk para pekerja sektor 'in palmer' di bawah peruntukan akta pekerjaan, akta sosial, akta kesatuan sekerja dan akta perhubungan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya suka untuk membawa perhatian kepada Dewan ini, soal rakan-rakan saya di Sabah dan Sarawak, pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak di mana kedua-dua negara ini Tuan Yang di-Pertua mempunyai perundangan yang berlainan dengan Semenanjung. Di Sabah, di Sarawak mempunyai labour ordinance atau ordinan buruh yang telah ditinggal oleh penjajah Inggeris dan

masih lagi dipakai di kedua-dua negara tersebut. Dalam undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua tidak ada peruntukan seperti mana jika seseorang pekerja tersebut ditamatkan pekerjaannya oleh syarikat. Dalam menghadapi kegawatan ekonomi yang berlaku di negara kita baru-baru ini Shipyard di Labuan seramai 750 tenaga pekerja telah ditamatkan. Dalam undang-undang buruh negara yang berkenaan tidak ada peruntukan langsung bersabit dengan pembayaran penamatan perkhidmatan jadi dengan itu syarikat tidak berhak untuk membuat pembayaran. It is not compel, dengan izin syarikat untuk membuat pembayaran faedah penamatan. Apa yang telah berlaku itu sebahagian daripadanya.

Saya ketahui banyak pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatannya tidak mendapat bayaran langsung, jadi bila mana saya bertanya kepada kerajaan negeri di Sarawak berjumpa dengan seorang Menteri di Jabatan Ketua Menteri. Beliau memberitahu kepada saya bahawa katanya, jika sekiranya peruntukan-peruntukan yang ada dalam akta pekerjaan hendak dimasukkan dalam labour ordinance, dengan izin di Sarawak ianya memerlukan perintah Parlimen bagi membolehkan kerajaan negeri membuat pindaan-pindaan yang perlu dilakukan di dalam labour ordinance.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kala tidak tahu bagaimana keadaan ini berlaku. Sebuah negara mempunyai dua labour ordinance, satu untuk pekerja di Semenanjung, satu lagi untuk pekerja di Sabah dan Sarawak sedangkan kita adalah merupakan rakyat Malaysia dan pekerja Malaysia sendiri, saya tidak nampak keadaan sebegini wujud dalam negara kita. Dan bila mana perkara ini dibincangkan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan kami diberitahu oleh pihak Kementerian Sumber Manusia bahawa kerajaan kedua-dua negara tersebut tidak mahu meminda akta buruh mereka atau labour ordinance mereka dan bilamana kita bertanya kepada kerajaan negeri, kerajaan negeri cakap kerajaan pusat harus bertindak mengarahkan melalui Parlimen's Enactment, dengan izin memerintahkan kerajaan negeri meminda Akta Buruh di Sarawak dan juga Sabah bagi membolehkan provision faedah-faedah yang ternyata dalam akta pekerjaan di Semenanjung dimasukkan dalam Akta Buruh di Sabah dan Sarawak.

Saya ada mengemukakan soalan di hujung persidangan ini meminta kerajaan pusat mengambil tindakan seberapa segera. Saya kira rakan-rakan saya di Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua, sudah 20 tahun merana peruntukan-peruntukan undang-undang buruh di Sabah dan Sarawak tidak sama sekali melindungi mereka dan kebanyakan dari mereka berpendapat bahawa undang-undang buruh di Sabah dan Sarawak lebih pro kepada majikan daripada pro kepada pekerja.

Jadi konsep ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kira barangkali kita harus membetulkan apa yang tidak betul dan MTUC sanggup untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan undang-undang yang sedemikian dipinda dengan serta merta dan saya menggesa Kementerian Sumber Manusia jika perlu, enakmen Parlimen memerintahkan kerajaan negeri bertindak sedemikian, saya menggesa Kerajaan Pusat, Kementerian Sumber Manusia mengambil tindakan seberapa segera membuat pindaan-pindaan yang perlu dilakukan demi untuk kepentingan pekerja negara Malaysia yang tinggal di Sabah dan Sarawak yang selama ini tidak mendapat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks informal sector ini, saya kira langkah-langkah wajar perlu diambil segera oleh pihak-pihak berwajib untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja sektor tidak informal ini. Akhirnya, mereka ini akan dikesampingkan dan dinafikan ruang laluan masuk yang saksama ke dalam arus haluan utama pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, peningkatan tahap produktiviti. Bila kita memperkatakan tentang produktiviti, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak memadai jika kita hanya menumpukan terhadap produktiviti- produktiviti tenaga buruh, meskipun produktiviti- produktiviti pemburuan merupakan ciri-ciri penting dalam menumpukan ciri-ciri penting dalam menentukan Total Factor Productivity (TFP). Dalam erti kata lain, pendekatan ke arah sasar produktiviti hendaklah dengan prundangan secara holistic dan lebih meluas, tidak tertumpu secara spesifik dan berpandangan sempit.

Terdahulu dari itu, sebelum melihat perkara ini kita perlu mempertimbangkan capital productivity. Satu kajian menyeluruh harus dibuat bagi menentukan sama ada

modal atau tabung pembiayaan yang diperuntukkan atau disediakan bagi sesuatu projek itu telah terlebih dahulu digunakan dengan berkesan tanpa sebarang pembaziran.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, yang terbaharu ialah pengkalan baru Tentera Laut Diraja Malaysia, kalau tidak silap saya di Kota Tinggi, ianya telah dibina dengan harga RM164 juta bagi menggantikan pengkalan Tentera Laut di Woodlands, Singapura. Kini projek yang telah siap dibina itu telah didapati tidak selamat dan tidak sesuai untuk digunakan. Ini adalah satu contoh nyata tentang capital productivity yang buruk. Bukan sahaja peruntukan kewangan itu membazir, malahan ianya memerlukan tambahan perbelanjaan untuk kerja-kerja pembaikan, gantian dan pembetulan. Kerugian ini tidak termasuk kerugian tenaga kerja, tenaga pengajar dan pelatih yang telah diambil untuk melatih rekrut-rekrut baru. Malahan, ianya telah merugikan negara terutama sekali di kalangan kita semua yang membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun kami tidak memperkatakan produktiviti tenaga buruh itu penting bagi pertumbuhan ekonomi, saya secara tulus ikhlas berharap agar kerajaan dan juga sektor swasta dapat melihat dalam diri masing-masing dengan bersungguh-sungguh sama ada terdapat productivity of capital, sumber-sumber material dan tenaga manusia yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita memperkatakan tentang sumber tenaga manusia kita perlu melihat tiga perkara penting bagi melonjakkan produktiviti perburuhan:

- (i) Kemahiran (skilling);
- (ii) Kemahiran semula (reskilling);
- (iii) Kemahiran Pelbagai (Multi Skilling)

Sedang kita mengorak langkah ke arah sebuah ekonomi perindustrian, adalah penting kita melengkapkan diri para pekerja tidak mahir dengan kemahiran asasi kerja. Dalam masa yang sama kita perlu melengkapkan pekerja-pekerja mahir dengan kemahiran baru yang konsisten dengan teknologi baru yang canggih. Sambil proses ini berjalan,

kita perlu menyediakan para pekerja mahir yang tersedia dengan pelbagai kemahiran tambahan agar mereka mampu melaksanakan tugas kerja-kerja yang beraneka rupa.

Di bawah rancangan Prospektif Garis Kasar Kedua atau dengan izin, Second Out Line Prospective Plan (OPP2) negara memerlukan tenaga pekerja 65,000 jurutera berkelayakan dan 40,000 pembantu jurutera menjelang Tahun 2020. Tahun 2020, Tuan Yang di-Pertua, hanya tinggal beberapa bulan lagi, kita belum pun mencapai separuh dari bilangan tenaga yang diperlukan itu. Sekiranya semua universiti swasta baru digabungkan, ianya masih tidak mampu untuk melatih dan mengeluarkan begitu ramai tenaga profesional dan separuh profesional dalam tempoh masa yang begitu singkat.

Koridor Raya Multimedia (MSC) pula terus menerus memerlukan para pekerja mahir khususnya profesional teknologi maklumat bila mana beroperasi sepenuhnya kelak, maka apakah yang harus kita lakukan. Persoalan ini, saya kira harus dijawab, diberikan perhatian oleh kerajaan bagi memastikan perancangan yang telah diatur akan dapat dilaksanakan dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, para majikan pula hendaklah digalakkan supaya melatih para pekerja masing-masing dan membantu mereka mendapatkan kemahiran tambahan lanjut. Mereka hendaklah digalakkan supaya menggunakan Tabung Pembangunan dan Sumber Manusia (Human Resources Development Fund), bagi mencapai matlamatnya. Tabung ini mempunyai simpanan lebih daripada RM162 juta dan jumlahnya kian meningkat dari masa ke semasa hasil daripada sumbangan majikan. Wang dalam tabung ini boleh digunakan secara berkesan, sekiranya para majikan benar-benar jujur dan berminat meningkatkan kebajikan para pekerja mereka.

Dalam keadaan ekonomi yang merosot sekarang ini, para majikan hendaklah bersikap lebih overactive dan belas ehsan dan melatih para pekerja mereka dan bertindak dengan sebaik-baiknya bagi memastikan pekerja-pekerja mereka dilatih dengan sempurna. Para pekerja ini setelah tamat kursus-kursus latihan hendaklah diserapkan semula ke dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang ditajakan oleh majikan. Dengan berbuat demikian, para majikan bukan sahaja dapat mengurangkan kadar

perberhentian pekerja-pekerja disebabkan tindakan lebih tenaga pekerja, malahan akhirnya pihak majikan akan memperolehi keuntungan kerana para pekerja yang memiliki kemahiran yang lebih akan dapat menghasilkan barangan dan perkhidmatan nilai tambahan yang lebih meningkat dan bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap sedikit dalam perkara ini, seperti mana yang saya ketahui sebelum kegawatan ekonomi melanda negara kita, sebelum bulan Julai 1997, waktu ekonomi begitu baik kebanyakan majikan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak menghiraukan sama sekali untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Mereka lebih berminat menggunakan tenaga mereka demi untuk mengaut keuntungan kerana ekonomi begitu baik dan mereka selalu memikirkan bagaimana caranya untuk menambah pengeluaran dengan mengadakan kerja-kerja lebih masa dan sebagainya untuk para pekerja tersebut. Walaupun ianya menguntungkan pekerja tetapi dari segi kemahiran. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat dapat mempertingkatkan kemahiran pekerja tersebut.

Dalam masa keadaan ekonomi kita merosot, dalam kegawatan yang berlaku di negara kita, kita telah mencadangkan pula kenapa tidak pekerja-pekerja yang berlebihan yang hendak ditamatkan, majikan menghantar mereka ini untuk dilatih dan menggunakan tabung yang ada dalam Human Resources Development Fund, dengan izin, untuk melatih pekerja-pekerja tersebut dalam kemahiran. Inipun tidak dapat diterima oleh majikan dan majikan beranggapan bahawa mereka tidak mampu untuk berbuat demikian, dan mereka tidak sanggup untuk melakukan, katanya kalau sekiranya mereka ini dilatih besar kemungkinan bila mereka balik semula dengan kemahiran yang ada pada mereka, besar kemungkinan mereka akan meninggalkan syarikat tersebut, akan masuk ke syarikat lain. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, mentaliti sesetengah syarikat ini harus diubah pemikiran mereka. Mereka lebih sensitif kepada kehendak, keperluan negara dan juga keperluan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap kepada majikan dalam negara kita ini, walaupun saya sebagai pemimpin kesatuan sekerja kadangkala juga saya mempunyai pandangan yang lebih rasional bukan sahaja memihak kepada kepentingan pekerja itu sendiri malahan kepentingan majikan juga kadangkala harus kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi konteks ini majikan harus mengubah sikap mereka. Tidak semestinya memikirkan keuntungan sahaja demi untuk kepentingan mereka. Tetapi yang lebih ialah soal masa hadapan, vision kita, vision majikan itu sendiri untuk menjadikan syarikat tersebut lebih maju mereka perlukan tenaga pekerja yang mahir, yang berkelayakan dan tidak semestinya mereka mengambil pekerja lain.

Tuan Yang di-Pertua, majikan ini, mereka tidak mahu melatih dan tidak mahu mengeluarkan perbelanjaan untuk melatih pekerja mereka tetapi mereka sanggup pencen, dengan lain perkataan mengambil pekerja lain, dengan membayar lebih sebanyak RM100 gaji dan sebagainya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Dengan izin, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, bagaimanakah untuk melahir sesebuah syarikat mempunyai pekerja-pekerja yang mahir jika mereka telah diberi peluang untuk menambahkan kemahiran mereka atau meningkatkan daya kerja mereka, dengan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran atau menghadiri kursus-kursus dan sebagainya tetapi akhirnya mereka pulang dan meninggalkan syarikat? Jadi, ini menjadi satu masalah yang besar yang menyebabkan kadang-kadang syarikat mengenakan satu dasar yang tidak mahu memberikan galakan yang demikian kecuali dengan membuat ikatan-ikatan yang tertentu. Tetapi dalam pada itu syarikat-syarikat terus menghadapi masalah sebab apabila mereka pulang dan tindakan diambil oleh syarikat dan syarikat mengetahui bahawa mereka akan terlibat dalam satu proses mahkamah yang panjang dan enggan untuk berbuat demikian dan kemudian syarikat lebih bersedia untuk mendiamkan diri dan ini menggalakkan penghijrahan para pekerja yang terlatih dari satu syarikat ke satu syarikat yang lain. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah sikap pihak MTUC atau pihak kesatuan sekerja di sini sendiri dalam masalah ini yang saya kira adalah satu masalah yang besar yang dihadapi oleh kebanyakan syarikat perniagaan?

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Soal yang utama, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal keikhlasan syarikat itu sendiri. Dalam pengalaman

saya selama 40 tahun dalam kesatuan sekerja. Yang penting ialah soal keikhlasan majikan memastikan pekerja tersebut tinggal berkekalan dalam syarikat, 'long lived employment', dengan izin. Seperti juga dengan kakitangan perkhidmatan awam, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka itu pergi training, diberikan scholarship, balik training dan selepas itu akan meninggalkan jabatan berkenaan. Yang harus difikirkan oleh semua pihak sama ada majikan swasta ataupun kerajaan ialah cara mana kita hendak memastikan pekerja tersebut kekal kerana ini merupakan satu aset, satu harta yang sungguh berharga kepada syarikat itu sendiri. Kalau boleh diubah skim pekerjaan mereka - skim perkhidmatan mereka.

Besar kemungkinan kalau seorang itu bertauliah dan mempunyai kemahiran balik bekerja semula dalam syarikat tersebut, sama ada syarikat perlu memikirkan kenaikan pangkat untuk pekerja yang berkenaan. Diberikan kenaikan pangkat atau diberikan kenaikan gaji yang berpatutan, setimpal dengan kemahiran, kebolehan ataupun kepandaian yang telah diterima oleh mereka, didapati oleh pekerja yang berkenaan. Ini akan dapat mengelakkan pekerja tersebut berhijrah ke tempat lain, dengan adanya majikan-majikan yang sanggup untuk membeli mereka lebih RM100 ataupun RM200 dan sebagainya. Kita tahu sesetengah majikan, kita cakap, "so stingy" dengan izin, tidak mahu melatih pekerja-pekerja mereka dan mengeluarkan wang untuk melatih pekerja mereka. Jadi, ini caranya saya kira barangkali satu cara yang boleh kita lakukan bagi memastikan pekerja tersebut kekal bila mana mereka telah dilatih dan kembali semula bekerja dalam syarikat yang berkenaan.

Soalan seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi, soal berhadapan dengan mahkamah dan sebagainya, perkara ini merupakan perkara-perkara yang kita boleh anggap tidak sering berlaku. Walaupun ada berlaku disebabkan beberapa sebab yang tertentu dan kebanyakannya daripada analisa saya, Yang Berhormat Datuk Zainudin, ialah soal kesilapan majikan itu sendiri. Ini penganalisaan saya oleh kerana saya telah menjelaskan dengan terang bahawa majikan tidak dapat menerima hakikat bahawa pekerja-pekerja yang berkenaan setelah dilatih, mereka

perlu ditempatkan lebih tinggi, statusnya lebih baik daripada sebelum mereka pergi berlatih.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat kena beri laluan sebab apa yang diperkatakan tadi oleh Yang Berhormat itu sangat penting sekali kepada pekerja-pekerja dan juga kepada syarikat-syarikat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah ini satu fenomena, satu kejadian yang berlaku sekarang ini iaitu syarikat-syarikat tidak hendak melatih pekerja-pekerjanya termasuk majikan-majikan. Apa sebabnya terjadi ini, bukan sahaja syarikat-syarikat tidak hendak melatih orang yang diberi kerja di bawahnya, syarikat-syarikat juga tidak hendak mengadakan R&D, dengan izin, kepada syarikat-syarikat itu sendiri untuk mendalami dan mengetahui dengan lebih baik supaya produktiviti syarikat itu meningkat dengan adanya research dan development ini. Ini satu fenomena di negara kita ini, mereka sayang sangat duit, tidak macam negara-negara lain sebab dengan adanya R&D ini, dengan adanya majikan melatih pekerja-pekerjanya dia akan meningkatkan produktiviti dan akan mengurangkan pekerja-pekerja dan mutu barang yang keluar daripada syarikat akan lebih tinggi dan bersaing dengan barang-barang yang keluar daripada negara-negara maju. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang sama sekali bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana sikap sesetengah majikan, bukan semua Yang Berhormat, setengah majikan-majikan ini tidak sanggup untuk berbelanja dalam bentuk human resources development, dengan izin, untuk melatih pekerja-pekerja, ini yang menjadi soalan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan syarikat-syarikat, mereka mengharapkan kerajaan sahaja melatih pekerja-pekerja mereka. Mereka sengaja mengharapkan kerajaan. Mereka tidak mahu sama sekali untuk menggunakan wang ataupun 'set

aside', dengan izin, untuk satu tabung untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Ini persoalan yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bukan sahaja majikan-majikan swasta malahan kadangkala terdapat juga daripada syarikat-syarikat yang telah diprivatisedkan ataupun diswastakan dan juga kuasa government

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin minggu hadapan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akur.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Isnin minggu hadapan iaitu 17 Mei 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.